

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGAL KEEMPAT  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 20**

**Khamis**

**7 April 2011**

---

**K A N D U N G A N**

<b>USUL MENANGGUHKAN BACAAN KALI KEDUA DAN KETIGA RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62</b>	(Halaman 1)
<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1):</b>	
■ <b>Siasatan dan Tindakan Atas Kematian Adik     Saiful Syazani Saiful Sapidree</b>	
- <i>Dato Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib (Maran)</i>	(Halaman 27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 28)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010	(Halaman 29)
Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010	(Halaman 67)
<b>USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
<b>USUL-USUL MENTERI KEWANGAN:</b>	
Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61)	(Halaman 99)
Akta Pendanaan Kerajaan 1983 (Akta 275)	(Halaman 105)
Akta Tatacara Kewangan (Semakan 1972)	(Halaman 109)
Akta Kastam 1967	(Halaman 113)
Akta Cukai Perkhidmatan 1975	(Halaman 117)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**Khamis, 7 April 2011**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**  
[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**  
**MENANGGUHKAN BACAAN KALI YANG KEDUA DAN KETIGA**  
**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62:-

1. DR 44/2010 - Rang Undang-undang Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2010;
2. DR 4/2011 - Rang Undang-undang (Larangan) Kumpulan Wang Kutu (Pindaan) 2011;
3. DR 30/2010 - Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010;
4. DR 48/2010 - Rang Undang-undang Maktab Kerjasama (Perbadanan)(Pindaan) 2010;
5. DR 2/2011 - Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2011;
6. DR 1/2011 - Rang Undang-undang Veteran 2011;
7. DR 3/2011 - Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011;
8. DR 5/2011 - Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011;
9. DR 46/2010 - Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010;
10. DR 7/2011 - Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Pemerbadanan)(Pindaan) 2011;
11. DR 45/2010 - Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010; dan
12. DR 37/2009 - Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009.

Yang dijadualkan sebagai nombor 3 sehingga 14 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini ditangguhkan bacaan kali kedua dan ketiga dan dibawa ke Mesyuarat akan datang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

*[Soalan No. 1 – Y.B. Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Haji Salleh (Kalabakan) tidak hadir]*

**2. Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan perancangan dan usaha yang dilakukan untuk mengatasi masalah hakisan pantai di negeri Terengganu seperti Pantai Tok Jembal Kuala Nerus, Telok Lipat Dungun, Rhu Redang Marang dan Telok Kalong Kemaman.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya prihatin terhadap masalah hakisan pantai yang berlaku di beberapa bahagian di pesisiran pantai negeri Terengganu. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah menyediakan perancangan untuk menangani masalah ini dan kerja-kerja akan dilaksanakan mengikut kelulusan kewangan yang diluluskan dari semasa ke semasa. Bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Pantai Tok Jembal, reka bentuk terperinci bagi kerja-kerja menjaga pantai sedang dimuktamadkan dan tender dipelawa pada pertengahan tahun 2011.

Sejumlah RM2.5 juta telah disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh *rolling plan* pertama. Selain itu, sejumlah RM7.5 juta akan dipohon di bawah *rolling plan* kedua untuk kerja-kerja sambungan. Di samping itu, di bawah *rolling plan* kedua, sejumlah RM10 juta juga dipohon bagi kerja-kerja reka bentuk dan pelaksanaan projek bagi mengatasi masalah hakisan pantai di Teluk Lipat dan RM5 juta untuk kawasan Rhu Redang di Marang kerana kedua-dua kawasan didapati kategori yang kritikal. Manakala hakisan pantai di Teluk Kalong Kemaman adalah tidak kritikal dan akan terus dipantau oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, projek penanaman pokok bakau dan spesies bersesuaian seperti ru juga telah dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu di Pantai Tok Jembal Kuala Nerus, Rhu Redang Marang dan Telok Kalong Kemaman. Sekian.

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, sekali air bah, sekali pantai berubah tetapi apa yang berlaku di Terengganu, tidak ada bah, banjir kecil-kecil itu adalah tetapi persoalannya yang saya timbulkan persoalan ini kerana perancangan yang tidak betul. Yang berlaku hakisan pantai ini ialah kerana gangguan yang terlampau banyak di kawasan pantai itu sendiri. Saya beri contoh, apa yang berlaku di Tok Jembal, kerana pembinaan landasan Lapangan Terbang Sultan Mahmud, terus sampai ke laut, dia buat tambak begitu rupa. Apa yang berlaku di Pantai Rhu Redang sebagai contohnya, kerana pembinaan *breakwater* ataupun pemecah ombak yang dibuat kerana hendak membina Pelabuhan Chendering. Ini gangguan-gangguan yang dilakukan sehinggakan ada tindak balas yang menyebabkan hakisan yang berlaku sepanjang masa terutama lebih teruk kalau musim

tengkujuh sehinggakan kita menghadapi masalah. Jalan raya di tepi pantai di Telok Lipat Dungun dah hendak sampai habis ditenggelamkan, hendak dikorek, dihakis.

■ 1010

Jadi persoalan yang saya hendak kemukakan, adakah kerajaan membuat kajian secara menyeluruh tentang apa juga aktiviti yang melibatkan pantai supaya jangan ada kesan sampingan yang begitu teruk sehingga kita terpaksa pula membuat perancangan dan mengeluarkan peruntukan yang besar bagi hendak baik pulih. Saya bimbang kalau tidak ada perancangan yang begitu rapi, kalau peruntukan sekadar RM10 juta, RM5 juta, persoalannya tidak mampu kerana ada tempat yang telah pun dibaik pulih dihakis semula. Hakisan itu berlaku secara berterusan. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Terengganu. Ombak ini berlaku kita tidak sama sekali duga sekarang ini atas sebab-sebab mungkin perubahan iklim. Akan tetapi untuk menjawab soalan sebentar tadi berkaitan dengan tidak ada perancangan yang rapi, maka kita akan menjalankan satu kajian menyeluruh.

Sekarang ini Ahli Yang Berhormat, kita melihat *spot-spot* yang kritikal sekali dan bagi Pantai Tok Jembal ini, maka kita telah pun siapkan kajian untuk memperbaiki lebih kurang empat kilometer. Akan tetapi dalam fasa pertama kita akan mengatasi masalah hakisan pantai itu sejauh dua kilometer terlebih dahulu. *Now*, kita akan terus menjalankan kajian secara menyeluruh, mengambil kira apa yang berlaku, apa yang berlaku berkaitan dengan *runaway of the aeroplane* itu supaya mungkin ombak yang akan sampai ke destinasi itu dapat dikurangkan. Kita akan mengambil kira itu. Kita tetap akan mengambil kira. Terima kasih.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sebelum itu hendak mengucapkan selamat datang kepada pemimpin-pemimpin wanita daripada Kangar dan juga pelajar-pelajar Sekolah Menengah Bukit Gamir bersama-sama kita dalam Dewan ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita ucapkan terima kasih kepada kerajaan. Yang Berhormat Kuala Terengganu. *[Disampuk]* Apalah pembangkang. Pagi-pagi sudah...

**Seorang Ahli:** Ayat lain tidak adakah?

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Memang tidak pernah terima kasih. Kita tahu kita boleh terima ada kadang-kadang perancangan yang tidak baik dan sebagainya. Yang tidak menyeluruh. Akan tetapi, jangan ambil itu sebagai satu *point* untuk tidak berterima kasih kepada kerajaan. Usaha dibuat. Satu lagi, jangan kita lupa kuasa Tuhan. Tsunami berlaku, siapa yang hendak? Tebing itu, semua orang tidak mahu tanah runtuh. Akan tetapi apabila Tuhan kata turun gempa bumi, turun tsunami, kita terpaksa terima. *[Disampuk]* Jadi, janganlah kerana politik kita hendak menafikan jasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ini kerja dialah. Biar. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih banyak. Akan tetapi bukan setakat di Terengganu bahkan di seluruh negara kita, di pinggiran pantai kerana kita di Semenanjung, di Sabah dan Sarawak di kelilingi oleh laut. Sudah tentulah saya kira tempat-tempat yang menerima ancaman hakisan ini lebih luas. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mempunyai maklumat *detail* ikut negeri berapakah panjang pantai kita yang memang sebenarnya terdedah kepada hakisan. Hari ini hakisan ini bukan sahaja merugikan, bahkan merugikan penduduk-penduduk yang berada di tepi pantai itu sendiri.

Jadi apakah kesannya akibat hakisan ini kepada pelancongan negara kita sebab sesetengah macam di Terengganu, di Pahang. Ini negeri-negeri yang mempunyai potensi kawasan pelancongan yang cukup baik. Jadi apakah kesannya apabila hakisan berlaku kepada pelancongan ataupun hasil pelancongan di negara kita? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasihlah atas sebab kita sedar apabila ada masalah berlaku seperti ini, kita cukup prihatin dan seterusnya membuat perancangan-perancangan yang tepat untuk mengatasi masalah itu. Pertanyaan Yang Berhormat sebentar tadi ialah berkaitan dengan berlakunya hakisan pantai di seluruh negara kita. Sebenarnya kita telah menjalankan satu kajian di mana sejumlah panjang pesisiran pantai negara ialah 4,890 kilometer. Daripada jumlah ini, sepanjang 1,414.5 kilometer pantai mengalami masalah hakisan.

Berdasarkan kepada kadar hakisan ini, kepentingan dan nilai kegiatan ekonomi, ini untuk menjawab soalan kedua itu, kepentingan dan nilai kegiatan ekonomi yang terlibat, maka kawasan hakisan 223 kawasan ini dibahagikan kepada tiga kategori. Kita mengatasi masalah itu. Kita bahagikan sebagai kategori oleh kerana kita sedar apabila pantai-pantai kita rosak, sememangnya ia yang mengakibatkan kekurangan pelancong-pelancong untuk melancong ke tempat itu. Kalau pantai kita tidak baik, seperti mana saya katakan tadi itu, pelancong memang kurang datang. Jadi ini pun kita sudah kenal pasti seperti mana saya katakan tadi itu kita kategori, kita buat kategori ini di mana yang kritikal dan kita membuat kerja, kita kategorikan ini sebagai kategori satu, dua dan tiga.

Setelah itu kita menjalankan kerja-kerja jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Kerja-kerja yang terlibat itu memang banyaklah. Terima kasih.

**3. Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan baru-baru ini kerajaan telah mewujudkan *Talent Corporation*, bertujuan untuk menarik minat anak-anak Malaysia yang berkepakaran tinggi untuk pulang ke tanah air sama ada mereka yang telah pulang sebelum wujudnya skim ini dapat dimanfaatkan di bawah skim ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia memahami keperluan untuk menarik, membangun dan mengekalkan modal insan berkemahiran tinggi untuk melaksanakan aktiviti

kerja bertaraf dunia bagi mentransformasikan ekonomi Malaysia kepada ekonomi berpendapatan tinggi.

Sehubungan itu, *Talent Corporation, Talent Corp* dengan izin telah ditubuhkan dengan mandat untuk mencapai objektif tersebut. Terdapat pelbagai inisiatif polisi baru seperti penyediaan pas residen akan memberi peluang kepada warganegara Malaysia yang telah melepaskan kewarganegaraan untuk kembali ke Malaysia, bekerja dan seterusnya berada di samping keluarga mereka. Selain itu, kelonggaran kepada pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam untuk berkhidmat dengan syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat swasta sebagai pembayar balik tempoh kontrak juga dapat menarik minat anak-anak Malaysia untuk kembali ke tanah air.

*Returning Expert Program*, dengan izin merupakan satu inisiatif kerajaan untuk menggalakkan kepulangan modal insan berkemahiran tinggi Malaysia dari luar negara dan kini program tersebut sedang dinilai untuk ditambah baik dari segi insentif dan mekanisme pelaksanaan sebagai salah satu pendekatan untuk menyokong keperluan modal insan berkemahiran tinggi di bawah program transformasi ekonomi. Selain itu program untuk mengekal dan memupuk modal insan berkemahiran tinggi tempatan juga dirangka untuk memastikan kemahiran dan kepakaran rakyat tempatan dicungkil, dipupuk dan dimantapkan lagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang jawapan yang pendek. Yang Berhormat Kota Belud selalu ganggu, Tuan Yang di-Pertua.

■1020

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Terima kasih atas jawapan dan tahniah kepada kerajaan yang telah pun mempunyai satu wawasan yang jauh pandangannya. Soalan saya adalah sama ada mereka yang telah pulang sebelum wujudnya Talent Corporation ini ada ruang untuk diberi peluang? Itu satu.

Yang keduanya soalan saya ialah kebanyakan mereka yang pulang tidak mungkin bekerja dengan kerajaan ataupun tidak mungkin semuanya lebih cenderung makan gaji sama ada dengan GLC atau syarikat-syarikat swasta, mereka juga mungkin mahu berkecimpung dalam *business*. Cuma dalam *business* ini, walaupun ada – sekarang pun ramai orang dalam *business* yang profesionnya tinggi mengalami masalah, bukan untuk mendapatkan projek tetapi semasa menjalankan perniagaan, banyak masalah birokrasi yang mereka hadapi.

Jadi saya hendak tanya sama ada Talent Corporation ini ada satu mekanisme mewujudkan satu *one stop center* untuk mereka mengadu dan mendapat pertolongan dan bantuan mengatasi masalah-masalah birokrasi yang sememangnya tidak dapat dielakkan tetapi untuk melicinkan segala apa yang mereka usaha untuk mencapai kejayaan. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju lah ya. Ada dua pendekatan yang digunakan. Pendekatan pertama Yang Berhormat, adalah kita membenarkan Talent ini di luar negara di situ juga. Kita galakkan mereka menjadi penasihat kepada kita. Contohnya Danny Quah yang menjadi ahli NEAC. Beliau adalah *Malaysian*, tetapi

dia *Head of Economics at the London Schools Economics*. Maka mereka begitu berkepentingan untuk kita. Jadi kita izinkan bahawa golongan begini perlu untuk kita membuat rangkaian di seluruh dunia untuk menjadi *reverse investments*, membantu syarikat-syarikat Malaysia dan juga memberikan kepakaran kepada kita.

Akan tetapi untuk soalan yang kedua Yang Berhormat, iaitu ada golongan-golongan yang datang untuk berniaga. Untuk profesional, kita ada Talent Corp yang melihat kepada satu mekanisme baru iaitu *residence pass*. Dahulu kita ada *permanent residence* di mana kewarganegaraan tidak diberi tetapi mereka dibiarkan duduk lama. Selepas itu kita ada *employment pass* yang mungkin selama dua tahun atau tiga tahun. Sekarang mereka hendak memperkenalkan *residence pass*.

Akan tetapi untuk *businessman* ini, mereka adalah orang Malaysia, tetapi mekanisme untuk bantu mereka untuk buat perniagaan dan mengikis masalah birokrasi. Ini ada agensi macam MITI dan sebagainya dan mungkin boleh bincang dengan Talent Corp. CEO Talent Corp, En. Johan pun ada. Bincang dengan beliau. Kalau boleh, kita cari jalan bagaimana kita hendak membantu golongan ini. Saya memahami masalah Yang Berhormat kerana beliau sendiri telah berbincang dengan saya terlebih dahulu mengenai perkara ini. Maka saya rasa kita boleh cari mekanisme baru *how to help*. Mungkin gunakan kaedah baru kerana Talent Corp baru, masih dalam peringkat pertumbuhan dan kalau boleh kita memperkasakan dan lihatlah mekanisme bagaimana membantu. Kerajaan terbuka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setahu saya kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta sebagai geran pelancaran untuk penubuhan...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Menyampuk]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, nanti bagi peluang kepada Yang Berhormat Ipoh Barat ya. Saya pun merayu bagi pihak Yang Berhormat Ipoh Barat. Kerajaan telah memperuntukkan RM30 juta sebagai geran pelancaran untuk Talent Corporation ini untuk penubuhannya. Saya hendak tahu setakat ini apakah Talent Corporation telah mengenal pasti apakah sebab-sebab yang mengakibatkan pengaliran keluar modal insan Malaysia ini? Apakah Talent Corporation ini ada meneliti semua polisi-polisi sepanjang pimpinan Barisan Nasional ini yang mempunyai unsur diskriminasi yang mengakibatkan mereka mengalir keluar negara ini? Saya hendak tanya, Talent Corporation ini...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Itu sebab utama.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya juga bersependapat sedemikian dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Jadi apakah Talent Corp ini ada meletakkan sasaran berapakah ramai warga Malaysia yang berkepakaran ini yang akan ditarik balik dalam satu tempoh tertentu ini?

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali, tidak payahlah kedua-dua Yang Berhormat itu menggunakan ini sebagai untuk menunjuk-nunjuklah, untuk mencari politik, tidak payah. *[Disampuk]*

- Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dia tarik balik.
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tidak payah.
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *This is the truth*, ini yang benar. *[Dewan riuh]*
- Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bukan tunjuk-tunjuk, itu masalah asas.
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Kita tidak boleh lari dari asas.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat,
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Dua-dua buat sandiwara, tidak payah.
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Mengaku sahaja ada diskriminasi dan itu sebab ramai di antara masyarakat kita yang keluar dari negara ini.
- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Sokong, sokong.
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat Ipoh Barat duduklah.
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Lebih satu juta orang....
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya jawab, saya jawab... *[Dewan riuh]*
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Talent Corporation, Best Corporation, ini semua satu tipu helah...
- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Adik Yang Berhormat, abang Yang Berhormat, komuniti Yang Berhormat semua di diskriminasi dan Yang Berhormat berdiri di sini untuk mempertahankan...
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat Bukit Mertajam, Yang Berhormat Ipoh Barat duduk.
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...
- Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *Stop 'mouthing' the country.*
- Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat.
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Ya, saya jawab. Pertama, saya ingin mengatakan trend ini adalah trend antarabangsa. Trend keluar daripada negara untuk mencari rezeki di tempat lain kerana ada peluang-peluang yang lebih mewah adalah trend antarabangsa. Contohnya Singapura...
- Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *More than one million*, lebih dari satu juta keluar dari Malaysia.
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Biar saya habiskan. Sabarlah, sabar.
- Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Menyampuk][Dewan riuh]*
- Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** *[Menyampuk]*
- Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Yang Berhormat Ipoh Barat, saya jawablah Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Barat duduklah dahulu. Saya jawab dahulu, jangan jadi hero.
- Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada yang kata kalau tukar kerajaan, mereka hendak balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya akan jawab. Dengar dahulu. Itu kan sopan Dewan. Dewan yang mulia...

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *Standard reply.[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, saya tahulah hari ini hari akhir Parlimen Yang Berhormat.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Saya tahu sana Sarawak pilihan raya, tidak perlu hendak menunjuk-nunjuk.

**Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]:** Sebab ada kamera, ada video, ada TV.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Jawab sahajalah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Izinkan saya jawab Yang Berhormat Ipoh Barat okey dan Yang Berhormat Batu Gajah. Contohnya Singapura. Orang cerita ramai dari sini yang pergi ke Singapura. Tahu kah Tuan Yang di-Pertua, bahawa dari Singapura, jumlah yang keluar ke negara-negara lain untuk mencari peluang baru begitu ramai sekali. Maka, ini adalah satu trend antarabangsa. Saya tahu bahawa ada kekurangan. Itu sebabnya Talent Corp telah diwujudkan untuk mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan pengeluaran *talent-talent* daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita telah melancarkan ETP. Sebelas industri akan dikenal pasti sebagai industri-industri yang berinovasi dan kreatif yang memerlukan *talent* baru ini. Corak ekonomi kita telah berubah. Maka, contohnya *software testing*, *IP writers*, ini adalah satu perkara yang baru di Malaysia. Syarikat tidak lagi dilihat melalui *P&C (profit and lost)*, dia tengok berapa *IP (intellectual property)* yang kita pegang, baru orang hendak melabur. Dalam keadaan senario begini, dalam ETP *transformation* kita hendak jadikan negara maju. Maka, modal insan merupakan inti. Maka, Talent Corp diwujudkan untuk memudah cara kan segala ini. Maka, bantulah kita sama-sama menyelesaikan masalah. Bukan hendak tembak sahaja macam ini, hendak jadi hero untuk pilihan raya. Terima kasih. *[Disampuk]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sasaran Talent Corp, sasaran Talent Corp.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, sasaran Talent Corp berapa ramai?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Itu yang paling penting sekali.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*  
*[Dewan riuh]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat. Kita dalam sesi soal jawab.

4. **Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan berapakah jumlah graduan Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dari tahun penubuhannya sehingga kini serta apakah platform yang disediakan oleh kerajaan kepada graduan ini setelah tamat pengajian dalam memastikan khidmat mereka dikembalikan kepada negara dalam mengangkat kebudayaan dan seni warisan negara.

**Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanah Merah kerana menunjukkan keprihatinan berkenaan kebajikan graduan keluaran ASWARA. Tuan Yang di-Pertua, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) yang dahulunya dikenali sebagai Akademik Seni Kebangsaan (ASK) telah melahirkan graduan seramai 677 orang daripada tahun 1998 sehingga kini yang melibatkan lima buah fakulti di peringkat pengajian diploma dan ijazah sarjana muda.

Graduan yang lahir daripada ASWARA kebanyakannya memilih bekerja sendiri atau *freelance* iaitu seramai 356 orang. Di antaranya sebagai penulis, wartawan, pelakon, penari, guru muzik, pemuzik dan krew-krew produksi filem dan drama. Seramai 84 orang bekerja dalam sektor kerajaan, seramai 45 orang dalam sektor swasta dan graduan yang menyambung pelajaran seramai 166 orang. Manakala selebihnya, 7 orang graduan tidak bekerja dan 19 orang tidak dapat dikesan.

■1030

Platform yang disediakan ialah di jabatan-jabatan kerajaan seperti Istana Budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), RTM, Filem Negara Malaysia, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan agensi-agensi yang menawarkan jawatan Pegawai Kebudayaan atau apa-apa jawatan di bawah kategori Gred B iaitu yang melibatkan bakat dan seni.

Di samping itu kerajaan ada menyediakan kemudahan kewangan dalam bentuk insentif, dana, pinjaman dan bantuan kepada mana-mana graduan yang memilih bekerja sendiri. Di antaranya dana industri kreatif di bawah BSN, dana pembangunan filem cereka, dana filem kenegaraan di bawah FINAS, dana filem dokumentari dan animasi juga di bawah FINAS, *Network Content Development Grant* di bawah SKMM dan dana usaha sama di bawah MDEC. Terima kasih.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Merujuk data yang diberi tadi iaitu seramai 677 orang semenjak 1998. Jadi benarlah sesetengah pandangan masyarakat bidang ini tidak ada minat ataupun tidak boleh dijadikan kerjaya yang baik dalam menghadapi hari-hari yang mendatang. Jadi persoalan saya apakah langkah kerajaan untuk menangkis persepsi seperti ini seperti mengetengahkan ikon-ikon yang telah berjaya di dalam bidang ini. Kalau tidak Tuan Yang di-Pertua penggiat kebudayaan dan seni warisan negara ini makin lama makin akan

berkurangan. Jadi saya menyeru kepada pihak kerajaan supaya meningkatkan lagi usaha yang murni ini. Sekian terima kasih.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua saya ucapkan terima kasih kepada saranan Yang Berhormat Tanah Merah kerana Yang Berhormat menunjukkan keprihatinan berkenaan dengan warisan negara di dalam kesenian dan kebudayaan. Sebenarnya Yang Berhormat pada masa ini kerajaan melalui kementerian kami iaitu Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, adalah dalam usaha meningkatkan lagi kualiti keluaran dari ASWARA. Sebenarnya oleh yang demikian rektor di ASWARA sedang menapis kemasukan pelajar-pelajar ke ASWARA. Sebenarnya kita sedang dalam rancangan untuk menurunkan lagi kemasukan ke ASWARA di mana diharapkan pada masa yang terdekat ASWARA adalah dijadikan sebagai sebuah universiti yang bertaraf butik.

Oleh yang demikian maka keluarannya nanti graduan-graduan dari ASWARA adalah dipandang tinggi. Buat masa ini sudah ada petunjuk-petunjuk menunjukkan kejayaan ASWARA di mana graduan dari ASWARA ada pula yang telah memenangi anugerah dan juga ramai graduan dari ASWARA telah menyambung pelajaran mereka ke peringkat antarabangsa. Dipercayai bahawa ASWARA selepas ianya diberi pengiktirafan MQA dalam masa terdekat maka prestij akan ASWARA meningkat. Oleh yang demikian kita percayakan ASWARA untuk membangunkan kesenian dan kebudayaan negara akan lebih bertambah. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pastinya, pastinya kewujudan ASWARA adalah...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh mencelah? *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Macam mana ini? Tuan Yang di-Pertua tidak ada soalan saya hendak tanya soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tengah soal Yang Berhormat, tengah soal.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat Sri Gading hendak tanya?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tanyalah ini.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Okey, okey.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Bermatlamat untuk melahirkan insan seni yang benar-benar berkepakaran. Yang Berhormat Ipoh Barat dengar baik-baik. Insan seni yang berkepakaran dalam bidang muzik, lakonan, tarian, pengarah dan pelbagai cabang seni. Insan seni Tuan Yang di-Pertua mampu mencipta dan membina arus seni yang akhirnya mencipta budaya yang bertunjang akal dan budi negara ini. Kumpulan penggerak seni ini yang disegani bukan sahaja mampu, yang disegani Yang Berhormat Timbalan Menteri mampu mengekalkan arus seni yang asli. Saya hendak tanya ASWARA apakah dapat mengekalkan keaslian berbagai-bagai cabang seni seperti umpamanya lagu-lagu langgam, dondang sayang, asli, joget, keroncong, zapin.

Bukan sahaja boleh dikekalkan malahan boleh – dikir barat, malahan boleh dieksport ke luar. Apakah itu, satu?

Kedua pertanyaan saya negara kita Timbalan Menteri pernah dianugerah seorang insan legenda dalam budaya iaitu Tan Sri P. Ramlee. Apakah ada usaha-usaha di peringkat ASWARA untuk mewujudkan kerusi Tan Sri P. Ramlee? Supaya dengan itu kita dapat mengangkat darjah, martabat dan harkat budaya dan seni untuk diwarisi oleh generasi kita bukan sahaja masa kini dan masa akan datang. Apakah ada usaha-usaha ke arah itu? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Joseph Salang anak Gandum:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sri Gading adalah seorang insan yang saya percaya berkepakaran dalam seni begitu juga berbahasa dan berbudaya yang begitu tinggi. Memang betul Yang Berhormat Sri Gading adanya ASWARA ataupun institut seperti ASWARA yang menggalakkan penanaman ataupun penghasilan insan-insan yang berkepakaran, yang disegani. Akan sedikit sebanyak boleh menampung kehendak negara untuk menuju ke arah di mana kita akan bukan hanya disegani dari segi ekonominya tetapi juga dari segi budaya, bahasa dan kesenian kita. Memang ada Yang Berhormat.

Oleh yang demikian seperti mana yang telah saya katakan pada pertanyaan tambahan awal tadi iaitu ASWARA berhajat untuk menjadi sebuah universiti iaitu butik. Dari apa yang dirancangkan kita percaya kita akan menghasilkan ataupun boleh mengeluarkan insan-insan yang dipinta oleh Yang Berhormat Sri Gading.

#### ■1040

Saya percaya iaitu menubuhkan kerusi Allahyarham Tan Sri P. Ramlee adalah di dalam pemikiran ASWARA lebih-lebih lagi kita ada Yang Berhormat Menteri yang begitu bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kesenian dan kebudayaan negara, memang itu ada di dalam pemikiran.

Saya akan menyeru kepada rektor ASWARA untuk pada satu hari nanti menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama berkunjung dan melawat ASWARA supaya kita sama-sama boleh berkongsi fikiran dan begitu juga memberi pandangan yang boleh mempertahankan dan meninggikan lagi prestij ASWARA. Sekian, terima kasih.

**5. Datuk Ismail Kasim [Arau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah perbezaan utama yang diterapkan di dalam peralihan sistem pendidikan sekolah rendah daripada sistem KBSR kepada sistem sekarang dan bagaimana ianya akan dapat mencapai matlamat pendidikan negara.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa memastikan pendidikan negara relevan dengan

tuntutan semasa dan masa hadapan serta menepati keperluan pembangunan pendidikan negara.

Sebagai langkah untuk memantapkan sistem pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan transformasi kurikulum di peringkat pra-sekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Kurikulum-kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang diperkenalkan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2011 bermula dengan murid Tahun 1.

Pelaksanaan KSSR ini adalah melalui penambahbaikan yang dilakukan melalui pengukuhan kurikulum yang sedia ada dan melibatkan perubahan dalam bentuk kandungan, penjadualan waktu pembelajaran dan penekanan kepada pendekatan pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Ini selaras dengan hasrat falsafah pendidikan kebangsaan yang mengatakan bahawa usaha-usaha penambahbaikan berterusan hendaklah dilakukan bagi memastikan individu yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada tuhan.

Menerusi transformasi ini, elemen kreativiti dan inovasi keusahawanan serta teknologi maklumat dan komunikasi diajar secara eksplisit kepada murid. Ini adalah bertujuan untuk membentuk modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi.

Selain itu, transformasi ini juga akan lebih menekankan soal-soal pembentukan keperibadian mulia, mempunyai jati diri yang kukuh serta mempunyai ketahanan dan daya saing yang tinggi agar modal insan yang dilahirkan mampu menghadapi cabaran di masa hadapan. Oleh itu, kurikulum yang diperkenalkan ini akan menyediakan ruang dan peluang yang lebih luas dalam membangunkan modal insan yang holistik, berpengetahuan serta berfikiran kreatif, kritis dan berinovatif.

Selain itu kemahiran dan penguasaan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga merupakan elemen yang diberi penekanan supaya murid-murid dapat dilengkapkan dengan kemahiran generik di samping melatih murid-murid supaya dapat berfikir secara kritis dan kreatif. Ini bukan sahaja dapat menyediakan modal insan yang cemerlang dalam pelbagai bidang tetapi mampu juga memenuhi keperluan pasaran kerja dan industri. Terima kasih.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kagum dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang dahulunya dikenali sebagai Falsafah Pendidikan Negara. Ini kerana walaupun kita banyak juga membuat *trial and error*, dengan izin, walaupun kita mempunyai pakar-pakar pendidikan yang boleh dikatakan cukup hebat dalam merangka sukatan dan juga polisi bagi memastikan seperti mana Yang Berhormat katakan tadi dalam mencapai matlamat pendidikan negara bagi menjurus, membentuk insan sempurna, baik, warganegara berguna, patuh, percaya kepada tuhan, mempunyai nilai harga diri, sahsiah, seimbang, sepadu dan sebagainya. Akan tetapi konsep dahulu ia lebih menekankan persepsinya lulus dan gagal. Sekarang ini, ia lebih kepada pengetahuan dan kejahilan. Ini yang kita bawa daripada perubahan teknologi, perubahan

generasi, perubahan masa. Dahulu kalau orang kata lulus dan gagal. Itu dua persepsi, cara lama yang telah kita buat. Akan tetapi saya ingin bertanya Yang Berhormat, kalau boleh kita berkongsi.

Apa jua keadaan yang kita buat, perancangan yang dibuat sekarang, saya minta sekarang. Tidak harus ada apabila seseorang Menteri Pelajaran, dia naik ke tempat itu dia cuba buat satu *bench marking* untuk diri dia. Kemudian dasar itu dibuat selama 10 tahun, 11 tahun, kita rasa tidak sesuai kemudian kita tukar. Ini tidak sepatutnya berlaku dan saya penuh yakin dan percaya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang supaya kalau kita buat sekarang, tidak kiralah apa jua pun dalam kita memastikan bahawa daripada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, kita hendak wujudkan Matlamat Pendidikan Negara seperti mana Yang Berhormat umumkan tadi, biar ia untuk ilmu nilai dan peranan ilmu ini, dalam membentuk insan yang berguna dalam masyarakat ini, benar-benar kita mencapai objektifnya.

Dalam memastikan perkara ini tercapai, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu daripada falsafah pendidikan kebangsaan dan matlamat pendidikan negara yang kita sedang letak sebagai hala tuju kita, apakah kita tidak akan menukar sama sekali sistem yang kita guna pakai sekarang. Cuma mungkin ada baik pulih atau perubahan sedikit sebanyak ataupun *amendment* di sana sini, itu kita boleh terima. Akan tetapi tidak ada pertukaran setelah kita membuat kajian dengan mengambil kira contoh negara-negara maju di luar negara seperti Finland, Singapura, Korea dan sebagainya. Maka, kita akan terus memakai sistem yang sedia ada sekarang. Kalau kita ingin membuat pertukaran, apakah perancangan kerajaan yang sebaik mungkin bagi mengatasi masalah ini?

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Ini soal kesinambungan daripada seorang menteri pelajaran kepada menteri pelajaran yang lain. Saya kebetulan berkhidmat di bawah dua orang Menteri Pelajaran. Saya ingin memberi jaminan bahawa apa yang dilakukan khususnya dalam KSSR ini merupakan kesinambungan daripada pimpinan dahulu. Maksudnya, semasa Yang Berhormat Sembrong menjadi Menteri Pelajaran, sudah ada idea untuk kita merombak semula KSSR. Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawat jawatan Menteri Pelajaran, saya rasa kesinambungan itu nampak. Ini kerana kumpulan profesional yang sama akan melakukan transformasi ini.

Jadi, dalam konteks kesinambungan, saya ingin mengatakan bahawa falsafah pendidikan itu adalah sesuatu yang dituruti oleh mana-mana menteri. Akan tetapi dari segi pendekatan, oleh sebab KBSR ini sudah digunakan agak lama jadi sudah sampai masanya kita melihat dari segi rombakannya. Saya memberi contoh, kalau dahulunya kita mendengar 3M, fokusnya 3M. Akan tetapi dalam KSSR ini kita masukkan satu lagi komponen iaitu menaakul atau *reasoning*.

Saya rasa ini juga sesuatu yang dikatakan bukan sahaja kita berhadapan dengan peperiksaan lulus atau gagal, pengetahuan dan kejahilan itu jugalah sesuatu yang dicari-cari. Saya rasa dalam konteks ini, dari 3M kita tambah satu, menaakul, bertanya dan kenapa kita hendak tahu, itu sebab kita hendak dapat ilmu pengetahuan.

Kalau kita lihat dari segi reka bentuk kurikulum itu, dahulu berdasarkan kepada tiga bidang, sekarang kepada enam tunjang. Ianya dapat perincian yang lebih. Kalau kita lihat dari segi bahan kurikulum, dahulunya sukatan pelajaran dan huraian kurikulum. Sekarang kita ada *document standards* digunakan oleh guru-guru dan kurikulum ini dilakukan secara *modular*. Dahulunya adalah secara *linear*.

Ini bermaksud kita membuat penambahbaikan daripada apa yang dilakukan terdahulu. Kalau dari segi organisasi kurikulum juga, Tahap Satu, Tahap Dua, disusun dengan lebih baik dengan adanya kesinambungan daripada Tahap Satu kepada Tahap Dua. Jadi, saya rasa dari segi reka bentuk, dari segi organisasi kurikulum itu, ia dibuat dengan baik tetapi tetap berlandaskan kepada falsafah pendidikan yang satu. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan perubahan kalau ia untuk kebaikan murid-murid dan pelajar. Akan tetapi baru-baru ini kita dapati bahawa ada 15% pelajar sekolah rendah yang tidak dapat menguasai bacaan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri berkata bahawa guru-guru ramai yang memerlukan *re-education*.

■1050

Kita boleh mengadakan kurikulum yang baru tetapi guru-guru ini adalah lama. Bagaimana guru-guru ini akan di *re-educate* untuk menyahut cabaran-cabaran yang baru? Saya paling minat ialah adakah perubahan ini akan memanfaatkan murid-murid yang akademiknya tidak begitu cemerlang? Seperti 15% pelajar ini, yang tidak dapat menguasai bacaan – *they can't even read!* Jadi, apakah masa hadapan untuk mereka? Apakah kurikulum yang baru untuk mereka? Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Barangkali Yang Berhormat terdapat sedikit keraguan ataupun dari segi kejituan data itu tidak berapa tepat. Apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atau Menteri Pelajaran mengenai 15 orang berdasarkan kepada LINUS. LINUS itu dilakukan pada tahun 2010. Bermaksud masih menggunakan kurikulum lama.

Saya sudah memberi jawapan tadi KSSR hanya bermula pada tahun ini. Jadi, saya rasa ini adalah dua perkara yg berlainan. Oleh sebab itulah kalau kita lihat komponen membaca itu, kalau kita bandingkan dengan KSSR, kita kena memasukkan satu elemen *fun learning*. Kalau Yang Berhormat perhatikan Tahun Satu, saya rasa kita dapat maklum balas daripada guru bahawa silibus sekarang berbanding dahulu lebih mudah sedikit untuk kita tidak membosankan pelajar-pelajar dengan cara yang lebih inovatif, dengan cara yang mereka rasakan ianya menyeronokkan. Saya rasa ini satu pendekatan yang mendapat maklum balas yang baik.

Pertamanya, dari segi 15% kita akan teruskan LINUS untuk KSSR sebanyak tiga kali dalam tahun ini. Kita akan lakukan. Apa yang diumumkan itu tahun lalu bukan KSSR.

Keduanya, apa Yang Berhormat bangkitkan tentang latihan guru. Setiap kali kalau kita mengadakan satu transformasi kurikulum sudah pastinya dalam proses itu sebelum sesuatu

dasar ataupun transformasi itu dilakukan kita mesti ada latihan guru. Bermaksud kita pada mulanya akan melatih jurulatih utama. Daripada jurulatih utama mengajar kepada akhirnya akan diperluaskan kepada semua guru yang terlibat dalam KSSR. Jadi kita sudah ada satu mekanisme untuk melatih guru-guru dan berdasarkan itu saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebenarnya sekarang ini kita ada *document standard*. Oleh sebab itu banyak perkara kalau secara modul, ianya dibuat dengan lebih baik macam apa yang dilakukan di universiti, secara modul.

Yang Berhormat mengatakan bagaimana kita hendak memastikan pelajar-pelajar yang lemah. Kita akan memberi penekanan kerana apa yang baik dalam sistem lama itu seperti LINUS yang dilakukan tahun lalu akan diteruskan. Kita masih ada lagi penapisan dari segi penguasaan pelajar dan 4M ini sebenarnya merangkumi membaca juga. 3M itu kita tambah satu lagi. Maknanya keempat-empat ini kita kena masukkan elemen ini dalam KSSR. Maka saya rasa ianya lebih menyeluruh. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Tambahan satu lagi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Titiwangsa.

**Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Terima kasih. Saya memang sangat tertariklah dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang matlamat dan falsafah pendidikan negara. Akan tetapi apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam keadaan negara kita sekarang ini, malah graduan-graduan yang dilahirkan daripada universiti tanpa saya melupakan penghargaan kepada guru-guru yang telah mendidik, saya kena sebut yang itu dahululah, tidak kompetitif. Kita semua akui itu sama ada di bidang pasaran pekerjaan dan sebagainya.

Kemudian dengan pelbagai masalah sosial dalam negara kita, buang bayi, kesamsengan ataupun di sekolah pelajar-pelajar, rogol pun berlaku, ditunjukkan dalam *Youtube* dan sebagainya. Jadi, perkara-perkara ini sangat banyak berlaku. Adakah benar-benar falsafah dan juga matlamat yang kita letak di situ dilaksanakan, tindakan-tindakannya diambil, *delivery system* nya itu, pelaksanaannya itu dilakukan dengan baik? Oleh sebab itu saya awal-awal tadi saya sebut tentang penghargaan kepada guru-guru. Saya tidak menafikan apa yang telah dilakukan oleh guru-guru tetapi adakah pada masa yang sama untuk memastikan mereka bukan sahaja pandai atau dinilai dari segi akademik, berapa 'A' yang dapat tetapi pada masa yang sama juga akhlak, moral dan sahsiah mereka juga dibangunkan. Jadi, saya perlu mendapatkan jawapan dari segi ini. Terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu soalan yang baik kerana kita lazimnya melihat di sekolah, kita melihat proses pengajaran dan pembelajaran. Itu sebenarnya bukan pendidikan. Pendidikan ini merangkumi aspek yang lain. Seperti mana yang saya katakan JERI – jasmani, emosi, rohani dan intelek. Keempat-empat aspek ini patut kerana ini adalah tunjang atau empat elemen penting dalam falsafah pendidikan kita. Jadi, oleh sebab itu

dalam KSSR kita, kita susun modulnya dengan lebih baik. Bermaksud kita akan buat apa yang telah dihuraikan dalam falsafah itu akan diterjemahkan dalam bentuk sukatan. Itu yang pertama.

Keduanya, kemenjadian pelajar itu merupakan satu aspek yang perlu dilihat. Bukan semata-mata pada subjek kalau dia lulus atau tidak lulus, itu bukan fokus keseluruhannya. Kita kena melihat kemenjadian pelajar itu seperti mana Yang Berhormat katakan banyak masalah sosial. Kita juga kena melibatkan institusi yang lain seperti keluarga, ibu bapa, masyarakat. Ini juga satu elemen yang sangat penting. Maka saya rasa kejayaan seseorang anak ataupun bagaimana kualiti anak-anak kita ini selepas mereka tamat persekolahan bergantung kepada banyak faktor. Sekolah adalah satu faktor dari segi kita memberi pendidikan tetapi pada waktu yang sama persekitaran termasuk keluarga juga merupakan faktor yang mendorong kemenjadian seorang pelajar. Terima kasih Yang Berhormat.

**[Soalan No. 6 – Y.B. Tuan Tan Kok Wai (Cheras) tidak hadir]**

**7. Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah pemantauan yang dilakukan terhadap pendatang-pendatang tanpa izin dan dengan izin khususnya warga Afrika dan Korea di negara ini memandangkan sehingga kini terdapat banyak kawasan-kawasan seperti "*little Korea*" di Ampang seolah-olah negara ini bagaikan negara mereka sendiri. Sejauh manakah pengawasan kadar jenayah di kawasan-kawasan seperti ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Paya Besar yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa membuat pemantauan, penaksiran dan operasi penguatkuasaan terhadap warganegara asing yang berada di negara ini agar mereka tidak menyalahgunakan kemudahan imigresen yang diberikan.

Kebiasaannya warganegara asing suka berkumpul di satu-satu kawasan yang menawarkan perkhidmatan seperti makanan dan penjualan barangan keperluan yang berasal dari negara mereka. Perkhidmatan seperti ini mendekatkan mereka kepada negara asal dan memudahkan mereka untuk berada di negara ini. Keadaan inilah yang menyebabkan satu-satu kawasan itu dipenuhi oleh warganegara asing dari sesebuah negara seperti "*little Korea*" di kawasan Ampang. Walau bagaimanapun tidak semua warganegara asing ini mengganggu kehidupan warga tempatan. Sebagai contoh warganegara Korea yang masuk ke Malaysia tidak menimbulkan kebimbangan dari segi keselamatan kerana tidak ramai di antara mereka ini yang terlibat dengan kegiatan jenayah. Bagi tahun 2010, PDRM hanya mencatatkan terdapat satu jenayah indeks yang dilakukan oleh warganegara Korea bagi seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh Polis Diraja Malaysia sebagai usaha pencegahan jenayah adalah seperti berikut:-

- (i) pelaksanaan konsep *community policing*;
- (ii) tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan jalan kaki dan bermotosikal;
- (iii) rondaan kereta peronda MPV;

- (iv) operasi bersepadu melibatkan agensi-agensi penguatkuasaan;
- (v) rakan COP; dan
- (vi) perjumpaan di antara pihak polis dan masyarakat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan ingin menegaskan bahawa kerajaan sentiasa membuat pemantauan terhadap warganegara asing yang berada di negara ini memandangkan pemantauan berterusan akan dapat membantu mengurangkan kebarangkalian berlakunya perkara-perkara yang tidak diingini. Terima kasih.

■1100

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jelas daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi Kementerian Dalam Negeri sentiasa membuat pemantauan, naziran dan operasi penguatkuasaan dari semasa ke semasa terhadap warga asing yang berada di negara ini. Namun begitu saya percaya pemeriksaan dan penguatkuasaan terhadap warga asing pada peringkat awal kemasukan mereka adalah lebih penting.

Soalan saya apakah tindakan atau perancangan yang telah diadakan dan dilakukan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri khususnya Jabatan Imigresen dalam membuat pemantauan atau pemeriksaan terhadap warga asing yang ingin masuk ke Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa sentiasa melaksanakan strategi dan pendekatan yang melibatkan skop perundangan dan penguatkuasaan dalam mengurus kemasukan warga asing ke negara ini. Antara inisiatif yang sedang dijalankan adalah penambahbaikan, syarat dan peraturan kemasukan warga asing melibatkan semua kategori warga asing seperti pekerja, pelajar dan pelancong.

Antara fokus utama dalam agenda memantapkan usaha penguatkuasaan adalah dengan mewujudkan sistem dan proses yang komprehensif selain menambah baik Sistem Imigresen Malaysia MyIM sedia ada. Kerajaan sedang melaksanakan inisiatif untuk membangunkan sistem penguatkuasaan dan pendaftaran warga asing atau *National Foreigners Enforcement and Registration System* (NERS). Sistem MyIM dan NERS ini juga akan diperkukuhkan dengan pembangunan sistem *Advanced Passenger Screening System* (APSS) yang sedang dalam peringkat perincian spesifikasi. Sistem APSS akan membolehkan saringan dibuat ke atas seseorang warga asing secara pantas dan efisien sebelum individu tersebut membuat perjalanan ke Malaysia.

Kesemua inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pendekatan holistik yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan dalam memantapkan pengurusan warga asing. Terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat tidak nampak saya?

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Minta maaf Yang Berhormat Ipoh Barat. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sering kali kita dengar kes-kes jenayah dan

masalah sosial ditimbulkan oleh warga asing Afrika yang datang ke negara ini. Mereka ini kebanyakan masuk sebagai pelancong, pelajar dan juga pekerja mahir. Di sini saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin bertanya kepada pihak kementerian kenapa kementerian tidak mengambil tindakan menyekat kemasukan warga Afrika ini atau mengehadkan pemberian visa kepada mereka. Sekiranya ianya tidak dapat dilakukan apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian untuk memperkukuhkan pemantauan dan kawalan terhadap mereka ini yang memasuki Malaysia. Terima kasih.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia merupakan sebuah negara yang mengalu-alukan kedatangan warganegara asing datang berkunjung. Dengan demikian, tiada langkah drastik yang boleh diambil oleh kerajaan bagi menyekat kemasukan warganegara asing yang sah ke negara ini memandangkan tindakan ini adalah tidak selaras dengan dasar pelancongan negara dan usaha menjadikan Malaysia hab pendidikan serantau di samping akan memberikan impak dari aspek ekonomi kepada negara.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memperkukuhkan kawalan dan pemantauan terhadap keadaan warganegara dari negara Afrika di Malaysia antaranya:-

- (i) mensyaratkan kemasukan warganegara dari negara-negara Afrika yang berisiko tinggi supaya mereka mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk menyara diri sepanjang masa berada di negara ini;
- (ii) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peraturan undang-undang; dan
- (iii) PDRM melaksanakan operasi jenayah komersial yang melibatkan warganegara dari negara-negara Afrika yang menggunakan kaedah penipuan.

Dalam hubungan ini PDRM telah merekodkan sejumlah 834 kes bagi tahun 2010. Menyedari bahawa kebanyakan warganegara dari negara-negara Afrika ini cenderung untuk masuk ke Malaysia sebagai pelajar kementerian meningkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kawal selia seperti Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengkaji dan memperkemas dasar semasa bagi pengambilan pelajar antarabangsa. Terima kasih.

**8. Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah nilai terkini harta wakaf, harta pusaka serta nilai kutipan zakat seluruh negara yang terkini serta apakah langkah memperbaiki pengurusannya terutama aspek pengagihannya.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum pengurusan wakaf harta pusaka dan zakat adalah dikendalikan oleh Majlis-majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Berdasarkan kepada maklumat yang diterima daripada MAIN sehingga ini terdapat 13,397.97 hektar tanah wakaf di Malaysia dengan anggaran

nilai berjumlah RM1.17 bilion. Daripada jumlah tersebut 7,113.35 hektar merupakan tanah wakaf am dan 6,284.62 hektar adalah tanah wakaf khas. Bagi nilai harta pusaka maklumat yang diperolehi daripada MAIN seluruh negara sehingga 2009 adalah sebanyak RM38.7 juta. Jumlah kutipan zakat untuk tahun 2010 pula adalah sebanyak 1.3 bilion. Walau bagaimanapun, jumlah ini belum muktamad tertakluk kepada auditan pihak Juruaudit MAIN masing.

Bagi memperbaiki pengurusan zakat terutamanya aspek pengagihan terdapat enam negeri telah mengkorporatkan entiti kutipan zakat mereka dan bagi negeri-negeri lain pengurusan zakat dilaksanakan oleh MAIN atau jabatan agama Islam negeri sendiri. Terima kasih.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Inilah masalah yang saya nampak ada tiga jawapan ini berbeza sudah. Tiga Menteri, tiga kementerian, tiga jawapan yang berbeza. Ada yang kata nilainya RM30 bilion. saya rasa persoalan ini sudah dibangkitkan sudah enam kali dalam ucapan perbahasan dan juga jawapan yang diberi dalam sesi soal jawab. Baru minggu lepas Menteri yang bertanggungjawab memberitahu jumlah ini hendak diteliti. Saya rasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri juga Menteri jaga agama persoalan berkenaan nilai harta wakaf dan juga harta pusaka. Kita tahu mantan Menteri yang menjaga portfolio yang sama juga memberitahu dalam Dewan ini tentang perkara ini nilai keseluruhan harta pusaka dan juga wakaf bernilai lebih daripada RM30 bilion.

Saya mohon ini saya tidak mahu tanya lagi soalan yang sama tapi saya haraplah Yang Berhormat Timbalan Menteri serius sedikit untuk memberi jawapan kerana ini melibatkan maruah orang-orang Islam dan juga bumiputera di dalam negara kita berkenaan dengan kedudukan dan pegangan ekuiti mereka yang diwarisi.

Seterusnya dan hendak sedikit maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa jumlah kutipan zakat di dalam negara kita yang terkini mengambil kira kedudukan yang sedang diteliti adalah RM1.3 bilion. Saya mengucapkan tahniah kerana ini satu angka yang begitu baik untuk pengurusan dan pengagihan kemudian tapi sedarkah tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan mengesahkan bahawa golongan rakyat termiskin dalam negara kita sudah tidak ada daripada 44,000 orang telah turun kepada 100 orang sahaja.

■1110

Kalau mengambil kira jumlah zakat ini, RM1.3 bilion, semua orang jadi *millionaire* sekurang-kurangnya. Ada 100 orang sahaja yang miskin. Jadi, saya hendak tanya apa justifikasi RM1.3 bilion kutipan zakat ini dengan ada lagi kedudukan termiskin 100 orang, adakah duit ini digunakan untuk mengagihkan kepada mereka supaya mereka ini keluar daripada status miskin ini yang 100 orang yang tinggal? Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya sedia maklum bahawa Yang Berhormat telah membangkitkan perkara ini sebelum ini dan telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam penggulungan Titah Ucapan pada 24 Mac.

Nilai yang dibawa oleh Yang Berhormat ini, kita sendiri tidak tahu daripada mana Yang Berhormat dapat. Ini kerana yang kita dapat ini Yang Berhormat adalah apa yang telah diserahkan...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Menteri sendiri yang cakap dalam Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Tidak, saya masih lagi ada Hansard daripada Menteri yang menjawab semua statistik Yang Berhormat bangkitkan. Jumlah yang saya berikan tadi sebenarnya Yang Berhormat adalah apa yang telah diserahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri kepada kita melalui JAWHAR.

Jadi, besar kemungkinan jumlah Yang Berhormat bangkitkan tadi ialah Yang Berhormat merujuk kepada kajian pihak-pihak yang lain. Akan tetapi, yang kita dapat ini adalah yang paling tepat kerana jumlah ini diberikan sendiri oleh Majlis Agama Islam Negeri kepada pihak kami di agensi JAWHAR. Itu dapat saya jawab yang pertama.

Kedua, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat jumlah kutipan zakat yang saya sebutkan tadi berjumlah RM1.3 bilion bermakna sudah tidak ada lagi orang miskin. Yang Berhormat, zakat ini kita bahagikan kepada lapan asnaf. Dalam masa yang sama, setiap Majlis Agama Islam Negeri mempunyai komitmen mereka yang tersendiri kerana mereka bukan hanya memberikan kepada rakyat yang bertaraf golongan fakir dan miskin, tetapi dalam masa yang sama ada komitmen secara tahunan di mana biasiswa diberikan, derma siswa diberikan. Begitu juga kepada sekolah-sekolah agama dan juga NGO yang masuk di bawah asnaf, *fisabilillah* dan juga kalau di Wilayah Persekutuan sendiri, kita mempunyai komitmen untuk memberi dana pengajian kepada pelajar-pelajar di IKB dan juga Institut Profesional Baitulmal (IPB).

Dalam masa yang sama kepada mereka yang berhajat seperti di Darul Saadah dan juga Darul Kifayah. Jadi, dia tidak memberikan kepada satu sahaja Yang Berhormat sebutkan tadi kerana agihan ini kita berikan kepada lapan asnaf tadi. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ini mungkin bunyinya agak *cynical*. Apabila kita bercakap tentang wakaf, kita bercakap tentang harta pusaka, seharusnya Islam itu berada di kedudukan yang tertinggi dalam konteks pengurusan dan pentadbiran harta-harta ini.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, hari ini kalau saya katakan pengurusan dan pentadbiran wakaf dan harta pusaka ini tidak menampakkan ada nilai-nilai Islam atau pun tidak begitu Islamik. Di mana prosesnya tidak penuh integriti, meletakkan atas kewibawaan seseorang yang lazimnya akan berakhir dengan, "Ah, sudah takdir Tuhan, kita tidak boleh buat apa-apa".

Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya hendak tanya apakah satu langkah yang saya kira paling komprehensif di dalam keberkesanan dan kecekapan pengurusan dan pentadbiran harta wakaf dan pusaka ini supaya ada keyakinan di kalangan pelanggan-pelanggan, bakal-bakal pelanggan ataupun mereka yang menerima perkhidmatan daripada Majlis-majlis Agama Islam Negeri ini.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua. Hari ini masjid-masjid kita dilihat tidak terurus dari segi *premises at housekeepingnya*, kebersihannya. Apabila ditanya kenapa, dia kata, "Ini harta yang diwakafkan, tidak boleh dilupakan sewenang-wenangnya. Perlu ada satu prosedur kerja yang terperinci untuk melunaskan mereka yang mewakafkannya nanti." Jadi, mengapa ini harus berlaku sehingga antara tempat-tempat yang agak tidak tersusun barang-barangnya adalah masjid-masjid yang sepatutnya mempamerkan kebersihan, keindahan, kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan premis dan dalaman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Ada dua perkara Yang Berhormat kena asingkan di sini. Satu berkenaan dengan pengurusan masjid dan juga tanah wakaf. Kalau merujuk kepada masjid-masjid yang tidak bersih dan sebagainya, saya rasa itu bukan sebabnya kerana tanah wakaf. Akan tetapi adalah pengurusan kepada pihak masjid itu sendiri yang perlu mengambil berat tentang persoalan kebersihan, di mana dalam jawatankuasa masjid itu kita sudah ada mereka yang terlibat dan sebagainya.

Berkenaan dengan soalan Yang Berhormat Tangga Batu tentang pengurusan yang dikatakan tidak Islamik dari segi pengurusannya. Yang Berhormat, kalau kita tengok kepada tanah-tanah wakaf yang ada, kita ada banyak kekangan. Antaranya kalau kita tengok, kalau dari segi dana sahaja pihak kerajaan boleh membantu dari segi dana. Akan tetapi, sebahagian besar daripada tanah-tanah wakaf ini masih lagi didaftarkan atas nama waris yang ramai dan sebahagiannya atas nama orang bukan Islam pun masih ada lagi.

Kalau kita tengok juga dari segi pengurusan, saya terpaksa maklumkan kepada Yang Berhormat. Tanah-tanah wakaf yang diwakafkan ada sebahagiannya tanah wakaf khas. Maknanya dia wakafkan itu dengan tujuan yang tertentu. Misalnya tanah ini diwakafkan untuk perkuburan sahaja. Tidak untuk tujuan-tujuan yang lain. Itu juga menyulitkan bagi pihak baitulmal untuk menguruskan tanah wakaf. Saiz tanah, fizikal tanah, lokasi yang kadang-kadang juga tidak strategik sebahagiannya juga merupakan kekangan daripada pihak Majlis Agama Islam Negeri. Yang Berhormat sedia maklum bahawa pengurusan tanah wakaf ini di bawah Majlis Agama Islam Negeri.

Jadi, kita di pihak Persekutuan hanya dapat membantu dari segi suntikan dana kepada tanah-tanah wakaf yang dilihat berpotensi untuk dibangunkan dan kemudian dibangunkan dengan beberapa projek yang saya kira telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri semasa sesi penggulungan yang tidak perlu saya ulangi lagi. Itu sahaja, terima kasih.

**9. Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah perancangan kementerian bagi mengatasi ketiadaan rumah rakyat termiskin di bandar Bahau, Jempol, Negeri Sembilan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Jempol mengenai soalan yang telah pun dikemukakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini tiada projek di

bawah Program Perumahan Rakyat ataupun (PPR) dilaksanakan ataupun dirancang untuk dilaksanakan di kawasan Bahau, Negeri Sembilan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sembilan boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Perumahan Negara di dalam Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:-

- (i) tapak yang dicadangkan mempunyai kemudahan awam dan asas yang sedia ada seperti jalan raya, kemudahan utiliti, sekolah dan sebagainya yang bersesuaian;
- (ii) tapak yang akan dibangunkan tidak bermasalah dan tidak melibatkan kos penyediaan tapak yang tinggi seperti tapak berpaya, berbukit ataupun sebagainya;
- (iii) tapak yang disediakan berada di lokasi bandar ataupun pinggir bandar yang mempunyai permintaan tinggi;
- (iv) terdapat keperluan di kawasan yang dicadangkan seperti setinggan; dan
- (v) permohonan di bawah Sistem Pendaftaran Terbuka ataupun (SPT).

Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, bandar Bahau ini ramai orang Cina miskin. Orang Melayu pun ada tetapi dia mengamalkan adat perpatih. Dia ada tanah, apabila kita ada peruntukan rakyat termiskin, kita boleh buat Projek Pembangunan Rakyat Termiskin kerana orang Melayu di Negeri Sembilan ada tanah adat tetapi orang Cina miskin, orang India miskin di Bahau dia tidak ada tanah. Walaupun kita ada peruntukan tetapi tidak mampu dia hendak menyediakan tanah.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya mengarahkan pegawai-pegawai kita supaya serius membuat kajian untuk mengutarakan jawapan yang lebih baik dalam mesyuarat yang akan datang. Ini kerana, saya telah pun membahaskan perkara ini tiga tahun. Ini sahajakah yang termampu pegawai-pegawai di kementerian ini menyediakan jawapan untuk Yang Berhormat baca pada pagi ini? Sedangkan di peringkat *grass root*, di kampung, di bandar Bahau memang ramai golongan rakyat miskin, walaupun kita berikan bantuan kebajikan tetapi sewa rumah sangat tinggi yang sudah tentu akan menyukarkan hidup mereka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Mengikut satu siasatan dijalankan oleh kerajaan, didapati di seluruh Negeri Sembilan baru terdapat 350 keluarga yang masih dianggap sebagai setinggan. Kalau kita banding dengan negeri-negeri yang lain, memang bukan begitu mendesaklah. Saya difahamkan juga di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, *second rolling plan* dengan izin iaitu bagi tempoh tahun 2013 hingga 2015, memang kita mempunyai rancangan untuk membina rumah kos rendah di bawah PPR iaitu di Rantau dan di Rasah – dekat-dekat Seremban. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat minat, bantulah

kementerian untuk meminta supaya orang-orang ataupun penduduk-penduduk yang masih tidak mempunyai rumah untuk mendaftar dengan sistem yang telah pun diadakan.

Hanya pergilah ke majlis daerah dan kita bolehlah membuat pendaftaran. Melalui cara inilah kita baru tahu. Kalau orang tak tampil ke hadapan, dia senyap-senyap tinggal di kampung-kampung, orang tak tahu. Inilah masalah. Terima kasih Yang Berhormat.

*[Soalan No. 10 – Y.B. Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh) tidak hadir]*

**11. Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh kementerian dalam membantu isteri-isteri yang telah diceraikan suami, di mana mereka terpaksa melalui proses mahkamah syariah yang panjang sehingga menyebabkan berlaku penganiayaan dan wujudnya tanggapan negatif masyarakat terhadap kredibiliti mahkamah syariah dalam menegakkan keadilan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan sememangnya memandang serius nasib yang dialami oleh isteri-isteri yang telah diceraikan ataupun ibu-ibu tunggal. Keprihatinan kerajaan ini terbukti dengan wujudnya satu kementerian khusus berkenaan pembangunan wanita ataupun melalui keputusan melaksanakan program-program khusus berkenaan dengan urusan ibu-ibu tunggal di mahkamah syariah oleh agensi-agensi berkaitan.

Isteri-isteri yang telah diceraikan telah melalui proses penceraian yang kadangkala tidak mudah diperolehi daripada suami. Didapati juga ramai bekas suami cuai daripada menunaikan hak-hak selepas bercerai seperti nafkah idah, malah proses menuntut hak selepas penceraian yang lain termasuk mutaah dan harta sepencarian serta nafkah anak yang berada di bawah jagaan ibu juga sukar dipersetujui atau mendapat kerjasama daripada bekas suami.

Tuntutan untuk mendapat hak selepas penceraian atau permohonan penguatkuasaan perintah ke atas bekas suami yang cuai mematuminya perlu dipohon di mahkamah syariah. Oleh kerana prosedur dan tatacara perbicaraan di mahkamah terikat dengan undang-undang yang ditetapkan, pihak kerajaan melalui agensi JKSM atau Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri telah mengambil langkah penyelesaian secara solo dan juga telah menubuhkan BSK (Bahagian Sokongan Keluarga) dan BSK Transit bagi membantu isteri-isteri yang telah diceraikan. Terima kasih.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Hari ini dua kali kita dapat bertukar-tukar fikiran. Masih segar dalam ingatan saya Yang Berhormat, tentang jawatan Yang Berhormat iaitu antara sebab-sebab – ataupun penceraian ini dibahagikan kepada empat kalau tak silap sayalah. Dua-dua hendak, dua-dua tak hendak, seorang hendak seorang tak hendak dan sebagainya. Antara sebab yang paling menarik perhatian saya ialah suami mati pucuk. Jadi jawapan itu disiarkan dalam TV malam itu dan ramai yang bertanyalah berapa peratuskah daripada kes-kes

penceraian yang disebabkan oleh suami mati pucuk. Ini kerana ada Yang Berhormat kita jual ubat kuat ini. Tuan Yang di-Pertua, itu selingan.

Apa pun, saya kembali kepada Islam tidak menolak *natural justice* iaitu antaranya ialah hak untuk didengari; kedua, mendengar segala pandangan. *Innocent until proven guilty*. Tidak bersalah sehingga dibuktikan bersalah. Dan yang paling penting di sana antara falsafahnya ialah jika *justice* itu ditangguh, maka *justice* itu dinafikan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan menteri, mangsa lazimnya adalah isteri-isteri yang bakal diceraikan. Jadi di sana nanti akan berlaku, ada sekali lagi proses ketidakpercayaan. Di manakah sebenarnya pembelaan terhadap isteri ini yang telah pun dilafazkan cerai oleh suaminya, menunggu perbicaraan mahkamah, kemudian ada pula sang kumbang menunggu di luar sana yang saya nampak sepatutnya kita menghalang maksiat ini berlaku tetapi oleh kerana disebabkan terlalu lama proses itu mengambil alih kerana hendakkan persetujuan kedua-dua pihak dan tidak dipersetujui, akhirnya niat yang baik itu mendorong atau mengundang kepada berlakunya maksiat yang akan menjejaskan nama baik Islam itu sendiri.

Jadi di sini Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah yang telah dilakukan oleh pihak kementerian di dalam memastikan keadilan ini benar-benar berlaku dan pembelaan kepada kaum wanita ini benar-benar sejati? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu yang merupakan pembela kepada kaum wanita. Kita harap lebih ramai lagi seperti Yang Berhormat yang membela nasib kaum wanita. Yang Berhormat, bahagian pertama soalan Yang Berhormat berkenaan dengan pucuk-pucuk yang mati itu saya terpaksa merujuk kembali kepada statistik yang ada. Saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Bahagian kedua yang merujuk tentang bagaimana pembelaan dapat kita berikan kepada kaum wanita yang terpaksa menunggu lama dalam proses penceraian ini sehingga sebahagian daripadanya mengakibatkan berlaku maksiat yang sepatutnya tak berlaku. Yang Berhormat, yang kita sebut tadi bahawa penceraian ini ada dua jenis sama ada yang sama-sama bersetuju ataupun yang dituntut oleh isteri. Kalau sama-sama bersetuju mungkin tidak ada masalah untuk suami melepaskan secara cepat tetapi yang dituntut oleh isteri ini, isteri terpaksa membuktikan kepada pihak mahkamah kerana dia yang menuntut penceraian tersebut. Kalau isteri mengatakan dia menuntut penceraian tersebut kerana nafkah tidak diberi oleh suami, dia terpaksa membuktikan di mahkamah.

Dia terpaksa membawa pembuktian mengatakan suami itu tak bayar nafkah dan sebagainya. Inilah yang agak melambatkan sedikit proses tersebut dan *alhamdulillah*, kita telah menyediakan yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat, Bahagian Sokongan Keluarga di mana dalam Bahagian Sokongan Keluarga di setiap mahkamah syariah negeri ada pegawai-pegawai yang membantu mereka ini untuk menjejaki suami dan juga alasan-alasan lain yang boleh disegerakan. *Alhamdulillah*, kita lihat dengan adanya Bahagian Sokongan Keluarga ini,

sebahagian besar daripada kes-kes yang sebelum ini menjadi lambat tetapi telah dapat dibantu untuk disegerakan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Saya nampak Yang Berhormat Pasir Mas dah bangun.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya yang pertama, apakah usaha pihak JAKIM lah khususnya, untuk memberi penerangan supaya isteri-isteri akan lebih memahami tanggungjawab sebagai seorang isteri terutamanya dalam perspektif Islam? Contohnya, walaupun ada berlaku penceraian akibat tidak bertanggungjawab pihak si suami, tetapi ada juga kadangkala bila si suami pulang ke rumah, bila si suami itu ada keinginan, dia sedang memasak, dia kata, "*Tunggu dulu bang, nak siap masak.*" "*Saya sedang siap nak keluar ke rumah saudara.*" "*Saya nak buat itu, saya nak buat ini.*" Manakala daripada segi perspektif Islam Tuan Yang di-Pertua, isteri kena berhenti buat semua kerja itu. Dia kena beri keutamaan kepada kehendak suami. Ini betul, Yang Berhormat semua tak tahu ini.

**Beberapa Ahli:** Tahu.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ha, tahu. Dia kena berhenti, dia kena beri keutamaan sebab dia tak tahu bila suami pulang ke rumah, suami terberhenti kereta di *traffic light*, dia nampak sesuatu yang mungkin menaikkan dia punya semangat.

#### ■1130

Dia jumpa macam-macam, dia berhenti di kedai atau super market. Dia naik semangat. Oleh sebab itu ada setengah-setengah suami dia pergi ke tempat-tempat yang sulit sehingga keluar pula video-video yang tidak diingini. *[Ketawa]*

Ini yang saya harap diberi penerangan yang jelas supaya pihak-pihak isteri memahami peranan sebagai seorang isteri. Oleh sebab itu Allah SWT telah tahu, dia mengizinkan suami itu kahwin empat.

Soalan kedua, saya mahu tanya juga Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri, JAKIM memberi penerangan pula kepada si pihak lelaki pula? Kalau mahu kahwin dua dia cari anak dara yang muda. Kenapakah tidak kahwin janda-janda ini? Ini kerana saya lihat janda-janda ini pun ramai juga yang cantik-cantik dan muda-muda. Akan tetapi mereka cari yang muda-muda. Ini termasuklah pejuang-pejuang Islam. *[Ketawa]* Pejuang Islam pun cari barang muda juga.

Jadi, tidak di zaman seperti junjungan besar Nabi Muhammad SAW pada zaman para sahabat dahulu, dia kahwin dengan janda yang suami mati perang dan berjihad. Ini tidak, habis anak muda dia angkutnya. Jadi, saya mahu minta pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian, terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Yang Berhormat, apabila kita sebut tentang soalan pertama Yang Berhormat, kita mahu berusaha untuk memberi penerangan kepada isteri-isteri untuk memahami lebih tanggungjawab

isteri. Yang Berhormat, rasanya orang lelaki pun perlu faham juga. Saya kurang setuju kalau Yang Berhormat sebut tengah balik buat kerja pun naik semangat. Isteri terpaksa berhenti Yang Berhormat. *[Ketawa]* Ini kerana proses ini memerlukan kepada persefahaman di antara kedua belah pihak.

Sebentar tadi saya bercakap tentang masalah peratusan suami yang mati pucuk ini saya tidak tahu mahu bercakap tentang pucuk yang terlampau lebih semangat pula ini Yang Berhormat. Jadi, berkenaan dengan juga kepada soalan kedua yang berkaitan dengan poligami ini Yang Berhormat, sebenarnya kedua-dua belah pihak suami dan isteri ini perlu diberi penerangan dan di pihak JAKIM sendiri pun kita telah membuat. Setahun itu berpuluhan khusus yang kita anjurkan kepada Puspanita dan juga NGO untuk hadir bersama-sama. Akan tetapi sayangnya Yang Berhormat yang hadir ini hanya orang perempuan tetapi pihak-pihak seperti kaum Yang Berhormat inilah yang jarang sekali hadir. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Setakat itu pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan untuk pagi ini.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga diputus (D.R.39/2010) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010 dan (D.R.42/2010) Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 yang dijadualkan di nombor satu dan nombor 2 dan usul-usul Menteri Kewangan di nombor 15, 16, 17, 18, dan 19 seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga suatu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Sri Mustapa bin Mohamed]:** Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT**  
**DI BAWAH P.M.18(1)**

**SIASATAN DAN TINDAKAN TERHADAP KEMATIAN**  
**ADIK SAIFUL SYAZANI SAIFUL SOPFIDEE**

**11.34 pg**

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 18(1), saya dengan ini mengusulkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan untuk membincangkan perkara tertentu berkepentingan ramai dan perlu disegerakan bahawa Dewan rakyat melahirkan rasa amat sedih, kecewa dan simpati di atas kembalinya adik Saiful Syazani Saiful Sapfidee ke rahmatullah setelah didera oleh gurunya sendiri serta mendesak pihak kerajaan serta agensi-agensi terbabit melakukan penyiasatan terperinci agar tindakan tegas dan sewajarnya perlu dilakukan ke atas mereka yang terlibat dalam kejadian ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 4 April 2011 negara kita sekali lagi dikejutkan dengan berita kematian kanak-kanak akibat mangsa dera dan tindakan dan tidak berperikemanusiaan oleh individu yang tidak bertanggungjawab kematian terbaru adik Saiful Syazani, 7 tahun merupakan sambungan episod kes penderaan yang membawa kematian di kalangan kanak-kanak di negara ini. Peristiwa terbaru ini amat mengejutkan negara apabila individu yang terlibat dengan kematian kanak-kanak ini adalah merupakan gurunya sendiri dan tindakan yang dilakukan amat tidak berperikemanusiaan serta amat zalim sehingga membawa kematian yang menyayat hati. Ini lebih menyedihkan dan menyentuh hati setiap rakyat apabila mangsa penderaan ini merupakan seorang anak yatim yang sepatutnya diberikan perlindungan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Tuan Yang di-Pertua telah maklum, sekolah yang terlibat ini merupakan sebuah agama persendirian bertempat di Arau, Perlis dan beberapa persoalan yang perlu diberikan tumpuan. Antaranya ialah kualiti guru yang ditempatkan di sekolah-sekolah persendirian termasuk sekolah agama perlu diperhalusi serta satu mekanisme penyeliaan oleh pihak kerajaan terhadap sekolah-sekolah persendirian perlu dilakukan bagi mengatasi masalah seumpama ini tidak berulang.

Di samping itu, perkara penting yang perlu dibincangkan bersama adalah perkara keselamatan dan perlindungan terhadap anak-anak kita di sekolah-sekolah seluruh negara terutama di sekolah yang dijalankan oleh pihak swasta dan persendirian. Atas perkara yang tertentu ini yang melibatkan kepentingan rakyat umum yang perlu disegerakan. Saya mohon usul ini dibincangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Maran pada hari Selasa 5 April 2011.

Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat pertama ialah bahawa perkara itu tertentu. Syarat kedua ia adalah kepentingan orang ramai, dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan. Setelah meneliti perkara ini dan saya mendapati bahawa:

- (i) Tertentu. Perkara ini adalah perkara yang tertentu;
- (ii) bagi kepentingan orang ramai. Ia adalah bagi kepentingan orang ramai; dan
- (iii) berkehendak disegerakan.

Kejadian ini melibatkan kematian pelajar sekolah agama di Perlis merupakan satu kes yang serius. Pihak Polis Diraja Malaysia telah mengambil tindakan dan kes ini sedang dalam penyiasatan terperinci oleh jabatan yang berkenaan.

Oleh itu, perkara ini tidak perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya menolak usul ini di bawah Peraturan Mesyuarat 18(2).

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG ORGANISASI ANTARABANGSA (KEISTIMEWAAN DAN KEKBALAN) (PINDAAN) 2011**

##### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali kedua pada Mesyuarat akan datang.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR  
(PENCEMARAN MINYAK) (PINDAAN) 2010****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[6 April 2011]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sekijang.

**11.39 pg.**

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 1994.

■1140

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kementerian yang telah membuat pindaan rang undang-undang ini ke dalam Dewan kita dan dibahaskan oleh kita semua pada hari semalam dan hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua tahu bahawa negara kita adalah dikelilingi oleh persempadannya oleh laut. Kita bersempadan dengan di Selatan Singapura, kita dengan Indonesia, kita dengan Filipina, dengan Thailand, semuanya ada persempadanan dengan laut Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, perkapalan ini adalah penting bagi kita sebagai sebuah negara yang dikelilingi oleh laut. Ini kerana ia melibatkan pengangkutan sama ada dari segi barangan atau pengangkutan penumpang.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, kerancangan sesuatu ekonomi sesebuah negara itu adalah biasanya dikaitkan dengan pelabuhan, begitu juga dengan negara kita. Kalau kerancangan pelabuhan itu tinggi, maka dikatakan bahawa negara itu amat aktif dari segi pembangunan ekonomi ataupun eksport dan import yang berlaku bagi sesebuah negara itu. Sekiranya berlaku penurunan eksport dan import ataupun penurunan kerancangan di pelabuhan-pelabuhan ini, ini menunjukkan bahawa keadaan ekonomi sesebuah negara itu dalam peringkat yang menurun. Oleh itu, pada saya perkapalan ini adalah begitu penting sekali kepada kita sebagai sebuah negara yang menuju kepada negara maju pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Baru mula pun sudah...

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya. Maju akan datang.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Okey. Silakan Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya dari Sekijang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin minta pendapat, pandangan daripada Yang Berhormat Sekijang soal perkapalan kita yang didaftarkan di negara kita iaitu kurang lebih 4,000 yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam. Jadi, persoalan saya di sini Yang Berhormat Sekijang, yang kapal-kapal yang kita lindung ini yang sudah agak umurnya sudah kian lama. Jadi, hanya dua kapal sahaja yang *plying* daripada Port Klang pergi ke Kota Kinabalu itu hanya kepunyaan MISC. Dua kapal sahaja yang boleh diharapkan, yang lain itu mungkin kepunyaan ahli-ahli MASA ini yang sudah lama yang mengambil masa 16 hari daripada Port Klang ke Sandakan. Bayangkan. Kalau kita kira ia hanya *cruising* selaju 1 knot yang disamakan lebih kurang 1 kilometer satu jam. Jadi, ini menunjukkan bahawa mungkin kapal-kapal yang kita lindungi ini begitu tua, uzur. Sudah uzur.

Jadi, adakah cadangan Yang Berhormat, ini mungkin mengakibatkan pencemaran dan *burning fuel* dengan begitu lama jika ia *plying* daripada Port Klang ke Kota Kinabalu, Sabah. Jadi, ini mungkin juga satu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya ini tidak faham soal *Cabotage Policy* ini, ertinya saya bodohlah. Jadi, soal harga-harga ini sebab tidak sampai 100 kapal yang tua-tua ini, yang uzur ini yang *plying* dari Port Klang pergi Kota Kinabalu.

Jadi, kapal-kapal ini hanya tidak lebih daripada 1,000 TEUs. Ertinya, kontena itu ia mungkin memuatkan kurang *containers*. Jadi begitulah. Mungkin ia punya *freight charges* itu lebih mahal sebab ini 1 kartel monopoli oleh persatuan-persatuan MASA ini. Itulah yang dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu saya tidak faham soal ini. Jadi, saya minta haraplah. Jadi, pencemaran ini mungkin satu daripada yang kita lihat daripada kapal-kapal yang sudah tua ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kapal lama, bukan kapal tua. [*Ketawa*] Orang yang tidak faham, bukan semestinya bodoh.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Kurang, lebih seperti itulah Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Berhenti bersinis-sinis Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya daripada Putatan yang menyatakan bahawa kapal-kapal lama ini – kapal lama Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kapal lama, bukan kapal tua.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Bukan kapal tua ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun setuju itu. Kapal-kapal lama yang ada pencemaran ini dan saya percaya kementerian boleh melihat perkara ini supaya ia dapat diperbetulkan. Kalau seperti mana yang dikatakan oleh sahabat saya daripada Putatan tadi, daripada Port Klang untuk pergi ke Sandakan tidak silap saya tadi, makan masa lebih daripada dua minggu. Ini merupakan satu yang saya rasa

perlu kita kesali jugalah. Ini kerana kalau agaknya kalau penghantaran dalam negara pun memakan masa lebih daripada dua minggu yang tidak begitu jauh saya kira, ini merupakan satu yang perlu kita perbaiki. Begitu juga dengan pencemaran-pencemaran sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Putatan tadi.

Yang kartel ini saya pun tidak tahu sama ada ada kartel di perkapalan ini atau tidak. Ini kerana biasanya mereka yang mempunyai wang sahaja yang boleh membeli kapal ini. Kalau tidak ada wang, tidak ada modal, mungkin mereka tidak boleh membeli kapal ini. Jadi, yang itu saya serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa kita dikelilingi oleh laut dan yang paling penting sekali ialah bahawa di negara kita ini adalah laluan iaitu di Selat Melaka, adalah merupakan laluan yang amat penting bagi dunia untuk menghubungkan di antara timur dan barat di mana Selat Melaka ini dikatakan laluan kapal yang paling aktif sekali ataupun yang paling padat sekali berlaku di mana lebarnya tidak begitu lebar tetapi laluannya begitu banyak sekali kapal-kapal yang melalui kawasan ini. Sudah tentu kalau di kawasan yang sempit dan kawasan yang tidak besar ini, apabila kapal-kapal yang melalui ini sudah tentu ia pada masa ataupun suatu ketika nanti akan berlaku kemalangan misal kata, akan berlaku pelanggaran di antara kapal-kapal itu. Apabila ini berlaku, sudah tentu akan melibatkan pencemaran-pencemaran yang begitu hebat dan teruk. Sudah tentu kesan yang paling besar sekali akan melanda di pantai-pantai kita dan juga di pantai-pantai negara di Indonesia sana Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Maran pun hendak minta? Silakan Yang Berhormat Maran.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang ini walaupun ia tidak ada kapal, beliau ada perahu kecil, kelapa sawit sebagainya tetapi itulah kepimpinan Barisan Nasional bersungguh-sungguh hendak memberikan sokongan kepadanya.

Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Sekijang dari segi pencemaran tadi. Kita tahu lazimnya kapal-kapal ini bila ia hendak mendampingi pelabuhan, biasanya hampir pelabuhan ini ia dekat dengan kuala-kuala sungai. Ini menjadi kebiasaan. Jadi, sudah tentulah kapal ini biasanya berlabuh di pelabuhan atau kuala-kuala sungai yang airnya mengizinkan ia berlabuh, ia akan buang air. Bukan buang air macam kita. Maknanya buang air, buang sisa-sisa dan sebagainya. Biasanya macam berlaku pelanggaran seperti yang disebut Yang Berhormat tadi, maka pencemaran akan berlaku. Jadi, oleh sebab keadaan ini berlaku hampir dengan kuala-

kuala sungai, sudah tentulah bila air pasang, jadi air-air laut yang membawa kekotoran tadi akan masuk ke sungai.

■1150

Jadi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, sejauh mana kerajaan ataupun pihak berkenaan ini mengawal supaya kalaulah laut, kita sudah memang tercemar. Maknanya kalau tidak silap saya, dari segi kesan kesihatannya antara air yang kurang bersih adalah air laut, air yang paling bersih air hujan dan begitu juga air perigi dan sebagainya. Akan tetapi akan menjejaskan air sungai kita dan apabila air pasang ini sudah tentulah air laut itu akan menolak ke dalam sungai, ke pertengahan.

Apakah langkah yang mungkin diambil oleh kerajaan? Mungkin sama ada kita menghadkan dari segi pelabuhan kapal ini ataupun tindakan-tindakan lain yang boleh memastikan supaya di samping laut tercemar, kita tidak mahu sungai kita juga akan tercemar akibat daripada kapal-kapal ini walaupun kepentingannya ada pada ekonomi negara dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Maran. Memang benarlah kalau daripada kapal-kapal ini yang dibuang sisa-sisa tadi dan saya akan menuju ke arah untuk bercakap tentang perkara yang samalah. Saya rasa sebelum saya bercakap tadi Yang Berhormat Maran sudah bercakap dahulu. Saya masukkan juga dalam saya punya ucapan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana laluan kapal tadi di Selat Melaka ini terlalu banyak dan sudah tentu ada di antara kapal-kapal ini yang melakukan pembuangan sama ada kotoran-kotoran minyak sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran tadi dan juga buangan yang lain seperti plastik-plastik yang mungkin dalam ini disebut minyak tetapi plastik pun saya rasa boleh masuk dalam minyak. Ini kerana plastik-plastik ini amat sukar untuk hancur Tuan Yang di-Pertua, dalam jangka masa yang pendek kerana ada dikatakan bahawa setengah-setengah plastik itu hanya memakan masa 500 tahun untuk ia hancur.

Jikalau keadaan ini terus berlaku Tuan Yang di-Pertua, ini akan menyebabkan kerosakan-kerosakan kepada perairan kita, kepada laut kita Tuan Yang di-Pertua. Ini saya minta kepada kementerian, untuk melihat tentang perkara-perkara ini. Walaupun dalam akta ini kita mungkin agaknya membahaskan yang berlabuh di tempat kita tetapi kita juga harus mengambil perhatian juga kepada kapal-kapal yang lalu lalang di kawasan kita ini. Saya ada mendengar cerita bahawa mereka ini membuang sisa-sisa mereka ke dalam laut sambil mereka berlayar. Mungkin mereka – ada setengah-setengah daripada mereka, ialah dalam peringkat dunia yang besar pada hari ini, kita tidak tahu sama ada mereka ini mempunyai disiplin atau tidak. Akan tetapi ada di antara sisa-sisa ini yang dicampakkan ke laut.

Ada setengah-setengah kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji Tuan Yang di-Pertua, mereka mendapati bahawa di antara bahan plastik ini dengan plankton yang ada di dalam laut pada ketika ini, dia mendapati bahawa 35% sahaja plankton dan 65% peratus lagi

adalah plastik. Jikalau ini yang berlaku kepada dunia kita pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, maka generasi kita pada masa akan datang maknanya tidak ada lagi hasil daripada laut. Akibat daripada perbuatan manusia, perbuatan daripada mereka yang tidak bertanggungjawab, terutamanya daripada kapal-kapal yang melalui laut ini, membuang sisa-sisa mereka maka kita tidak akan dapat untuk memberikan manfaat ataupun untuk kita berikan kepada generasi yang akan datang.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat Kepong ini ada apa ya? Kepong mana ada kapal? Silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia anggap diri dia Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Yang Berhormat ini membangkitkan perkara yang penting dan kali yang pertamalah perkara yang bernas. Saya setuju memang kapal-kapal itu yang membuang bukan sahaja kapal, orang-orang biasa pun membuang ke dalam longkang dan akhirnya sebahagian besar ke dasar laut juga.

Saya setuju kerana plastik ini memang dengan kimia yang rumit dan mengambil masa yang panjang di dasar laut. Apabila ia hancur ada makhluk-makhluk bukan sahaja plankton, makhluk-makhluk yang halus, yang makan. Selepas dia makan ikan pun makan plastik itu juga, ikan yang kecil dan ikan yang besar makan ikan yang kecil. Akhirnya kita manusia makan ikan yang besar ataupun udang pun, macam itu dan sebagainya dan akhirnya kita manusia yang makan plastik itu, kita manusia.

Lama-kelamaan kita manusia yang buat, yang merosakkan, kita yang menanggung akibat, kita makan pula plastik itu sendiri. Itulah – saya setuju dengan Yang Berhormat Sekijang, kali yang pertamalah kerana membangkitkan perkara yang bernas.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Inilah Yang Berhormat Kepong, dulu pun kali pertama juga. Saya ingat sudah lima kali dah kali pertama yang bernas ini. *[Ketawa]* Plastik-plastik daripada Kepong pun hendak kena jaga juga ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berharap di dalam akta yang kita bentangkan pada hari ini bukan sahaja untuk kapal-kapal yang berlabuh di dalam kawasan kita tetapi juga agaknya kita perlu merangkumi kepada kapal-kapal yang melalui perairan kita. Jikalau ini tidak merangkumi, saya ingat kita kena pinda lagi pada masa yang akan datang kerana kapal-kapal yang melalui di kawasan kita ini banyak kerenah dia Tuan Yang di-Pertua.

Sebagaimana saya katakan lebih awal tadi, dia membuang berbagai-bagai sisa-sisa yang semasa mereka melalui ini, yang akibatnya akan terkena kepada negara kita dan juga kepada negara jiran kerana Selat Melaka ini adalah satu kawasan yang begitu sempit sekali Tuan Yang di-Pertua. Saya juga minta kepada kementerian supaya kalau pun kita ada akta ini

tetapi kita tidak boleh bertindak secara bersepadu, maksudnya kita kena bertindak secara bersepadu di antara kementerian dan jabatan-jabatan yang terdapat di dalam negara kita ini mungkin maritim ada, tentera laut ada, kita kena bersepadu bersama-sama dengan mereka ini.

Jikalau kita tidak bersepadu untuk bersama-sama menguatkuasakan undang-undang ini maka tidak ada gunanya kita bentang di sini, akhirnya akan tinggal begitu sahaja. Saya juga minta Tuan Yang di-Pertua, bahawa bukan sahaja tindakan yang bersepadu dalam negara kita sahaja tetapi kita juga perlu kerjasama dengan negara-negara jiran kita. Ini kerana kalau kita boleh kerjasama dengan negara-negara jiran kita untuk menguatkuasakan undang-undang seperti ini maka ia akan lebih cantik dan lebih elok lagi kerana ia akan dapat memberikan manfaat bersama pada masa yang akan datang.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Yang Berhormat Kota Belud, sila.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sekijang. Harapan Yang Berhormat tadi untuk melihat negara kita ini mempunyai satu pendekatan yang lebih fokus untuk menangani masalah pencemaran ini mungkin akan gagal jika kita melihat keadaan yang berlaku sekarang Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan saya minta pandangan Yang Berhormat, di negara kita sekarang ini kalau ada berlaku pencemaran minyak, apa yang berlaku ialah tidak ada satu agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab secara khusus. Jikalau ada berlaku pencemaran minyak di kawasan perairan negara kita ini, apa yang berlaku dalam keadaan sekarang ini satu jawatankuasa akan dibentuk oleh dan digabungkan agensi-agensi APMM, Jabatan Laut, mungkin Jabatan Alam Sekitar dan membentuk satu jawatankuasa untuk menangani pencemaran minyak yang sedang berlaku.

■1200

Itu yang berlaku di Pengerang, di Johor dan di mana-mana tempat. Saya minta pandangan Yang Berhormat, apakah ini satu tindakan yang satu prosedur yang betul. Ini kerana kalau kita menangani pencemaran minyak ini ianya berlaku dengan cepat. Kalau kita menunggu Jawatankuasa ini ditubuhkan barulah tindakan susulan dibuat ini adalah satu perkara yang betul-betul amat mendukacitakan. Ini kerana mereka terpaksa bermesyuarat dahulu untuk membuat keputusan-keputusan untuk menangani pencemaran tersebut.

Saya minta pandangan Yang Berhormat apakah perlu buat masa ini kita bagi sahaja kepada APMM untuk membuat tindakan-tindakan seterusnya mengepung minyak yang terbuang itu dan sebagainya yang bocor itu. Bagi pada APMM biar mereka buat dan membuat tindakan serta-merta tanpa menunggu Jawatankuasa ini ditubuhkan di peringkat daerah, di peringkat negeri dan sebagainya.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Itulah sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi bahawa kalau kita ada pun undang-undang tetapi kita masing-masing dengan tugas masing-masing dan tidak mahu

bekerjasama, tidak ada kesepaduan maka tidak ada gunanya kita membentangkan rang undang-undang ini. Akhirnya, akan ditinggalkan dengan begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Kita tahu bahawa minyak ini adalah selain daripada plastik, minyak ini adalah sesuatu yang begitu menakutkan kita kalau ianya tumpah ke laut. Sememangnya dalam pepatah Melayu pun sudah kata sudah bahawa di antara minyak dan air dia tidak akan bercampur. Akan tetapi, dari segi sainsnya bahawa larutan minyak ke dalam air ini ianya adalah kalau tidak silaplah saya belajar dulu di sekitar 35mg per liter atau pun 36mg per liter. Makna larutan dia adalah begitu lambat sekali. Apabila ianya lambat untuk dilarut di dalam air ini maka ianya sudah tentu akan memakan masa yang panjang dan lama. Akhirnya, apabila minyak ini tumpah ke laut dan dia meliputi permukaan laut menyebabkan cahaya matahari tidak boleh masuk ke dalam laut itu dan menyebabkan tumbuh-tumbuhan seperti plankton dan hidupan-hidupan yang lain di dalam air ini tidak boleh mendapat cahaya matahari akan terbantut pertumbuhan dan ada di antaranya yang akan mati.

Apabila keadaan ini berlaku maka sudah tentulah bahawa kita yang lain seperti ikan dan pemangsa-pemangsa kepada plankton ini tidak boleh untuk hidup dan membesar. Kalau ini tidak boleh membesar sebagaimana dalam ekosistem kita yang telah pun disebutkan di dalam kita punya lagu 'Bangau oh bangau' maknanya 'Bangau oh bangau itu kenapa engkau kurus' itu adalah satu ekosistem yang ada di dalam masyarakat kita. Apabila ini salah satu daripadanya tidak boleh berfungsi maka akan semua sistem itu akan tidak berfungsi.

Ini akhirnya akan memberikan sesuatu yang tidak memberikan manfaat kepada manusia. Oleh sebab itu, kita perlu menjaga laut kita secara yang lestari sebab itu kalau ada undang-undang yang kita bentang ini mestilah dibuat secara bersepadu. Bukan sahaja bersepadu di dalam negara kita...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Kita juga perlu mendapat kerjasama yang erat di antara negara-negara jiran untuk sama-sama menjaga perairan dan laut. Ini kerana ikan dan hidupan-hidupan laut ini bukan sahaja ada dia di Malaysia tetapi juga akan berpindah ke sekitar ataupun...

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Yang Berhormat Sekijang.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Ke tempat-tempat lain yang mana memberikan juga manfaat kepada negara tersebut. Sila Yang Berhormat Padang Serai.

**Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang dihormati dan juga Yang Berhormat Sekijang. Saya melihat bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sekijang ini adalah berdasarkan struktur negara kita ini di mana tiga persegi negara kita ini menjadi di antara laluan paling sibuk di dunialah. Khususnya Selat Melaka dan akibatnya nelayan-nelayan mereka yang hidup melalui laut ini akan terjejas dan sudah pun terjejas. Jadi melalui agensi dan juga akta yang kita bacakan ini seharusnya kita juga melihat macam mana kemantapan – masa depan *sustainable development* nelayan-nelayan ini juga.

Pada masa satu hari nanti, nelayan-nelayan ini melalui satu proses di mana mereka tidak lagi menjadi nelayan tetapi melalui satu perubahan seperti apa yang dikatakan tadi satu perubahan di mana mereka akan terlibat dalam perniagaan dan sebagainya. Agensi ataupun akta ini mesti membantu mereka sama-sama untuk mencapai itu supaya ia dapat memberi manfaat dan faedah kepada mereka supaya mereka yang hidup di antara di pinggir atau persisiran di antara laluan yang tersibuk di dunia. Apa pendapat Yang Berhormat Sekijang?

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat baru saya daripada Yang Berhormat Padang Serai. Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat daripada Padang Serai tadi. Ini kerana kalau kita tidak menjaga perairan kita terutamanya di Selat Melaka sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Padang Serai tadi bahawa ianya adalah satu tempat laluan yang paling sesak, yang paling sempit di dunia ini. Maka akan menyebabkan pencemaran dan akhirnya nelayan-nelayan kita pun tidak ada kerja. Saya setuju dengan itu jadi bukan sahaja nelayan kita tidak ada kerja dan kita pun tidak boleh makan ikan. Negara jiran pun tidak boleh agaknya mendapat manfaat yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat kepada akta ini dalam seksyen yang baru dibentangkan dalam 11A ini.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Saya minta laluan.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Sila.

**Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta sebelum Yang Berhormat bagi itu ke tempat lain. Pencemaran minyak tadi saya nampak, saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Belud kita tidak ada agensi yang menyelaraskan. Maknanya kalau berlaku tumpahan pandai masing-masinglah syarikat kapal dan sebagainya. Saya minta pandangan Yang Berhormat apa dalam maklumat Yang Berhormat, ada satu syarikat yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan kepada yang minyak yang tumpah ini di mana saya difahamkan saya pernah pergi ke satu kilang dan melihat bagaimana minyak ini *waste oil*, dengan izin minyak lebih ini minyak yang terbuang di *recycle* dengan izin di proses balik sehingga jadi minyak pelincir dan boleh digunakan. Bukan setakat minyak-minyak yang tumpah ke laut. Kalau Yang Berhormat perhatikan melalui *workshop* ataupun bengkel-bengkel di pekan-pekan bandar yang hampir dengan sungai biasanya air ini akan di alihkan ke sungai dan terus ke laut. Maka sudah tentulah tumpahan minyak di samping disumbangkan oleh kapal-kapal tadi akan juga menerima tumpahan minyak baki-baki ini daripada bandar-bandar yang menjalankan aktiviti industri dan sebagainya.

Saya nampak mungkin ini salah satu *business* yang boleh dibuka. Saya hendak mencadangkan Yang Berhormat kalau boleh dapatkan satu difikirkan satu agensi kepada kerajaan supaya badan ini atau syarikat ini mengumpulkan minyak-minyak ini dan boleh di *recycle* balik untuk menjadikan minyak pelincir. Berfaedah untuk kegunaan jentera-jentera berat dan sebagainya dan ini menjadikan sumber pendapatan juga. Minta pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Maran tentang menyatakan bahawa saya tidak tahulah minyak yang tumpah ini boleh di *recycle*. Mungkin boleh agaknya kalau ada teknologi yang terbaru agaknya kerana kalau minyak pelincir sebagainya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Maran tadi itu adalah saya ini – tetapi untuk minyak yang tumpah di laut ini saya belum lagi – mungkin Yang Berhormat Menteri boleh dapat maklumat agaknya minyak yang tumpah di laut ini boleh di *recycle*.

Akan tetapi, apa yang saya ketahui bahawa pada masa ini telah keluar satu teknologi baru bahawa minyak-minyak yang tumpah di laut ini yang sukar untuk di kutip, untuk di kumpul bahawa minyak-minyak ini boleh dilepaskan bakteria-bakteria yang boleh memakan minyak-minyak ini dan secara perlahan-perlahannya ianya akan hilang daripada permukaan laut itu sendiri. Yang ini ada agaknya saya terbaca di dalam buku, artikel-artikel yang ditulis di peringkat antarabangsa.

■1210

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada yang berikutnya ialah tentang seksyen baru 11A ini. Saya melihat bahawa dalam 11A ini kita mewajibkan syarikat-syarikat kapal ini untuk membeli ataupun ada insurans kepada setiap kapal yang lebih daripada 1,000 tan dan saya ingin tanya bagaimana agaknya kapal-kapal yang kurang daripada 1,000 tan ini, adakah ia terlepas dan tidak perlu ada insurans kerana bukan sahaja kapal yang besar tetapi kapal yang kecil pun kalau banyak membuang sisa-sisanya atau melepaskan minyak ke laut, maka ia juga boleh menyebabkan pencemaran.

Akan tetapi dalam akta ini yang saya faham – mungkin saya bukan orang undang-undang, tetapi kalau lebih daripada 1,000 tan ini sahaja yang kita wajibkan, nampaknya mungkin saya tidak nampak sebenarnya untuk menyelamatkan laut kita. Saya pun tidak nampak berapa liabiliti insurans itu kena beli kerana kadang-kadang ada juga syarikat insurans ini pada masa beli ia mampu untuk membayar tetapi pada masa bila hendak *claim* ia tidak mampu untuk bayar.

Jadi saya tidak tahu sama ada pihak kementerian akan menetapkan syarikat-syarikat insurans yang disenaraikan sahaja ataupun mana-mana syarikat insurans asalkan ada insurans okey, sudah, jalan dan sebagainya. Namun yang ini saya rasa kita perlu kaji kerana kadang-kadang bila terlepas daripada ini syarikat insurans ia tutup, gulung tikar, menjadi muflis dan akhirnya kerajaan kita juga yang terpaksa menanggung beban, walaupun kita ada undang-undang akhirnya kita yang sendiri terpaksa menanggung permasalahan yang berlaku ini.

Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal yang kecil ini juga saya dapati kadang-kadang kapal yang besar ini mengupah kapal-kapal yang kecil ini untuk membuang, dan kalau yang kecil ini membuang yang tidak ada insurans, maka kita pun tidak boleh untuk mengambil tindakan ataupun untuk dia membayar pampasan balik pembersihan ini kerana biasanya kapal besar ini ia akan *pass* atau dia akan bagi kapal-kapal yang lebih kecil ini untuk mereka membuang sisa-sisa dan bahan-bahan yang tidak digunakan ini, kerana ini adalah lebih murah daripada mereka sendiri untuk membuangnya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Ya, Yang Berhormat Kota Belud.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sekijang. Saya setuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, kapal-kapal yang kecil ini kebimbangan Yang Berhormat itu bertempat sebab kalau lagi kecil lagi kapal ini lagi dekat ia dengan perairan pantai. Oleh sebab itu mereka ini perlu diwajibkan mengambil insurans. Jika yang besar mungkin akan jauh sedikit dan mungkin kalau pun tumpah minyak akan memakan masa untuk sampai ke perairan pantai kita.

Akan tetapi yang kecil-kecil ini yang diperlukan dan diwajibkan kerana kalau ada kebocoran minyak yang tumpah atau *bunker* itu akan sampai ke perairan pantai dengan lebih cepat lagi. Apa pandangan Yang Berhormat? Minta maaf Yang Berhormat tambah satu lagi ya. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada insurans tadi, saya minta pandangan Yang Berhormat ada satu istilah yang dipanggil dalam perkapalan iaitu *single hull* dan *double hull*, minta pandangan Yang Berhormat dahulu mungkin selain daripada insurans ini patutkah tidak kementerian masukkan juga peruntukan untuk mewajibkan semua kapal yang melalui Selat Melaka ini untuk mempunyai *double hull*, dengan izin iaitu dasarnya itu dua lapis di mana kalau ia bocor berlanggar dan sebagainya *bunker* itu tidak boleh tumpah begitu sahaja. Terima kasih.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud. Itu sebab tadi saya katakan bahawa kapal-kapal kecil ini juga perlu untuk kita lihat kerana kapal-kapal kecil inilah yang kadang-kadang banyak berhampiran dengan perairan kita ini, dan kapal-kapal yang besar ini biasanya ia akan memberikan kerja-kerja ini kepada kapal-kapal kecil.

Jadi oleh sebab itu saya minta kepada kementerian untuk melihat bahawa kapal-kapal yang kurang daripada 1,000 tan ini juga perlu kita ambil perhatian. Seperti mana yang disebutkan iaitu *double hull* tadi saya ingat dari segi teknikalnya kementerian lebih faham dan lebih arif tentang perkara ini, kerana kalau saya bincangkan mungkin saya tidak betul kerana saya bukan dalam bidang perkapalan. Namun saya rasa kementerian boleh mengambil perhatian apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud itu tadi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua dengan itu saya mohon untuk menyokong. Terima kasih.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Yang Berhormat Sekijang, hendak minta laluan sedikit, boleh?

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Saya sudah habis tadi tetapi Yang Berhormat Padang Terap...

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Tentang insurans. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, dia setengah duduk. Tidak mengapa.

12.15 tgh.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Okey, sebelum saya minta penjelasan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat Arau sedia. Selepas itu kalau tidak ada minat lagi saya panggil Menteri untuk menjawab.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labuan? Lagi? Okey selepas Yang Berhormat Labuan, Menteri bersedia untuk jawab.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang mahu juga? Okey.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong mahu juga? Okey. Sila teruskan.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya mengalu-alukan ketibaan adik-adik daripada Sekolah Menengah Agama Sik bersama-sama guru ke Dewan pada pagi ini. *[Tepuk]*

Saya cuma sedikit tadi, ingat hendak mencelah tetapi diberi peluang untuk berucap tentang seksyen baru 11A, yang dipinda ini berkaitan dengan insurans. Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian tentang kapal-kapal yang mempunyai angka muatan yang melebihi 1,000 tan dan juga kapal-kapal kecil yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sekijang tadi. Saya ingin respons adakah insurans-insurans ini juga disediakan oleh Kerajaan Malaysia atau adakah pemilik-pemilik kapal ini terpaksa memohon untuk membeli insurans daripada syarikat-syarikat insurans antarabangsa.

Adakah pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan sekiranya belum ada, mewujudkan insurans-insurans kapal-kapal yang belayar di lautan terutamanya berkaitan dengan kapal-kapal milik pemilik-pemilik daripada negara kita. Begitu juga adakah pihak kerajaan melalui takaful sebagai misalnya ingin memperkenalkan insurans atau takaful untuk kita lindung kapal-kapal ini daripada dirampas lanun ataupun mereka melakukan pencemaran minyak di perairan antarabangsa dan perairan dalam negara kita. Saya ingat ringkas itu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hujah itu Yang Berhormat ditumpangkan pada Yang Berhormat Sekijang tadi ya?

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Tidak payah tumpanglah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oleh sebab saya dengar ia seolah-olah bermandiri.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Ya, tadi saya ingat saya hendak mencelah Tuan Yang di-Pertua, tetapi nampak tadi Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya dan sambung dengan Yang Berhormat Ledang dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey tidak mengapa. Itu ucapan sendiri? Bukan pencilahan.

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** Okey, terima kasih banyak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Arau.

**12.17 tgh.**

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994. Kita faham *amendment* ini dibuat selain mengambil kira keadaan yang sedia ada berlaku yang memerlukan tindakan segera oleh pihak kerajaan, kita juga terpaksa mematuhi beberapa konvensyen antarabangsa sepertinya *International Convention on Civil Liability for Oil Pollution Damage* dan beberapa siri konvensyen lain.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita menyedari bahawa ia melibatkan soal pencemaran marin, ini adalah sesuatu yang cukup besar ertinya yang memerlukan tindakan dan perancangan yang lebih teliti kerana umumnya kita mengetahui pencemaran marin ini ia berasaskan kepada tiga sumber iaitu, pertama pengaliran sungai ke laut, larian air permukaan dan yang paling penting ialah berlaku tumpahan minyak di laut. Jadi ini melibatkan soal-soal yang dinyatakan beberapa parameter seperti gris, *oil* atau minyak dan pecahan terampai, plumbum, arsenik dan lain-lain yang kita lihat secara tidak langsung melibatkan dua pertiga penduduk dunia yang mendiami kawasan-kawasan di pinggir pantai.

Sudah barang tentu beberapa aspek seperti yang dinyatakan oleh rakan-rakan yang telah berbahas sebelum ini, ia melibatkan soal aspek-aspek sosial, ekonomi dan juga kesihatan. Apa yang kita hendak katakan di sini ialah fokus kita tentang apa yang berlaku di dua perairan utama kita iaitu laluan Selat Melaka dan juga laluan Laut China Selatan.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, kita melihat Selat Melaka adalah seperti mana yang diperkatakan oleh rakan-rakan yang lain, adalah di antara laluan yang sibuk di dunia. Apatah lagi kalau dilihat 30% daripada 30,000 lebih laluan yang berlaku seperti mana sumber yang diberikan oleh Jabatan Laut dan usaha mencari gali dan minyak yang terdapat di perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka ini lebih daripada 165 pelantar minyak yang menyebabkan 30% daripada puluhan ribu kapal-kapal yang lalu di Selat Melaka dan Laut China Selatan ini akan melibatkan, seperti mana Yang Berhormat Kota Belud perkatakan tadi, membawa minyak di dalam muatan tertentu.

Dalam hal ini kita melihat hanya Malaysia dan Indonesia sebagai sebahagian daripada negara-negara ASEAN yang mahu tidak mahu terpaksa menyalurkan pandangan dan kerjasama bersama, terutamanya di dalam melihat beberapa isu penting yang berlaku di Selat Melaka terutamanya. Saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian, setakat ini apakah rancangan kontingensi yang wujud di antara kedua-dua negara ini di dalam memastikan bukan setakat di kawasan ZEE (Zon Ekonomi Eksklusif), bahkan lebih daripada itu? Rancangan kontingensi yang dibuat di peringkat sama ada *bilateral*, dua hala di antara kita dengan Kerajaan Indonesia...

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Yang Berhormat Arau...

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** ...ataupun melibatkan dengan Kerajaan Thailand yang juga turut terlibat di bahagian penghujung Selat Melaka. Silakan.

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Arau dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Arau menyebut tentang telaga-telaga minyak dan juga kapal-kapal. Di dalam rang undang-undang ini kita nampak hanya tuan-tuan punya kapal sahaja terpaksa mengambil insurans untuk liabiliti tumpahan minyak, tetapi bagaimana pula dengan telaga-telaga minyak yang mungkin berlaku pencemaran, kebakaran yang kemungkinan ia juga akan menyebabkan pencemaran minyak seperti mana yang kita lihat di Indonesia sekarang, di mana stok penyimpanan minyak yang terbakar ini – mungkin kalau di tengah laut akan mencemarkan laut-laut di Selat Melaka dan juga Laut China Selatan? Minta pandangan Yang Berhormat Arau.

**Datuk Ismail Kasim [Arau]:** Ya Yang Berhormat Pendang dan saya bersetuju sangat dengan cadangan itu. Saya minta agar ucapan itu dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Sama ada telaga-telaga minyak yang terdapat di kedua-dua perairan ini juga termasuk dalam *covering insurance* seperti mana yang sebenarnya juga memerlukan penelitian yang teliti daripada pihak kementerian.

Selain daripada itu, kita melihat di dalam kerjasama serantau ini juga cukup penting kerana negara-negara lain juga menggunakan laluan Selat Melaka sebagai laluan utama. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, setakat ini juga, kita ada atau tidak ada gabungan yang dibuat yang melibatkan soal-soal penggabungan syarikat-syarikat minyak carigali utama sama ada Petronas sebagai peneraju, ESSO, British Petroleum, Mobil, CALTEX dan sebagainya, yang saya rasa selain daripada mereka mengaut keuntungan, mereka juga harus memikirkan bahawa mereka terlibat di dalam obligasi ini. Jadi setakat ini, sejauh mana kerjasama yang dibuat oleh kerajaan di dalam mengkoordinasi kan syarikat-syarikat minyak ini supaya mereka dapat turut terlibat dan juga turut mengadakan peralatan-peralatan yang lebih canggih dalam usaha kita menangani masalah tumpahan minyak yang berlaku?

Saya ingat pada tahun 1992 misalnya, Singapura telah mencadangkan satu badan khas yang dianggap untuk mengatasi masalah tumpahan minyak iaitu dipanggil *East Asia Respond Limited* (EARL) dan ia telah membentuk semua gabungan-gabungan yang melibatkan syarikat-syarikat minyak utama ini. Jadi setakat ini, bagaimana EARL ini berperanan dalam membantu kerajaan? Ini kerana kalau setakat kita hendak mengharapkan penguat kuasa seperti yang dibangkitkan oleh rakan saya dari Kota Belud, hanya bergantung kepada Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia, saya ingat ia tidak mencukupi, sebab kelengkapan yang mereka ada, mereka hanya ada beberapa unit helikopter, beberapa unit bot peronda, sedangkan mereka juga terlibat untuk menangani masalah kemasukan pendatang asing, mereka juga terpaksa menangani masalah kemasukan penyeludupan yang luar biasa yang berlaku di negara kita. Jadi sebenarnya, perlu ada kerjasama daripada pihak-pihak yang terbabit di dalam industri ini untuk

kita membantu meningkatkan keberkesanan dalam tindakan mengawal pencemaran minyak di perairan kita.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mahu hubungan-hubungan ini turut diperluaskan kepada negara-negara pengguna utama yang mempunyai hubungan ataupun *volume of trade* yang tinggi di dalam menggunakan Selat Melaka dan Laut China Selatan. Mereka juga harus memberikan *contribution*. Bukan setakat mereka mengadakan hubungan dagangan, membuat keuntungan dari segi *trade* tetapi mereka juga harus *contribute* di dalam pembangunan sekurang-kurangnya ataupun ada rancangan-rancangan tertentu yang membolehkan mereka turut sama di dalam mengatasi masalah pencemaran yang saya rasa dari segi jangka pendek dan jangka panjang adalah begitu mendatangkan kesan yang tidak begitu elok kepada ekonomi, sosial dan segala yang ada pada negara kita.

Selain itu, saya ingin bertanya satu perkara kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang *Traffic Separation Scheme* (TSS) ataupun Skim Lalu lintas. Ini telah dijalankan di negara Eropah. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, sama ada TSS ini sudah pun dilaksanakan di negara kita ataupun masih di peringkat perancangan? Ini kerana kalau kita lihat kepada laluan yang sibuk, saya rasa TSS ini merupakan di antara langkah yang paling baik, bukan setakat menangani masalah kesesakan trafik di Selat Melaka itu, tetapi kita juga dapat melihat banyak perkara yang di dalam secara langsung kita mengawal kedudukan lalu lintas yang begitu hebat.

Selain daripada itu, kita ada *control tower* yang dibuat dan dicadangkan oleh APMM seingat saya suatu masa dahulu. Kenapa tidak di*upgrade*kan supaya ia berada seperti kita membuat sistem telekomunikasi pengawalan di dalam mengesan kapal-kapal yang tidak bertanggungjawab terutamanya laluan pada waktu malam yang mana mereka melepaskan minyak kotor dan pencemaran di luar pengetahuan kita, selain daripada mungkin satu masa kita akan menggunakan sistem satelit bagi mengawal sepenuhnya pengawalan trafik yang begitu sibuk ini.

Cadangan ini kita lihat kerana berlaku pelanggaran-pelanggaran kapal seperti yang berlaku kapal-kapal milik Amerika dan Perancis yang mengorbankan lebih daripada 3,000 pelaut yang semua ini menyebabkan berlaku pencemaran secara berleluasa yang menyebabkan sukar untuk kita menanganinya apabila ia berlaku dan memakan kos yang terlalu tinggi seperti mana yang dibuat penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam *bill* yang pertama.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak berkuasa di negara kita yang melibatkan soal alam sekitar iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Marin, Jabatan Laut, TLDM dan PDRM yang diwakilkan menyiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Bermakna kata di sini, soal penguat kuasa ada banyak agensi. Dahulu kita telah bangkitkan pertindihan yang menjaga laut ini di mana terdapat beberapa kementerian yang bertindih dari segi kuasa untuk menjaga keadaan laut sahaja. Ini berlaku di negara kita. Jadi, tidak bolehkah kita membuat satu

koordinasi di antara agensi-agensi yang terlibat di dalam kita menangani semua permasalahan yang berlaku?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Labuan. Selepas Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Ledang, selepas itu Yang Berhormat Kepong dan kalau tidak ada lagi Yang Berhormat Menteri menjawab.

**12.29 tgh.**

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan tentang Akta Perkapalan Sudagar (Pencemaran Minyak) 1994. Tahniah kepada kerajaan kerana dapat membawa perkara ini. Pertama sekali saya akan membahaskan seksyen baru iaitu seksyen 3A – Liabiliti bagi pencemaran minyak *bunker*.

■1230

Seperti mana yang kita ketahui, bahawa minyak bunker ini adalah minyak yang digunakan kapal untuk *propulsion* untuk menjalankan *propulsion* enjin mahupun *lubricating oil* dan juga untuk pembakaran *boiler*. Kalau kita lihat dia termasuk pada *local regulation* dan juga *transfer guide*. Isu *Bio International Chamber of Shipping* (ISC) dan juga *Oil Company International Marine Forum* (OCIMF). Jadi kalau kita lihat kategori bunker Tuan Yang di-Pertua adalah terdiri daripada beberapa kategori minyak yang ada di dunia ini.

Pertama adalah yang *commonly used by* dengan izin, *by bigger vessel* iaitu minyak daripada IFO ataupun yang terdiri daripada *intermediate fuel oil* yang maksimum. *Viscosity*nya adalah 380 *centistokes* dan juga IFO 180 yang mana begitu juga dengan maksimum *viscosity* adalah 180 *centistoke*. Sebahagian daripadanya untuk pembakaran kapal-kapal kecil dan juga untuk generator. Biasanya kita gunakan *marine diesel oil* ataupun *marine gas oil*. Biasanya ini adalah lebih *lighter* daripada minyak yang 380 *centistoke* tadi.

Sebelum saya meneruskan ucapan saya, saya ingin mengalu-alukan rombongan dari Kampung Tengah dan juga Kampung Chopin Kanan, Parlimen Parit yang ada di belakang kita. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat proses bunker ataupun *bunkering process* ini adalah sama dengan *ship to ship transfer*. Iaitu *transfer or petroleum base* atau minyak petroleum berdasarkan kepada kualiti dan kuantitinya produk daripada satu kapal ke satu kapal yang lain.

Tujuannya adalah untuk *replenishment* untuk kegunaan *vessel* menjalankan dia punya *propulsion* dan biasanya dilaksanakan sewaktu kapal tersebut berada di dalam keadaan berlabuh atau *anchor* mahupun di pelabuhan. Biasanya persiapan-persiapan untuk *bunkering* ini adalah terdiri daripada persiapan sebelum kita melaksanakan persiapan bunker untuk mengelakkan daripada *oil pollution* ataupun tumpahan minyak.

Biasanya persiapannya adalah sebelum kita melaksanakan persiapan bunker kita harus menyediakan bom, yang mana bom tersebut haruslah mengelilingi kapal ataupun *bunker vessel*

kepada bunker kepada kapal yang di *supply* tadi. Ini seolah-olah bom ini berbentuk seperti pukut yang mana menutup dari hujung kapal – daripada haluan kapal bunker kepada buritan kapal bunker di mana kawasan kita mengepam minyak tadi adalah terkepung oleh bom tersebut. Itulah salah satu prosedur yang biasanya digunakan sebelum kita melaksanakan *bunkering operation*.

Begitu juga dengan *fendering system* yang ada, yang mana antara kapal ataupun *bunker vessel* dengan kapal yang isi bunker tadi antara dua kapal *fendering system* haruslah cukup baik. Ini kerana untuk mengelakkan pergeseran antara dua kapal tersebut yang menyebabkan kadang-kadang kalau adanya pergeseran yang mengeluarkan *spark* atau api yang menyebabkan kadang-kala boleh menyebabkan satu kebakaran.

Jadi inilah persiapan-persiapan *bunkering*, biasanya sebelum kita melaksanakan *bunkering* banyak prosedur yang harus kita lalui. Okey.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Liabiliti bagi pencemaran minyak bunker, seksyen baru 3A yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Kita melihat hujah-hujah yang diberi dan juga peruntukan yang diberi yang diletakkan di dalam seksyen ini lebih kepada menghukum empunya kapal, pemunya kapal, *owner of the ship*, dengan izin.

Saya minta maaf, mungkin saya terlepas pandang. Akan tetapi kalau saya baca rang undang-undang ini tidak ada satu pertanggungjawaban diletakkan ke bahu – di atas bahu kapten contohnya. Bagaimana pula pandangan Yang Berhormat kalau katalah kapten itu mabuk ataupun mempunyai masalah dengan pemunya kapal dan secara sengaja atau tidak sengaja berlanggar dan tumpahan minyak berlaku, *bunker*.

Apakah orang ini, kapten ini dipertanggungjawabkan seperti mana yang dipertanggungjawabkan kepada pemunya. Kita tahu Yang Berhormat yang empunya kapal ini bukan berada di atas kapal. Mereka berada di bandar, di tanah besar. Jadi bagaimana pula tanggungjawab mereka ini. Kalau Yang Berhormat rasanya ini tidak dapat dijawab mungkin boleh dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat untuk dijawab oleh Menteri. Terima kasih.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih. Seperti mana yang kita sedia maklum berdasarkan undang-undang perkapalan, kapten adalah *commander of the ship*. Jadi apa-apa juga yang berlaku di kapal orang yang pertama yang akan kena tarik ke mahkamah adalah kapten, *captain of the vessel*. Seterusnya barulah kita *refer* kepada *who is the owner of the vessel*. Kadang kala kalau contohnya kita berada di Amerika Syarikat, siapa yang kita mahu tangkap dahulu. Pasti kapten turut bertanggungjawab dalam hal ini.

Walau macam mana pun, mungkin lebih *detail* lagi kita serahkan kepada Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penjelasan apakah tanggungjawab kapten yang sebenarnya. Akan tetapi sepengetahuan saya, yang pernah belayar di kapal – walau macam mana pun apa yang berlaku kapten adalah orang yang pertama yang harus bertanggungjawab kalau ada apa-apa yang berlaku di kapal. Jadi itulah penjelasan saya.

Seterusnya untuk proses *bunkering* tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Duduk dahulu Yang Berhormat. Ini ekoran daripada pertanyaan, pencelahan daripada Yang Berhormat Kota Belud. Saya suka ingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan Menteri juga Peraturan Mesyuarat 21(1)(h);

*“Sesuatunya pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat buah fikiran atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak jawab dalam perkara yang dimisalkan sahaja”.*

Ini sebagai ingatan sahaja. Sila teruskan.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kalau begitu saya cuba masukkan ucapan beliau ke dalam ucapan sayalah, supaya langsung dapat dijawab oleh Menteri. Untuk perkara seterusnya biasanya sistem untuk sebelum kita melaksanakan *bunkering* ini untuk mengelakkan *oil spill* ataupun tumpahan minyak maka banyak hal yang harus kita persiapkan contohnya kita harus mengetahui berapa volum *bunker* yang harus kita perlukan untuk diisi ke minyak kapalnya supaya tidak ada kelebihan ataupun limpahan.

Kadang-kadang kalau kita tidak mengetahui kita main pam sahaja *suddenly over flow* itu adalah salah satu masalah juga dan juga semua persiapan *especially oil this person, liquid* kita harus persiapkan, *fire foam, fire extinguisher, no hot work* ataupun tiada kerja-kerja pemanasan ataupun *welding* di dalam kapal tersebut. Juga kalau kita lihat semua *operation* haruslah ditangani dan juga dikendalikan sekurang-kurangnya satu *certificate officer* ataupun *engineer* yang harus...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** [Bangun]

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Ada sewaktu proses bunker. Jadi itulah kalau kita lihat dalam hal pencemaran *bunkering* ini tidaklah begitu banyak sangat. Kalau kita lihat *especially* di Malaysia, kita bukanlah satu pelabuhan *bunkering* punya hab kalau kita lihat di sini, berlainan dengan di Singapura. Kalau kita lihat di Singapura memang betul dia punya *major business* adalah daripada *supply of bunkering system*. Jadi kalau kita hampir semua kapal yang melalui mahupun yang melalui Selat Melaka yang akan menyinggahi Singapura dia akan *prefer* akan ambil bunker di Singapura kerana:

- (i) lebih efisien;
- (ii) sistem *bunkering* yang ada di sana jauh lebih baik berbanding dengan tempat-tempat lain di rantau ini dan;
- (iii) prosedur yang ada di sana cukup bagus kerana biasanya kalau di *Singapore* itu dia punya sebelum kita menyediakan bunker sekurang-kurangnya sudah persiapan *operation bunker* sebelum dilaksanakan biasanya dia punya *post guard* pun ada melihat dan memerhatikan.

Silakan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab Yang Berhormat daripada Labuan. Maksudnya satu kawasan yang dikelilingi oleh lautlah. Isu yang paling pokok saya hendak tanya adakah Yang Berhormat bersetuju atau tidak kerana Malaysia tidak menjadi ahli ataupun *signatory* kepada *Civil Liability Convention, Fund Convention the Bunkers Convention*. Ini sampai hari ini Malaysia tidak menandatangani apa yang saya sebutkan tadi. Ianya kerana katanya ada alasan bersifat *legal the economy*.

■1240

Kalau kita rujuk kepada senario yang saya sebutkan tadi kita tahu siapakah pihak yang ada *stake* dalam kebersihan laut ini kalau tidak mereka yang mandi-manda, macam-macam industri rekreasi, peminat dan pemerhati burung laut dan macam-macam yang boleh- kalau berlaku pencemaran, mereka ini boleh mendakwa dan negara boleh jadi bankrap. Apakah itu yang menyebabkan Malaysia sampai sekarang masih belum lagi menjadi *signatory* kepada *Civil Liability Convention* yang saya sebutkan tadi. Ini kerana pengalaman yang pernah dilalui oleh kes *Exxon Valdez* telah menjadi asas kepada tuntutan *legitimate user of the sea* di USA suatu ketika dahulu yang hampir meranapkan minyak *Exxon* walaupun ia tidak termasuk dalam kumpulan *7 Sisters*, 7 syarikat minyak dunia, itu pernah berlaku.

Akan tetapi pada pandangan saya, kalau kita sayang kepada laut, kepada alam sekitar, at *whatever cost* sepatutnya Malaysia menandatangani konvensyen ini kerana ini membuatkan Malaysia dan semua pihak akan lebih berhati-hati. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas, itu satu pandangan yang baik sebenarnya kalau kita lihat kerana kita juga adalah pusat maritim yang agak terkenal di rantau ini. Seharusnya kita mengikutinya ataupun menjadi *members of the Bunkers Convention* ini. Kalau kita mahu menjadikan *bunkering business* ini menjadi satu perniagaan yang baik dan sekali gus dalam hal ini kita juga harus melindungi negara dan rakyat kita. Jadi, oleh itu saya setuju dengan Yang Berhormat dan dalam hal ini masukkan usul Yang Berhormat dalam ucapan saya.

Jadi, sekali Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita lihat tentang *bunkering procedure* tadi, kalau kita lihat di Singapura. Ini bukan kita bilang Singapura lebih baik tetapi tidak salahnya kalau kita mencontohi dalam sistem maritim yang lebih maju. Sebenarnya untuk sistem *bunkering* yang cukup baik dan cukup bagus dan telah pun diiktiraf di dunia. Di mana-mana kapal kalau dia melalui kawasan Selat Melaka dan juga Laut China Selatan, kalau ada ruang mereka ambil *bunker* ataupun mengisi *bunker* di Singapura. Dia akan buat di Singapura kerana *efficiency* yang dilakukan oleh *bunker* di Singapura. Itu satu contoh yang sebaiknya harus kita ikuti dan Singapura juga adalah salah sebuah negara yang termasuk dalam *Bunker Convention members*.

Di samping itu, tentang hal *bunker fuel* ini sebenarnya kita tidak terlalu risau kerana setiap *operation bunker* yang ada di pelabuhan cukup berhati-hati. Apa yang kita risaukan tentang pertumpahan minyak ini adalah kapal-kapal yang lalu-lalang dan juga mereka yang

membuat pembersihan-pembersihan tangki yang berlabuh di perairan Johor dan juga perairan Labuan. Ini kerana dengan adanya *tank cleaning* yang ada dilaksanakan, kadang-kadang mereka tidak mengikut prosedur-prosedur yang ditentukan. Seharusnya setiap kali pembuatan *tank cleaning*, mereka harus menyediakan satu *slop tank* supaya campuran *chemicals* ataupun proses *tank cleaning* tadi, *whatever liquid* yang ada di dalam dia harus *transfer* kepada *slop tank* ataupun *the other tank* supaya perkara ini akan dapat kita pindahkan kepada sebuah bas yang lain untuk dipupuskan. Di mana dia pupuskan itu biasanya ada satu-satu negara ataupun satu-satu kawasan yang boleh melupuskan peringkat-perkara tersebut.

Jadi, oleh sebab inilah pencemaran minyak yang harus diperhatikan di pelabuhan. Kerana kebanyakannya proses ataupun pembuatan *tank cleaning* tadi atau pembersihan tangki dilaksanakan di tempat kapal-kapal berlabuh ataupun yang popular di Johor dan di Labuan adalah kawasan *let up tanker* yang paling murah. Jadi, ini kita kena berhati-hati disebabkan keadaan ini yang menjadikan pencemaran sehingga kadang-kadang kita mengalami masalah 'red tide' kalau di Labuan itu, adanya pencemaran minyak sehingga ikan yang berada di sekitar itu kalau kita makan membuatkan kita keracunan makanan. Ini salah satu daripada masalah daripada perikanan.

Yang kedua, kalau kita tengok mengenai Selat Melaka. Seperti mana kawan-kawan ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain tadi menyatakan bahawa Selat Melaka adalah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam adalah selat yang paling sibuk di dunia. Akan tetapi apa yang berlaku, kapal-kapal yang melalui Selat Melaka kalau kita lihat bermula daripada *coastal tanker*, di bawah daripada 500 tan ke bawah hinggalah kepada *general purposes tanker* 10,000 hingga ke 24,900 ke atas dan juga *medium size range of tanker* daripada 25,000 hingga ke 44,900 ke atas.

*Large range of tanker* 45,000 ke 79,999. Ada *range* dia. *Large range tanker* kedua iaitu 80,000 ke 159,000 tan metrik atau *deadweight* dan yang terbesar adalah daripada *very large crude carrier (VLCC)* yang mana 160,000 tan metrik kepada 319,000 tan metrik. Yang terbesar sekarang di dunia adalah kapal yang bersaiz 500,000 ke 600,000 DWT (*deadweight tonne*) yang mana kapal ini adalah yang membawa minyak ke seluruh dunia.

Di mana kalau kita lihat 90% daripada minyak di dunia ini adalah dibawa oleh kapal-kapal yang besar tersebut. Kapal ini juga sering memasuki Selat Melaka walaupun jenis kapal yang ada yang besar ini telah pun dibuat dengan sistem ataupun *design* terbaru iaitu *double hull* ataupun *double skin vessel*. Akan tetapi dalam hal pencemaran ini kalaulah pelanggaran berlaku, ia juga akan menumpahkan minyak yang begitu banyak. Akan tetapi kalau kita lihat di Selat Melaka...

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Labuan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya. Akan tetapi saya mohon kalau boleh Yang Berhormat Labuan bertanya kepada pihak kementerian iaitu oleh sebab kita tahu Selat Melaka ini merupakan selat yang paling sibuk di dunia di negara kita ini. Beberapa kejadian yang pernah

berlaku dari segi pelanggaran dan sebagainya yang melibatkan tumpahan minyak ini. Adakah pihak kementerian memikirkan sesuatu, bagaimana dari segi kapal-kapal yang akan melalui Selat Melaka ini dinilai dari segi muatan *tonnage* yang dibawa, dari segi minyak ataupun apa yang mereka bawa itu dikenal pasti untuk disiasat oleh pihak kementerian ataupun jawatankuasa yang terlibat dalam mengawal persekitaran Selat Melaka ini supaya dari segi hal laluan itu dapat dikawal pada satu-satu masa tertentu untuk mengurangkan kadar kesibukan Selat Melaka.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Silam. Saya juga bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Silam. Kalau kita lihat seperti mana yang dinyatakan semalam, Selat Melaka adalah selat yang tersibuk di dunia seperti mana yang dinyatakan tadi sampailah ke 600,000 tan metrik, kapal *deadweight tonne metric*, kapal melalui Selat Melaka. Di mana kebanyakan kapal besar ini menghala ke Singapura, kalau kita lihat di Singapura adalah tempat pusat-pusat penampungan minyak yang terbesar dirantau ini. Contohnya, di Pulau Bukom dan juga beberapa pulau yang lain. Jadi, *benefit* yang diperolehi adalah negara Singapura.

Jadi, apa yang saya sarankan seperti mana yang dinyatakan tadi bahawa kalaulah boleh biarlah keempat-empat negara contohnya, seperti Malaysia, Indonesia, dan juga Thailand, sebahagian daripada Thailand dan juga sebahagian daripada Singapura. Setiap kapal yang melalui Selat Melaka seharusnya, sebaiknya harus di *escort* oleh sebuah *escort vessel*. Contohnya, *escort vessel* tersebut yang mempunyai peralatan, peralatan *oil boom* yang mana yang saya nyatakan tadi ia boleh mengelilingi sebuah kapal sekiranya ada pelanggaran ataupun tumpahan minyak. *Immediately* kita boleh kepong minyak yang tumpah tadi supaya benda ini tidak tercemar dan tidak meluas, tidak merebak ke mana-mana. Jadi, oleh itu *escort vessel* ini harus dipersetujui oleh empat buah negara tersebut. Mungkin *investment* untuk satu buah *escort vessel* memakan belanja RM20 juta hingga RM30 juta, kemungkinan disebabkan oleh *equipment* yang cukup canggih.

#### ■1240

Akan tetapi *benefit* nya ialah pada keempat-empat negara tersebut. Biarlah keempat-empat negara ini berkongsi membuat *vessel* tersebut. Mungkin tiga atau empat *vessel* untuk membolehkan mana-mana kapal yang muatannya, contohnya mungkin 50,000 tan ke atas ataupun 25,000 tan ke atas, sesuai dengan kapasiti kapal yang ada. Harus diikuti oleh sebuah *escort vessel* supaya keselamatan dan juga mengelakkan kalau ada apa-apa pelanggaran, minyak yang tumpah tadi akan dapat kita kepong secepatnya daripada kita biarkan sampai dua hari atau tiga hari. Kalau angin kuat, arus kuat, dalam tempoh 24 jam, hampir semua Selat Melaka dari Indonesia ke Melaka contohnya, akan ditutupi oleh minyak. Kalaulah, ditakdirkan kapal yang 600,000 tan tadi masuk ke Selat Melaka dan tiba-tiba ada tumpahan minyak ataupun berlaku pelanggaran, istilah orang Sabah, '*Palislah. Janganlah sampai berlaku*'.

Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, ini adalah cuma saranan. Jadi, kita melihat kementerian yang ada pada hari ini supaya dapat bergabung dan berbincang dengan negara-

negara yang terlibat supaya perkara ini jangan sampai berlaku. Mungkin yang berlaku akibat yang besar adalah antara Indonesia dan Malaysia. Akan tetapi apa halnya pula dengan Singapura yang di hujung sana dan juga Thailand di hujung sini, biasanya yang hujung ini tidak mendapat kesan yang nampak...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Ketaralah, berbanding sama kawasan tengah seperti buah durian juga. Kadang-kadang kalau buah hujung itu kurang bagus. Jadi, yang di tengah ini kita harus fikirkan. Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat Labuan, kalau kapal-kapal besar yang di *very large crude container* (VLCC) apa semua ini, yang 600,000 tan metrik *weight* ini. Kalau mereka hanya mahu menuju ke Singapura, apakah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat ini ialah untuk menidakkan mereka ini melalui Selat Melaka. Akan tetapi, kalau *approaching* Singapura mungkin daripada selat – saya pun tidak tahu apa nama selat di antara pulau Sumatera dan pulau Jawa ini, mungkin boleh menggunakan laluan itu dan tidak melalui Selat Melaka yang begitu sempit kalau untuk 600,000 *tankage* kapal ini. Mungkin itu cadangan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Kebiasaannya, mereka lebih suka melalui kawasan-kawasan yang singkat kerana kadang-kadang kalau dengan berputar, berpusing daripada belakang Sumatera dan masuk antara Selat Sunda di kepulauan Jawa itu agak jauh perjalanannya. Begitu juga mengapakah kita gunakan *Suez Canal* dan juga *Panama Canal*. Ini yang membuatkan kita mengelakkan kapal itu berjalan jauh dan untuk *save their punya cost* nya.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Labuan. Setuju kah oleh sebab Melaka sebenarnya ia banyak mendatangkan keuntungan kepada negara kita. Akan tetapi, pada masa yang sama, kita hendak memikirkan untuk masa akan datang itu supaya keadaan ini boleh menguntungkan perairan negara kita sendiri terutamanya daripada segi rang undang-undang yang akan diperkenalkan. Suatu aktiviti ekonomi yang *spillover* nya itu sepanjang masa dan berterusan. Kita kawallah daripada segi penggunaannya dan kita *divert* ataupun perlu caj tertentu. *Gate* besar kah. Kalau untuk *future planning*, mungkin boleh bertanya kepada kementerian tentang perkara ini.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Silam. Sebenarnya Selat Melaka walaupun perairan itu antara Indonesia dan Malaysia tetapi *in between*, di tengah-tengah Selat Melaka itu, ia adalah *international water*. Ini kerana kalau kita melalui *international water*, kita perlu fikirkan ini bergantung pada, termaktub pada *International Maritime Organization* (IMO). Ia perlu sebelum kita buat sesuatu tol ataupun cadangan, kita harus keempat-empat negara ini harus bergabung dan memajukan kepada IMO. Kalau sekiranya *international* sudah dipersetujui, biasanya barulah dapat kita *implement* kan. Kalau tidak salah, mungkin dalam hal ini Menteri lebih arif lagi untuk menjelaskan. Jadi, ini cuma pandangan dan pengetahuan sahajalah.

Oleh itu, kalau kita lihat tadi supaya ada *escort vessel* dapat gabungan oleh keempat-empat negara. *Whatever income* daripada *escort vessel* tadi, adalah diberikan kepada empat negara, bergantung *ratio*, berapa dia punya *investment*. Ini kerana ia lebih berisiko tinggi adalah antara Malaysia dan Indonesia berbanding dengan Singapura dan juga Thailand. Thailand cuma di hujung. Itu pun tidak banyak. Jadi, dengan hal itu, kalau kita lihat masalah-masalah pencemaran minyak ini agak berisiko tinggi berbanding dengan hal-hal yang di tempat lain.

Oleh itu, kalau kita lihat, saya juga turut menyokong dalam seksyen baru 11A tadi iaitu insurans wajib terhadap liabiliti dan juga pencemaran minyak bunker. Jadi, kalau boleh insurans ini sepertimana yang dinyatakan tadi itu, bukan sahaja kapal-kapal di atas 1,000 tan. Ini kerana sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi, kapal-kapal kecil ini juga mempunyai risiko yang ada kerana mereka ini sering - kapal-kapal ini tidak akan lalu laut-laut yang dalam. Ia akan lalu di pesisir pantai ataupun biasanya kebanyakan kapal-kapal di bawah 1,000 tan ini, ia punya *limit* adalah *near coastal* ataupun dahulunya... *limit*, yang mana termasuk Indonesia, Malaysia, Singapura, sebahagian daripada Thailand dan juga Vietnam, itulah kawasan *small vessel*.

Jadi, mereka ini adalah juga berisiko tinggi kepada kita dan seharusnya kapal-kapal kecil ini diberi dan diwajibkan, *compulsory* untuk mendapat insurans. Mungkin *ratio* insurans kerana risikonya juga kecil. Jadi, *ratio* insurans juga bergantung bagaimanalah, ia punya *percentage*. Jadi, saya harapkan kepada kementerian juga harus memasukkan, walaupun mungkin kali ini tidak dapat kita ubah. Mungkin yang akan datang harus diperhatikan isu-isu ini, harus mempunyai insurans mengenai tumpahan minyak dan liabiliti ini. Ya, Yang Berhormat Kota Belud, *last* lah.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu sahaja yang begitu penting. Yang Berhormat Labuan tadi ada mengatakan bahawa di Singapura, *ship to ship transfer, bunker oil* ini adalah satu industri atau *business* yang agak besar. Mungkin Yang Berhormat Labuan tahu bahawa kerajaan kita pun terutamanya kementerian telah pun meluluskan beberapa lesen untuk digunakan oleh usahawan-usahawan ataupun industri-industri *ship to ship transfer* (STS) ini, di Tanjung Pelepas dan di Johor Port.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Labuan, yakin kah Yang Berhormat Labuan terhadap kemampuan kementerian contohnya untuk memantau perpindahan minyak tadi itu, *transfer ship to ship* tadi di kawasan ini? Insurans itu satu hal. Itu adalah satu orang kata apabila perkara itu berlaku, maka insurans itu *keep in*. Objektifnya, apabila berlaku tumpahan, sekarang ini kita memikirkan tentang bagaimana untuk memastikan bahawa tumpahan tidak berlaku. Jadi, apakah Yang Berhormat pasti dan yakin bahawa kementerian ini mampu untuk memantau *ship to ship transfer, bunker oil* di kawasan Tanjung Pelepas dan Johor Port ini? Terima kasih.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Saya begitu yakin dan percaya kerana kalau kita melihat melalui kementerian, kementerian adalah

badan yang mencadangkan dan juga yang memantau adalah jabatan-jabatan yang berada di bawah kementerian; Jabatan Laut dan juga kemungkinan yang akan datang kita boleh gunakan APMM. Ini kerana kalau kita di tempat lain, APMM ini sebagai *coastguard*, bukan hanya untuk menjaga pendatang asing tetapi juga perkara-perkara yang seperti inilah, persiapan ataupun pemantauan kalau adanya proses *ship to ship transfer* ataupun *bunkering activity*.

Di Malaysia bukan baru perkara ini. Di Malaysia juga – di Port Klang, Penang Port, Johor Port dan juga Tanjung Pelepas yang terbaru, walaupun di Kuching Port, Sabah Port dan juga di Labuan, ada sedikit. Proses *bunkering* ini memang sudah wujud tetapi kita tidak sepopular di Singapura. Itu sahaja kerana *port* kita ini kadang-kadang ada yang di utara, ada yang di selatan. Manakala di Singapura, ia *centralized* dan juga kebanyakan pelabuhan di Singapura itu kalau kita lihat, adalah memang pusat untuk pertukaran barang.

Jadi, itulah perbezaannya tetapi dalam hal pemantauan, itulah mungkin sebabnya di Singapura lebih efisien daripada kita. Akan tetapi, walau bagaimanapun, perkembangan perusahaan-perusahaan *bunker* tadi, cukup baik di Malaysia kerana mereka juga tidak ada satu tumpahan-tumpahan yang serius selama ini di dalam sistem *ship to ship transfer* ataupun *bunkering process* ini di Malaysia. Begitu juga di Singapura. Jadi, dalam hal tumpahan minyak *bunker* ini, di pelabuhan *during the ship to ship transfer* tidak lah begitu menakutkan kepada kita. Cuma masalah yang saya nyatakan tadi adalah tumpahan minyak yang kadang-kadang disengajakan, sewaktu pembersihan tangki dibuang dalam perjalanan dan juga *sludge* yang ada itu tidak ditapis dengan baik.

Biasanya kalau dengan proses yang mudah, moden, biasanya *sludge* yang ada di kapal tadi, boleh kita proses dengan penapisan melalui *purifier* dan juga *separator in between* minyak dan air. Air yang bersih dan kita *test*, baru kita pam ke laut. Akan tetapi kadang-kadang, ada juga krew kapal belum bersih betul-betul pun dia sudah pam ke laut. Ini masalahnya, masalah *attitude*.

Jadi, oleh itu saya mengharapkan apa jua yang berlaku di Malaysia haruslah kita pantau dengan baik.

Diharapkan kementerian dapat memberikan cadangan-cadangan dalam hal ini sepertimana saya nyatakan tadi, kapal yang di bawah 1,000 tan itu harus kita fikir-fikirkan. Jangan sahaja kapal yang 1,000 tan ke atas. Biasanya kalau untuk kapal *tanker* yang 5,000 tan ke atas, kita tidak terlalu khuatir kerana ia sudah mempunyai *double skin vessel* ataupun *double hull tanker* yang mana perkara ini telah pun dikuatkuasakan. Kecuali yang 5,000 tan ke bawah memandangkan masih banyak pemilik-pemilik kapal yang baru sahaja membuat kapal sebelum undang-undang diluluskan.

Jadi, mereka minta ruang supaya dipanjangkan ke tahun – kalau tidak salah 2015 ataupun mungkin Menteri lebih arif akan hal itu. Itulah sebab-sebabnya dan selepas itu daripada kapal kecil, *tanker* kecil sampai yang besar akan melaksanakan *double skin* ataupun *double hull tanker* tadi. Jadi, oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini dan mengharapkan kementerian akan dapat melihat suara-suara daripada Yang Berhormat yang lain

dan juga termasuk saranan-saranan yang saya sarankan akan dapat dipertimbangkan dalam hal perundangan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Ledang, bersedia untuk berhujah pada jam 2.30 petang nanti. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Ledang, selepas itu Yang Berhormat Kepong, selepas itu kalau boleh saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**2.32 ptg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Sebelum itu saya hendak mengucapkan selamat datang kepada guru-guru dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Ahmad, Pekan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini saya memahami lebih tertumpu pada pengawalan tentang pencemaran minyak oleh kapal-kapal saudagar. Mungkin tafsiran kepada kapal saudagar ini perlu juga diperjelaskan supaya kita dapat lebih memahami apakah erti yang sebenar kapal saudagar ini. Kalau mengikut rang undang-undang ini yang perlu hendak diinsuranskan, yang hendak diperundangan ialah yang melebihi 1,000 tan. Mungkin ada perlu penjelasan dari segi jenis-jenis kapal dan sebagainya, adakah termasuk feri besar ataupun *cruise* yang mengangkut penumpang dari satu tempat ke satu tempat. Misalnya dulu kita ada daripada Sabah, Sarawak sampai ke Semenanjung, mereka pun menggunakan minyak juga. Kemungkinan minyak akan tumpah, adakah itu termasuk?

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya juga setakat ini saya hendak bertanya kepada pihak kementerian. Sejak akhir-akhir ini dalam tempoh 10 tahun, sebenarnya berapa banyak kes minyak tumpah ini? Kalau yang melibatkan kos kerajaan kerana mungkin ada pemunya kapal-kapal saudagar yang cuai ini telah menumpahkan minyak. Sekiranya mereka tidak bertanggungjawab untuk menampung kos pembersihan, berapakah kos yang kita sudah terlibat sekian lama? Mungkin dalam tempoh 10 tahun yang lalu, berapa banyak kejadian yang pertamanya yang melibatkan kes minyak tumpah dan sebagainya yang datangnya daripada kapal-kapal saudagar ini. Kedua, berapakah kos yang terlibat kalau ada rekod?

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Silakan, sekejap.

**Datuk Wira Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kawasan saya Tuan Yang

di-Pertua adalah kawasan yang selalu terlibat dengan tumpahan minyak yang telah menyebabkan banyak kehilangan dan kerugian kepada nelayan-nelayan dan juga perkakasan nelayan. Jadi setakat ini tidak ada bentuk pampasan yang diberikan kepada mereka yang terlibat secara langsung. Tadi Yang Berhormat Labuan ada menyebutkan, dicadangkan kalau boleh ada bot penunda ataupun bot yang akan mengawal mana-mana kapal, itu kapal-kapal tangki. Akan tetapi kapal-kapal biasa yang *discharge*, minyak-minyak *bunkers* ke laut yang telah menyebabkan pencemaran. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ledang, adakah bersetuju kalau boleh diadakan suatu pemantauan dan juga penguatkuasaan serta satu tabung untuk memberikan pampasan kepada nelayan-nelayan yang mengalami banyak kerugian hasil daripada tumpahan minyak ini.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat Ledang, boleh saya sambung?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Jempol, sila.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Ledang. Pindaan yang kita bawa pada hari ini adakah meliputi juga penguatkuasaan undang-undang berkaitan untuk menghalang terus kapal-kapal ini daripada masuk ke kawasan perairan yang melibatkan kawasan pelancongan. Port Dickson adalah merupakan destinasi pelancongan tetapi kadangkala ada kapal-kapal yang tidak perlu duduk dan hampir dengan pantai menyebabkan tumpahan ini telah pun mencemarkan kualiti air yang berada di kawasan pelancongan tersebut.

Jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat Ledang adakah pindaan ini juga dapat memberikan satu peraturan yang khusus bagi menghalang terus kapal-kapal yang tidak berkenaan tersebut daripada memasuki ruang ataupun kawasan zon pelancongan seperti pantai Port Dickson.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan terima kasih Yang Berhormat Jempol. Menjawab pertanyaan atau celahan daripada Yang Berhormat Jasin tadi, saya memang setuju kalaulah peruntukan rang undang-undang ini boleh mengarah kepada pembentukan satu tabung untuk membayar pampasan kepada nelayan-nelayan yang terjejas daripada minyak-minyak kapal yang tumpah ini dan sebagainya. Kemudian, menjawab celahan daripada Yang Berhormat Jempol, saya dah menyemak rang undang-undang ini, nampaknya ia tidak mengarah ke situ tetapi saya yakin dan saya juga ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak kementerian melihat perkara dan mungkin boleh dimasukkan dalam peraturan-peraturan yang tertentu.

Tentang penguatkuasaan Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Setakat ini adakah misalnya Jabatan Laut sudah bersedia dengan pasukan penguat kuasa atau adakah selama ini kita bergantung penuh kepada pihak APMM. Ini melibatkan tumpahan minyak sedangkan yang APMM lebih kepada soal keselamatan, sempadan dan sebagainya, mungkin termasuk alam sekitar. Adakah sudah ada *team* ataupun selama ini memang bergabung dengan pihak APMM dan lain-lain dan selepas ini bagaimana? Selepas

rang undang-undang ini diluluskan, adakah kaedah yang sama atau ada cara lain yang perlu penjelasan daripada pihak kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya membaca di sini fasal 57 iaitu dengan memasukkan selepas takrif pemunya, pemunya berdaftar. Apabila saya baca di sini Tuan Yang di-Pertua, disebut di sini pemunya berdaftar ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya kapal atau sekiranya tiada pendaftaran.

■ 1440

Jadi saya terfikir, Tuan Yang di-Pertua, mungkin selama ini banyak kapal yang tidak didaftarkan. Adakah pemahaman saya ini betul? Jika pemahaman saya ini betul, adakah kementerian selepas ini bercadang untuk menguatkuasakan semua kapal saudagar ini didaftarkan. Ini kerana yang saya faham, kalau bercakap soal botlah, bot nelayan pun didaftarkan. Ada siri *number* dan sebagainya. Akan tetapi ini soal kapal saudagar ini. Kalau ikut dalam ini, macam ada yang tidak berdaftar. Jadi itu satu perkara Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin penjelasan daripada pihak kementerian.

Seterusnya tentang liabiliti bagi pencemaran minyak *bunker* ini. Kalau saya merujuk Tuan Yang di-Pertua, tentang mengguna pakai rejim pampasan di bawah konvensyen antarabangsa, LLSGS 1957 dan sekali gus dengan LLMC 1996. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua, selepas ini kapal bersaiz 75,000 tan *gross* ini, *registered tonnage* akan mempunyai had liabiliti sehingga 124 juta berbanding yang sedia ada cuma 15 juta. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini satu angka yang besar. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian adakah pihak penjamin kita, insurans dan sebagainya sudah bersedia untuk menjamin kos ataupun untuk menanggung liabiliti yang besar ini sekiranya berlaku kemalangan yang menyebabkan penumpahan minyak dan lain-lain tuntutan, Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang juga saya fikir yang mungkin ada dalam kefahaman ataupun jawapan pihak kementerian nanti.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian bukan setakat rang undang-undang ini berjaya dibentangkan untuk menjaga alam sekitar terutamanya di laut, tetapi juga saya baca di sini iaitu perkara 11(4) ini. Perakuan yang dikeluarkan di bawah perenggan 3(a) dan 3(c) oleh pengarah laut hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan hendaklah mengandungi terjemahan dalam bahasa Inggeris. Ini saya puji, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun dia melibatkan antarabangsa, walaupun banyak dipakai di dalam negara kita tetapi ada khusus di situ. Ini patut dipuji. Saya hendak menzahirkan, hendak merakamkan rasa senang hati saya dan merakamkan rasa penghargaan serta tahniah kepada pihak kementerian kerana meletakkan bahasa kebangsaan, bahasa Malaysia sebagai keutamaan sebelum penggunaan bahasa Inggeris dan bahasa Inggeris itu sebagai terjemahan sahaja.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kepong, tidak ada. Dalam fikiran saya tadi, Yang Berhormat Sri Gading, selepas Yang Berhormat Kepong, Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Memandangkan...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Memandangkan Yang Berhormat Kepong saya rasa dia melilau, tidak apalah. Diganti Yang Berhormat Sri Gading. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, ya.

**2.43 ptg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya bangun untuk menyokong. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak banyak songehlah Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya apa yang sedang hendak kita luluskan ini sesuatu yang baik untuk negara kita. Kadangkala mereka ini songehnya lebih, Tuan Yang di-Pertua, isinya pun tidak ada.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Tidak perlu bahas.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Negara kita adalah laluan kapal seluruh dunia, Tuan Yang di-Pertua lebih-lebih lagi di Selat Melaka. Selepas itu ke Laut China Selatan. Kapal yang lalu lalang di Selat Melaka dan Laut China Selatan yang mengelilingi Semenanjung Malaysia...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini butiran mana, ini?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Astaghfirullah halazim.* Ini tidak ada butiran, Yang Berhormat Kinabatangan. Ini pun satu juga, Tuan Yang di-Pertua. Antaranya kapal-kapal kargo yang mengotorkan pantai kita, laut kita. Ini undang-undang untuk melengkapkan undang-undang 1994, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang Berhormat Timbalan Menteri..

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Saya dengar, saya dengar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Astaghfirullah halazim.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dia akan masukkan dalam ucapan apabila menjawab.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, benda-benda ini untuk melengkapkan yang sedia ada kerana pengalaman-pengalaman kita. Kadangkala peraih kita, pantai kita seolah-olah Tuan Yang di-Pertua, negara kita seolah-olah dibuli oleh tuan-tuan punya kapal yang sengaja mencemarkan laut dan pantai kita dengan ceciran-ceciran minyak. Inilah fasal 1 sampai fasal 24, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sokong. Kalau ada kelemahan-kelemahan seperti mana yang dibangkitkan oleh sesetengah parti pembangkang kononnya dia lebih pandai daripada kementerian. Kita betulkan dari semasa ke semasa.

Parlimen ini sedia dan terbuka untuk meminda, menambah dan memperbaiki apa-apa sahaja undang-undang kita. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini menguatkan hujah. Apa

yang dibawa oleh kementerian, saya sokong 100% dan jangan banyak songehlah, Tuan Yang di-Pertua. Jawatankuasa nanti, kita luluskan sebulat suara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Kinabatangan. Di mana Yang Berhormat Sri Gading makan tadi tengah hari? *[Ketawa]* Nampak cukup bersemangat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya tengok dia makan tebuannya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau bersedia.

**2.46 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2010. Seperti mana yang telah kita jelaskan bahawa pindaan ini adalah penting bagi membolehkan kita bukan sahaja meratifikasikan, tetapi melaksanakan Konvensyen *Bunkers 2001* iaitu merupakan satu konvensyen yang telah diwujudkan melalui *International Maritime Organization (IMO)*, di mana kita adalah merupakan salah satu daripada anggota dan juga merupakan Ahli Majlis IMO.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam pindaan ini, tujuan pindaan ini adalah untuk mewujudkan satu – adalah bertujuan untuk mewujudkan satu peruntukan iaitu bahawa sekiranya berlaku pencemaran minyak *bunker*, iaitu minyak mineral hidro karbon yang juga termasuk minyak pelincir yang digunakan atau bertujuan untuk digunakan bagi operasi atau menggerakkan kapal dan mana-mana sisa minyak berkenaan. Minyak *bunker* ini adalah merupakan satu minyak yang digunakan bagi menggerakkan kapal-kapal di mana di dalam peruntukan perundangan sebelum ini, minyak kargo adalah merupakan minyak yang terpakai di dalam perundangan sebelum ini dan kita tidak ada peruntukan bagi minyak *bunker*.

Sebab itu dalam pindaan ini, sesuai dengan keperluan kita untuk melaksanakan Konvensyen *Bunkers 2001* ini, maka kita harus melaksanakannya di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang sempat, yang akan saya jawab iaitu khususnya Yang Berhormat Jasin. Yang Berhormat Jasin ada membangkitkan beberapa isu berkaitan dengannya iaitu misalnya beliau menanyakan, adakah menggunakan bakteria yang berfungsi untuk memakan tumpahan minyak. Untuk makluman Yang Berhormat, memang ada sejenis bakteria ataupun dipanggil '*dispersions*' *bacteria* yang masih di peringkat *research*. Akan tetapi di Malaysia kita masih menggunakan '*dispersions*' kimia ini dan kimia yang masih lagi belum dilaksanakan. Ia masih di peringkat kajian, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Jasin juga ada membangkitkan penguatkuasaan pengairan supaya tindakan pencemaran dapat dipertingkatkan. Memang untuk makluman Yang Berhormat, kita mengambil maklum terhadap pandangan Yang Berhormat tersebut dan juga saya ingin

menyatakan di sini bahawa kes-kes pencemaran yang berlaku di dalam negara kita setakat ini, yang berlaku di Malaysia pada tahun 2009, tumpahan minyak *bunker* sebanyak dua, tahun 2010 sebanyak satu dan tahun 2011 belum ada tumpahan minyak lagi. Satu kes tumpahan minyak yang terbesar ialah berlaku melibatkan MT Bunga Kelana Tiga yang telah menyebabkan tuntutan sebanyak RM7.7 juta, iaitu satu kes tumpahan minyak yang berlaku di Selat Johor iaitu Pengerang, Kota Tinggi yang telah berlaku pada 25 Mei 2010.

Yang Berhormat Ledang juga ada membangkitkan berkaitan dengan apakah definisi “kapal saudagar” termasuk kapal feri besar. Untuk makluman Yang Berhormat, kapal saudagar turut merangkumi kapal-kapal feri yang besar atau kapal-kapal feri besar atau yang kecil.

#### ■1450

Yang Berhormat Arau ada membangkitkan berkenaan dengan isu adakah program yang disertai oleh negara-negara lain di dalam menyumbang pembangunan pencemaran di Selat Melaka. Memang negara-negara parti bekerjasama dengan negara-negara lain dalam mekanisme *cooperation mechanism* yang telah diwujudkan semenjak tahun 2007.

Yang Berhormat Arau juga ada membangkitkan berkenaan dengan koordinasi kerajaan dan syarikat minyak untuk mengatasi tumpahan minyak. Agensi kerajaan untuk bertindak adalah Jabatan Laut dan syarikat-syarikat swasta turut memberi kerjasama secara terkoordinasi dalam melawan tumpahan minyak dan ini termasuk pihak industri petroleum melalui *Petroleum Industry of Malaysia Mutual Aid Group (PIMMAG)*.

Yang Berhormat Arau membangkitkan berkenaan dengan sama ada *Scheme Traffic Separation System* telah dilaksanakan di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya skim *Traffic Separation System* memang telah pun lama diwujudkan di Selat Melaka dan di Singapura iaitu pada tahun 1998 dan turut dilaksanakan ialah *Mandatory Ship Reporting System* pada tahun yang sama.

Yang Berhormat Ledang ada membangkitkan berkaitan apakah had liabiliti yang baru di bawah rejim LLMC 1996 boleh ditanggung oleh syarikat insurans Malaysia. Industri insurans perkapalan, *protection and indemnity* antarabangsa sememangnya bersedia untuk menyediakan insurans mengikut rejim LLMC 1996, malah ini telah pun disediakan dengan meluas termasuk bagi kapal-kapal Malaysia.

Yang Berhormat Ledang juga ada membangkitkan adakah Jabatan Laut bersedia dengan pasukan penguatkuasaan untuk menguatkuasakan undang-undang ini selepas diluluskan. Tindakan penguatkuasaan dan pematuhan dilaksanakan oleh APMM tetapi Jabatan Laut juga berperanan memastikan bahawa kapal-kapal mematuhi peraturan Malaysia melalui rejim *Port State Control*.

Yang Berhormat Ledang juga ada membangkitkan adakah terdapat kapal-kapal dagang yang tidak berdaftar. Memang terdapat kapa-kapal dagang yang tidak berdaftar dan kebanyakannya adalah kapal-kapal kecil dan persendirian. Semua kapal dagang yang besar lazimnya adalah berdaftar untuk membolehkan ianya berdagang di peringkat antarabangsa.

Yang Berhormat Ledang juga ada membangkitkan apakah rang undang-undang ini termasuk menghalang kapal-kapal dagang masuk ke kawasan pelancongan...

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Penjelasan sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Tentang pendaftaran tadi saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menguatkuasakan pendaftaran kapa-kapal saudagar? Itu yang paling penting sekali. Yang mendaftar itu satu bab, tetapi yang belum mendaftar itu. Ini kerana kalau tidak mendaftar, mungkin pada satu masa nanti kita susah hendak kawal dan sebagainya.

Kedua, pada masa yang sama – saya lupa sebutkan tadi – adakah pihak kementerian akan mewajibkan supaya semua kapal saudagar yang mendaftar ini dan perlu didaftarkan mempunyai GPS masing-masing supaya boleh diperiksa daripada satelit jika ada berlaku tumpahan minyak dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]:** Yang Berhormat, boleh sambung sedikit Yang Berhormat? Saya tengok Port Dickson ini kawasan pelancongan yang sangat cantik, menjadi tumpuan rakyat, tetapi tidak adakah satu undang-undang ataupun peraturan yang boleh mengawal kapal-kapal yang tidak penting ini supaya jangan dekat di kawasan pelancongan macam di Port Dickson ini? Tumpahan daripada minyak ini telah pun mengotorkan pantai Port Dickson yang sangat indah. Ada tidak dalam peraturan yang kita gubal ini?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab Yang Berhormat Jempol tadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa sememangnya APMM adalah agensi yang bertanggungjawab untuk menguatkuasakan perkara ini. Dalam pindaan ini sebenarnya ianya adalah merupakan berkaitan dengan pencemaran minyak bunker dan keperluan untuk syarikat-syarikat ataupun syarikat perkapalan mendapatkan insurans bagi tumpahan minyak bunker ini. Akan tetapi saya ingin menyatakan di sini bawah kesemua kes penguatkuasaan adalah merupakan bidang tanggungjawab APMM.

Yang Berhormat Ledang ada juga menyatakan tadi – sebenarnya semua kapal di Malaysia adalah wajib untuk didaftarkan khususnya kapal-kapal dagang di mana ianya didaftarkan oleh Jabatan Laut dan mereka haruslah dilesenkan. Kita tidak tahu mungkin ada kapal-kapal nelayan yang tidak didaftar di bawah Jabatan Perikanan dan itu bukan di bawah bidang kuasa akta ini.

Yang Berhormat Labuan ada membangkitkan tentang cadangan supaya kapal tangki di eskot oleh kapal-kapal pembersihan dan dibuat secara bersama. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya pihak IMO dan pihak *littoral states* ada satu inisiatif baru khususnya untuk mewujudkan *Marine Electronic Highway* tetapi ia baru di peringkat awalan. Oleh sebab itu berkaitan dengan cadangan Yang Berhormat itu walaupun saya lihat ianya satu cadangan yang baik, tetapi untuk melaksanakannya adalah merupakan satu perkara yang agak sukar kerana ianya melibatkan impak kos yang begitu tinggi dan buat masa ini laluan kapal telah pun dikawal melalui *Traffic Separation System* di Selat Melaka itu sendiri.

Yang Berhormat Labuan juga membangkit tentang adakah kapten kapal dipertanggungjawab di atas pencemaran. Untuk makluman Yang Berhormat, Konvensyen Bunker menentukan *strict liability* ke atas kapal. Ini bermakna, pemunya tetap bertanggungjawab dan *liable* bagi pencemaran minyak bunker yang berlaku sama ada secara sengaja atau tidak.

Yang Berhormat Bukit Bintang tadi membangkitkan kenapa Malaysia tidak ada dalam jadual. Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia sememangnya adalah negara pihak kepada ketiga-tiga konvensyen tersebut iaitu konvensyen liabiliti yang dikuatkuasakan pada 9 Jun 2005, konvensyen *fund* atau kumpulan wang yang juga pada tarikh yang sama dan Konvensyen Bunker dikuatkuasakan pada 12 Februari 2009. Apa yang terdapat dalam jadual tersebut adalah merupakan senarai negara pihak lain selain Malaysia yang menjadi pihak kepada ketiga-tiga konvensyen berkaitan. Senarai nama-nama negara ini adalah untuk membolehkan penghakiman dibuat di negara-negara tersebut untuk dikuatkuasakan di Malaysia. Oleh itu, Malaysia tidak perlu disenaraikan dalam jadual tersebut.

Yang Berhormat Kota Belud ada membangkitkan berkaitan satu isu iaitu cadangan supaya semua kapal diwajibkan mempunyai *double hull*. Cadangan Yang Berhormat Kota Belud ini setakat ini belum dapat dilaksanakan kerana peraturan antarabangsa ketika ini hanya terpakai bagi kapal-kapal tangki minyak sahaja seperti mana yang diperuntukkan oleh Konvensyen MARPOL 73/78. Untuk makluman Yang Berhormat, kos membina kapal *double hull* ini adalah sangat tinggi berbanding dengan *single hull*.

Yang Berhormat Sekijang ada membangkitkan satu isu iaitu berkaitan dengan keperluan insurans bagi kapal kurang daripada 1,000 tan. Mandatori bagi kapal hanyalah diperuntukkan dalam perundangan ini iaitu 1,000 tan sebab impaknya adalah lebih besar jika tumpahan minyak bunker berlaku. Kapal kurang daripada 1,000 tan di dalam perundangan ini belum lagi dikenakan iaitu mempunyai jumlah minyak bunker yang sedikit iaitu kurang daripada 100 tan. Jenis minyak bunker bagi kapal ini juga biasanya adalah jenis *marine diesel oil* yang mempunyai elemen pencemaran yang rendah berbanding dengan kapal-kapal yang lebih besar.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Boleh mencelah?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Ya, sila.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya membangkitkan tentang kapal 1,000 tan ini Tuan Yang di-Pertua, kerana seperti mana yang telah saya katakan tadi dalam ucapan saya, bahawa kebanyakan pembuangan minyak ini dilakukan oleh kapal-kapal kecil, kerana kapal-kapal kecil ini adalah lebih hampir dengan pantai. Jadi, kalau kita mempedulikan kapal-kapal kecil ini Tuan Yang di-Pertua, maka saya ingat sukar juga kita hendak mengawal. Kalaupun kita ada akta yang kita bentangkan dalam Dewan ini, tetapi apabila bawah daripada 1,000 tan kita tidak boleh ambil tindakan, maknanya ini merupakan satu kekurangan saya rasa yang perlu juga kita fikirkan untuk masa hadapan.

**■1500**

Ini kerana kapal-kapal yang kecil ini kalau banyak mungkin akan banyak juga lebih banyak daripada yang kapal besar ini. Ini kerana kapal besar ini seperti mana yang kita tahu banyak yang *double hull* dia punya pembinaannya. Akan tetapi kapal kecil ini biasanya satu lapisan sahaja Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta juga supaya kita memberikan perhatian ini kerana kapal besar ini memang dibina dengan cukup kukuh sekali. Akan tetapi kapal kecil ini ikut kadang-kadang pembina itu sendiri asal boleh timbul di laut dia jalan. Oleh sebab itu apabila pelanggaran berlaku dengan kapal kecil ini dia lebih banyak lagi mendatangkan kemusnahan daripada kapal yang besar-besar ini. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Menteri sambung sedikit. Tadi Menteri ada sebut tadi tentang *escort ship* tadi. Selat Melaka ini saya memang hendak sebut perkara ini kerana kita selalu terlibat secara langsung. Selat Melaka ini mempunyai kepentingan beberapa negara sebagai *stakeholders* Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand. Apabila kita sebut tadi *escort ship* ada berhubung dengan kapal-kapal yang membawa minyak *tanker*. Jadi ini cukup penting kalau apa juga pelanggaran berlaku pertumpahan minyak tadi bukan sahaja dapat diambil tindakan dengan segera juga tidak ada pencemaran dan juga kerosakan dan juga kehilangan kepada nelayan-nelayan di pantai.

Kalau boleh kita hendak cadangkan pihak kementerian mengadakan satu perjanjian strategik di antara *stakeholders*. Mereka mestilah bertanggungjawab bagi memastikan supaya Selat Melaka ini bukan sahaja selamat daripada lanun bahkan tidak ada masalah tentang pencemaran. Kalau pencemaran ini bukan sahaja nelayan di laut yang akan terdedah bahkan hidupan laut pun akan tercemar. Jadi saya hendak minta setakat manakah kementerian mahu menjalankan kerjasama di antara *stakeholders* ini? Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat khusus Yang Berhormat Sekijang mengatakan berkaitan dengan pencemaran yang melibatkan kapal-kapal di bawah 1,000 tan. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat bahawa dalam peruntukan undang-undang ini kewajipan mandatori untuk sesuatu kapal itu mendapatkan insurans ialah bagi kapal-kapal yang melebihi 1,000 tan iaitu merupakan satu peruntukan yang selari dengan *Convention Bunkers* yang telah diamalkan bukan sahaja di negara ini tetapi juga di negara-negara yang lain yang menjadi pati ataupun yang terlibat dalam *convention* ini.

Kita *comply* dengan *convention* ini dan ianya dilaksanakan di negara ini. Ini adalah merupakan keperluan mandatori kepada semua kapal bukan sahaja kapal Malaysia tetapi juga kapal-kapal asing yang berlayar di kawasan perairan kita. Akan tetapi ini tidak bererti sekiranya kapal-kapal tersebut iaitu kapal-kapal kecil yang di bawah 1,000 tan mereka ini boleh sebenarnya secara *voluntary* mengambil insurans tersebut. Kalau sekiranya mereka melakukan kesalahan misalnya penumpahan minyak di kawasan perairan kita ini tidak bererti bahawa mereka terlepas

daripada tindakan undang-undang. Ada peruntukan-peruntukan undang-undang yang membolehkan mereka ini diambil tindakan.

Seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa kapal 1,000 tan ke bawah ini jumlah minyak yang mereka angkut hanyalah lebih kurang 100 tan. Setakat ini belum ada *convention* ataupun perundangan yang mengarah ke arah untuk mewajibkan perkara itu. Akan tetapi kalau sekiranya terdapat keperluan pada masa-masa akan datang mungkin perkara ini boleh diambil tindakan.

**Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya membangkitkan ini kerana saya pernah pergi ke rumah api di Pelabuhan Klang sana. Berhampiran dengan rumah api di Pelabuhan Klang ada kapal yang bawah daripada 1,000 tan yang melanggar batu karang dan tenggelam di situ dan sampai hari ini pun tidak ditarik balik. Jadi saya percaya pada masa dia sebelum tenggelam itu tentu akan ada minyak yang tumpah dan sebagainya. Sampai pada hari ini tidak ada hendak tarik balik. Mungkin bila tidak ada insurans agaknya tidak ada siapa yang hendak tarik. Cuma tunggu kita sendiri hendak tarik yang ini yang saya maksudkan tadi kapal-kapal kecil ini.

Saya rasa kalau Yang Berhormat pergi melawat di rumah api yang sudah berumur 100 tahun itu sebelah itu yang baru. Yang Berhormat boleh tengok ada satu kapal kecil bawah 1,000 saya rasa, yang tenggelam itu sampai hari ini belum ditarik balik lagi. Maknanya menghalang laluan bukan sahaja menghalang laluan tetapi memberikan pencemaran kapal-kapal kecil yang lain hendak lalu di kawasan tersebut. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengambil maklum pandangan Yang Berhormat tersebut. Cuma saya ingin juga menyentuh tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin berkaitan dengan *escort ship* yang dicadangkan tadi. Walaupun saya kata bahawa cadangan ini adalah merupakan satu cadangan yang baik tetapi seperti mana yang kita tahu bahawa Pelabuhan Selat Melaka ini adalah merupakan satu pelabuhan yang tersibuk di dunia. Kapal-kapal yang bergerak di sepanjang Selat Melaka itu adalah satu jumlah yang besar. Kita juga harus *literal state* seperti Malaysia dan Indonesia harus dapat mewujudkan satu kerjasama.

Memang kita ada kerjasama dalam bidang ini. Akan tetapi untuk mengadakan *escort ship* seperti mana yang dicadangkan itu setakat ini kita merasakan bahawa ianya sukar untuk dilaksanakan. Walaupun ianya bukan sesuatu yang mustahil sekiranya terdapat kerjasama rapat dapat diwujudkan di antara negara-negara tersebut. Ini kerana untuk *escort* daripada satu hujung daripada Utara ke Selatan tentu melibatkan ratusan batu. Jadi bayangkan berapa *escort ship* yang kita perlu sediakan untuk keperluan trafik yang membawa minyak dan bermacam-macam *innocent passage* yang datang yang melalui kawasan ini.

Mereka tidak semestinya datang ke pelabuhan kita tetapi mereka ini melalui daripada negara-negara seperti Eropah yang melalui selat, yang pergi negeri China dan sebagainya. Jadi setakat ini belum ada inisiatif sebegitu tetapi bagaimanapun cadangan itu kita boleh

pertimbangkan. Satu ketika memang Yang Berhormat Perdana Menteri kita Tun Dr. Mahathir pun pernah mencadangkan supaya diadakan satu seolah-olah satu tol bagi laluan di situ. Akan tetapi seperti mana yang saya perelaskan di sini bahawa laluan itu selain daripada perairan Malaysia dan Indonesia dan juga *literal state* merangkumi Singapura. Akan tetapi juga kawasan itu adalah diiktiraf sebagai laluan antarabangsa yang *digovern* atau dikawal selia melalui UNCLOS (*United Nation Convention on Law of the Sea*).

Jadi memang terdapat *limitation*. Kalau sekiranya tidak ada *limitation* sebegitu maka kita memang mahu mengambil tindakan-tindakan. Oleh sebab itu kita ada rakan-rakan atau parti yang terlibat untuk menyumbang bagi maksud menjaga keselamatan delegasi di situ seperti negara-negara yang menyumbang secara sukarela. Seperti negara Jepun, China dan negara-negara besar yang menggunakan Selat Melaka tersebut.

Yang Berhormat Tenggara ada membangkitkan isu berkaitan dengan kerjasama serantau Singapura, Malaysia dan Indonesia untuk tujuan menjaga kepentingan dari pencemaran. Untuk makluman Yang Berhormat memang terdapat *standard operating procedure* di antara tiga-tiga negara Malaysia, Indonesia dan Singapura bagi operasi pembersihan minyak dari kapal. Tambahan lagi terdapat satu *revolving fund* di antara ketiga-tiga negara tersebut bagi membantu operasi melawan tumpahan minyak.

Yang Berhormat Sekijang juga ada mengesyorkan satu tindakan penguatkuasaan secara bersepadu di antara agensi-agensi dan juga dengan negara jiran. Memang syor Yang Berhormat itu adalah syor yang baik. Memang terdapat kerjasama di antara negara-negara berpantai Selat Melaka dan Singapura. Kita seperti mana yang saya jelaskan tadi memang ada *revolving fund* kos pembersihan dan *standard operating procedure* untuk kawalan dan tindakan pencemaran secara bersama.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Sedikit Yang Berhormat kalau boleh? Seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi mengenai *revolving fund* antara tiga negara Singapura, Indonesia dan Malaysia. Berapa banyakkah yang telah pun diperuntukkan untuk *revolving fund* tersebut yang mana untuk menangani tumpahan minyak? Apa yang kita lihat apabila benda ini berlaku Malaysia seolah-olah cuma kerajaan Malaysia sahaja yang menanganinya. Akan tetapi daripada Singapura dan Indonesia seolah-olah berdiam diri. Apakah ini yang kita katakan kerjasama yang cukup baik? Apa yang kita lihat pada hari ini itulah yang berlaku seperti mana yang berlaku di Johor dan tempat-tempat yang lain yang lalu. Terima kasih.

■1510

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya tidak ada angka-angka berkaitan dengan perkara tersebut, saya boleh memberikan secara bertulis. Akan tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa sekiranya berlaku tumpahan minyak, sememangnya negara-negara *littoral states* ini sentiasa bekerjasama. Ingin saya nyatakan di sini setelah adanya rejim pampasan insurans yang telah dikuatkuasakan melalui konvensyen-konvensyen yang telah

ditetapkan tadi, maka perkapalan atau kapal-kapal yang melalui di sini dan melakukan aktiviti tumpahan ataupun kemalangan yang berlaku, maka negara-negara khususnya *litoral states* ini boleh mendapatkan pampasan melalui rejim pampasan insurans yang telah kita luluskan bukan sahaja di negara ini tetapi juga melalui Konvensyen Antarabangsa (IMO) tersebut. Saya ingin menyatakan di sini, menurut pegawai saya bahawa jumlah *revolving fund* sedia ada adalah lebih kurang 100 juta yen.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Yang Berhormat, saya hendak bertanya satu soalan. Pendek sahaja soalan saya. Kapal dagang yang menumpahkan minyak ini, bolehkah kerajaan mengambil tindakan drastik dengan merampas kapal tersebut yang melakukan kecuaiannya ini. Boleh atau tidak? Iaitu tindakan drastik dan mampukah pihak kerajaan mengambil tindakan dengan cara meletakkan syarikat ataupun kapal dagang dari beroperasi untuk satu jangka masa, misalnya satu tahun. Ini kerana pihak yang terlibat dengan dagangan adalah dalam rangkuman jumlah yang begitu banyak. Sekian, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Yang Berhormat, saya akan menjawab kemudian. Pegawai saya akan memberi jawapan sama ada kita mempunyai hak untuk merampas kapal-kapal yang telah menumpahkan minyak ini. Akan tetapi seperti mana yang saya nyatakan di sini bahawa setiap kapal yang melakukan aktiviti ataupun terlibat dalam kemalangan tumpahan minyak sama ada berlaku disebabkan *accident* ataupun di dalam perundangan yang baru ini iaitu menumpahkan minyak *bunker*, maka sesuatu tindakan boleh diambil terhadap mereka untuk mendapatkan pampasan daripada syarikat-syarikat tersebut.

Oleh sebab itu, semua syarikat kapal dagang bukan sahaja di negara ini tetapi juga dari negara-negara luar yang berlayar, mereka dikehendaki untuk mempunyai insurans *coverage* berkaitan dengan pencemaran, bukan sahaja pencemaran melibatkan *tanker* tetapi juga kapal-kapal besar yang membawa minyak yang banyak, khususnya kapal-kapal kargo ataupun kapal-kapal kontena yang mempunyai minyak *bunker* yang banyak yang boleh juga mencemarkan alam sekitar.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] :** [Bangun]

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri :** Yang Berhormat Tenggara ada membangkitkan mengapa peruntukan seksyen 11A, akta yang mengenakan *insurance security* kewangan berhubung liabiliti bagi pencemaran minyak *bunker* dikecualikan kepada kapal-kapal dimiliki oleh sesebuah kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan pengecualian terhadap kapal-kapal dimiliki kerajaan sememangnya disediakan di dalam Convention Bunkers 2001 itu sendiri. Oleh yang demikian, *insurance security* kewangan hanyalah secara mandatori terpakai kepada kapal-kapal dagang dan tidak terpakai kepada kapal-kapal yang dimiliki sesebuah kerajaan yang tidak beroperasi secara komersial seperti kapal perang ataupun kapal penguat kuasa. Ini bagi memelihara status negara sebagai negara berdaulat ataupun *sovereign state*. Jadi, kita tidak ada peruntukan bagi perkara itu. Yang Berhormat Pendang ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebelum menjawab Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Kepong berdiri.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya ada meneliti rang undang-undang ini tetapi mengenai tumpahan minyak terutama tadi ada jawapan yang tidak lengkap saya nampak iaitu mengenai tumpahan kapal-kapal yang terlibat. Di sini saya nampak kita perlu peruntukan yang banyak untuk menyelesaikan masalah. Tiap-tiap hari ada tumpahan.

Pertamanya, saya tidak nampak iaitu apakah di dalam fasal-fasal ini kita mesti mengenal pasti punca tumpahan. Kita tidak ada. Di sini tidak ada. Ini sangat rumit. Kadangkala mereka tumpahkan minyak, kita tidak tahu punca di mana. Apa yang kita tahu itu yang besar-besaran. Itu sahaja. Akan tetapi yang kecil itu banyak dan yang kita tahu di dalam akhbar itu dan sebagainya atau media itu, mungkin 90 tan, 90,000 tan dan sebagainya. Akan tetapi yang kecil-kecil itu tidak ada. Itu penting Tuan Yang di-Pertua. Begitu juga saya tidak nampak macam mana Yang Berhormat dapat respons, dapat menyelesaikan masalah, membersihkan. Mungkin di kementerian itu ada *decision support system* (DSS). Adakah ini di dalam kementerian untuk merespons kepada tumpahan ini bagi menyelesaikan masalah. Untuk operasi membersihkan, itu memang mahal, rumit dan sebagainya.

Tadi ada beberapa Ahli Parlimen menyebutkan kerumitan, kerosakan yang disebabkan oleh tumpahan ini kepada pelbagai aspek termasuk terumbu dan sebagainya, itu saya tidak akan sebutkan. Cuma bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah kita ada? Ini kerana di sini hanya dengan insurans untuk menangani tumpahan yang besar-besaran daripada kapal-kapal. Itu memang satu langkah yang baik walaupun terlewat beberapa tahun, tidak mengapalah. Masih boleh diterima. Kita hendak memperbaiki keadaan. Akan tetapi untuk cara-cara seperti *decision support system* dan sebagainya, adakah di dalam kementerian?

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kepong membangkitkan tentang *decision support system*.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekiranya berlaku sesuatu kejadian di dalam tumpahan minyak di perairan kita, maka tindakan yang akan diambil oleh jabatan laut ialah untuk mengambil tindakan segera walaupun ada dinyatakan bahawa ia perlu satu mesyuarat, itu tidak. Sebenarnya kita, sebagai sebuah jabatan yang diwujudkan bagi mengatasi masalah ini, kita akan menjadi *lead agency* kepada agensi-agensi yang lain termasuklah Jabatan Alam Sekitar untuk mengambil tindakan-tindakan yang segera bagi mengadakan proses-proses pembersihan. Selepas proses pembersihan dapat dilakukan, maka kita juga bolehlah mengemukakan tuntutan terhadap kerosakan-kerosakan yang berlaku.

Seperti mana yang kita tahu bahawa dalam peruntukan undang-undang yang kita sediakan ini adalah merupakan satu usaha penambahbaikan. Seperti mana yang kita sedar bahawa pada masa-masa yang lalu tidak ada peruntukan yang sebegini. Akan tetapi melalui konvensyen ini, maka kita telah meratifikasikan dan kita melaksanakan di negara ini. Ini adalah merupakan satu kemajuan terhadap usaha untuk mengatasi masalah ini. Di masa yang lalu kita

cuma hanya mendapat pampasan bagi kapal-kapal kargo sahaja atau kapal kargo yang mengangkat minyak atau *tanker*. Sekiranya berlaku *accident*, kita boleh mengemukakan tuntutan insurans. Akan tetapi bagi minyak *bunker*, minyak *bunker* ini minyak yang digunakan untuk menjalankan kapal seperti mana yang kita akan peruntukkan di dalam undang-undang ini. Jadi, ini adalah satu usaha penambahbaikan sebenarnya daripada tidak ada kepada ada.

Jadi, ini adalah satu usaha bagi memastikan semua kapal yang melalui perairan kita khususnya *exclusive economic zone* yang telah menumpahkan minyak sama ada secara sengaja ataupun tidak sengaja dan kapal-kapal besar ini membawa minyak *bunker* yang besar juga. Seperti yang saya katakan tadi, ada yang sehingga 40,000 tan minyak. Sekiranya berlaku, kita ada keupayaan untuk mendapatkan tuntutan di bawah undang-undang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang menyokong kita hendak adakan penambahbaikan untuk memperbaiki langkah-langkah kita, dasar kita. Cuma Tuan Yang di-Pertua, yang disebutkan tadi ada 40,000 tan dan sebagainya. Apakah terjadi dengan *bunker-bunker* dan tumpahan jenis lain yang bukan begitu besar?

■1520

Walaupun bukan begitu besar mungkin ada satu tan, dua tan, tiga tan, sepuluh tan atau 100 tan dan sebagainya, kita tidak dapat kenal pasti Tuan Yang di-Pertua dan itulah masalahnya. Ini mengenai *merchant banking* sahaja, kita tidak kira di kawasan industri pun ada tumpahan juga. Di sini saya hendak bertanya Yang Berhormat berapa Kementerian atau jabatan yang terlibat dengan hal ini? Adakah 20 jabatan? Ini kerana bertindih-tindih maka timbul masalah. Apa yang disebutkan di sini itu Kementerian Pengangkutan sahaja. Apakah Kementerian-kementerian lain yang terlibat termasuk Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan semua yang terlibat, mungkin ada 20 atau lebih daripada 20 Kementerian atau jabatan yang terlibat dengan hal ini.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kepong sememangnya banyak jabatan-jabatan yang terlibat dan salah satu yang penting ialah Jabatan Alam Sekitar dan mereka mempunyai fungsi-fungsi tersendiri.

Kita memang bekerjasama dengan jabatan-jabatan ini untuk mengatasi masalah tersebut. Sekiranya berlaku tumpahan minyak maka semua agensi-agensi yang berkaitan akan terlibat dalam usaha-usaha untuk melaksanakan pembersihan ataupun untuk melakukan tindakan-tindakan yang perlu berdasarkan kepada perundangan yang terdapat di dalam negara ini. Oleh sebab itu sebenarnya memang di negara kita ada satu yang dipanggil *Oil Spill Contingency Plan* dan kita juga ada memiliki aset-aset bagi melawan tumpahan minyak dimiliki oleh kerajaan dan pihak swasta. Kita memang berkemampuan untuk menghadapi masalah ini sebab dalam soal ini Yang Berhormat, kita tidak boleh – *accident can happen* sama ada di jalan raya ataupun di laut, memang boleh berlaku. Ini sesuatu yang kita tidak dapat elakkan tetapi apabila berlaku *accident* maka kita ada *post accident measure*.

*Post accident measure* yang kita lakukan adalah pertamanya, untuk membersihkan tumpahan minyak tersebut. Keduanya, selepas itu ialah untuk menuntut insurans daripada

syarikat-syarikat perkapalan dan kita memang berdasarkan kepada konvensyen ini semua syarikat-syarikat kapal adalah di mandatori memiliki insurans. Sekiranya mereka tidak mempunyai insurans maka satu peruntukan untuk mengambil tindakan undang-undang dapat diambil untuk membolehkan satu tindakan dapat diambil kepada mereka.

Yang Berhormat, saya sedikit lagi. Berkaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Silam. Apakah kementerian menyiasat kapal-kapal di Selat Melaka – *risk assessment*. Kapal-kapal yang melalui Selat Melaka memang pada ketika ini seperti mana yang saya katakan tadi, memang diselia oleh *vessel traffic system* iaitu kapal-kapal yang perlu melapur kepada Jabatan Laut apabila tiba di lokasi tertentu. Siasatan akan dibuat sekiranya terdapat sesuatu kejadian dan penilaian – kita di Jabatan Laut mempunyai satu *equipment* yang penting iaitu *automated identification system* yang membolehkan kita sekurang-kurangnya memberikan maklumat kepada kapal-kapal supaya mereka melalui laluan-laluan yang selamat, yang membolehkan mereka mendapat maklumat-maklumat untuk tidak berlaku perkara-perkara seperti kemalangan atau pelanggaran terhadap halangan-halangan navigasi.

Seperti mana yang saya jelaskan juga tadi dalam inisiatif yang sedang dibuat di peringkat antarabangsa sekarang, kita sedang mewujudkan *Marine Electronic Highway system*. Sekiranya *Marine Electronic Highway system* ini dapat dimuktamadkan dalam masa yang terdekat ini maka kita akan dapat satu sistem laluan laut yang lebih teratur dan akan dapat mengurangkan masalah-masalah *accident* ataupun perkara-perkara yang tidak diingini berlaku, yang boleh menyebabkan kapal-kapal tersebut karam atau menumpahkan minyak dan boleh mencemarkan alam sekitar laut kita.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya fikir itu sahaja yang sempat saya jawab. Ada beberapa isu yang saya tidak dapat menjawab mungkin saya akan berikan jawapan bertulis. Saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih. Banyak pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat begitu berguna kepada kita untuk dijadikan sebagai satu rangka dan juga dasar untuk membolehkan kita menyediakan dasar-dasar yang baik dan juga peraturan-peraturan yang baik bagi kepentingan industri maritim di negara ini. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 26** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA (PINDAAN) 2010**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

#### **3.28 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646) dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat, pada tahun 2005 kerajaan telah mengambil inisiatif menggubal semula undang-undang mengenai timbang tara atau dengan izin, *arbitration* dengan menggantikan Akta Timbang Tara 1952 (Akta 93) (Akta Lama) atau dengan izin, *Arbitration Act 1952* dengan suatu akta yang baru iaitu Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646) atau dengan izin, *Arbitration Act 2005* yang telah mula berkuat kuasa pada 15 Mac 2006.

Akta Timbang Tara 2005 menggantikan dan memansuhkan Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen Mengenai Pengiktirafan dan Penguatkuasaan Award Timbang tara Asing 1985 (Akta 320). Akta Timbang Tara 2005 telah digubal untuk memenuhi dan melaksanakan obligasi Malaysia yang digariskan di bawah dengan izin, *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL), Model Law on International Arbitration 1985* ataupun *UNCINTRAL Model Law*.

#### **■1530**

Malaysia telah menyertai *Model Law on International Commercial Arbitration* ini sejak 5 November 1985. Pada masa sekarang Akta Timbang Tara 2005 antara lain memperuntukkan perkara mengenai:

- (i) perjanjian timbang tara;
- (ii) komposisi Tribunal Timbang Tara, pelantikan, penggantian dan juga mencabar penimbang tara;
- (iii) bidang kuasa Tribunal Timbang Tara iaitu kelayakan Tribunal Timbang Tara untuk memutuskan mengenai bidang kuasanya dan kuasanya untuk memerintahkan langkah-langkah interim;

- (iv) perjalanan prosiding timbang tara iaitu layanan pihak-pihak, penentuan kaedah-kaedah tatacara, pendengaran dan juga prosiding bertulis pihak yang ingkar, pelantikan pakar dan juga bantuan mahkamah semasa mengambil keterangan;
- (v) membuat award dan juga penempatan prosiding, penyelesaian, bentuk dan kandungan award dan juga pembetulan dan tafsiran award;
- (vi) mengetepikan suatu award timbang tara;
- (vii) syarat-syarat bagi pengiktirafan dan juga penguatkuasaan award; dan
- (viii) alasan untuk enggan mengiktiraf atau menguatkuasakan award.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak penguatkuasaan Akta Timbang Tara 2005 pada Mac 2006 terbukti bahawa akta tersebut telah dapat menyediakan peruntukan yang lebih baik berkaitan tatacara timbang tara bagi menyelesaikan semua jenis pertikaian perdagangan di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian seiring dengan slogan 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' kerajaan setelah mengambil kira pandangan dan juga maklum balas pihak-pihak berkepentingan dan juga pengamal-pengamal timbang tara membuat keputusan untuk mengkaji semula dan memperbaharui Akta Timbang Tara 2005. Ini memandangkan terdapat kekurangan dan lompong atau dengan izin *lacuna* dalam Akta Timbang Tara 2005 dan sekiranya tidak dipinda akan memberi implikasi perundangan dari segi komitmen Malaysia dalam menunaikan obligasinya di bawah dengan izin UNCITRAL ataupun UNCITRAL Model Law.

Kerajaan telah menerima cadangan dan juga pandangan semua pihak untuk mengkaji dan membaharui undang-undang di Malaysia agar sistem perundangan Malaysia sentiasa relevan dengan perkembangan semasa demi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada kajian yang dijalankan dan maklum balas yang diterima, kerajaan mendapati Akta Timbang Tara 2005 adalah wajar untuk dipinda. Asas-asas pertimbangan untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 adalah berdasarkan justifikasi yang berikut:-

- (i) memberikan kebebasan kepada pihak-pihak yang pertikai untuk menentukan undang-undang substantif yang terpakai di Tribunal Timbang Tara dan tidak hanya mengehendkan kepada undang-undang Malaysia bagi menggalakkan pihak-pihak di luar negara untuk membuat timbang tara di Malaysia;
- (ii) selain itu, pindaan ini memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi di Malaysia untuk membuat perintah bagi apa-apa langkah interim dengan izin *interim measures* walaupun tempat timbang tara adalah di luar Malaysia;
- (iii) memandangkan pada masa sekarang Akta Timbang Tara 2005 tidak mempunyai peruntukan berkaitan perintah yang boleh dikeluarkan oleh

mahkamah semasa menggantung prosiding admiralty maka peruntukan dimasukkan ke dalam seksyen 10 Akta Timbang Tara 2005 bagi membolehkan Mahkamah Tinggi membuat perintah penahanan harta ikat jamin atau jaminan lain sebelum atau semasa prosiding timbang tara sebagai jaminan bagi amaun dalam pertikaian; dan

- (iv) terdapat dengan izin *lacuna* dalam beberapa peruntukan dalam Akta Timbang Tara 2005 yang sekiranya tidak dipinda akan memberi implikasi perundangan dari segi komitmen Malaysia dalam menunaikan obligasi di bawah dengan izin UNCITRAL Model Law.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Timbang Tara Pindaan 2010 ini mengandungi 10 fasal yang bertujuan untuk meminda Akta Timbang Tara 2005. Sebelum rang undang-undang ini dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini izinkan saya untuk menjelaskan berkenaan dengan 10 fasal cadangan pindaan seperti yang berikut:-

Fasal pertama, rang undang-undang ini memperuntukkan tajuk ringkas dan tarikh permulaan kuat kuasa rang undang-undang;

Fasal 2 bertujuan untuk memotong sebutan kepada seksyen 30 Akta 646 dalam perenggan 2(2)(b) Akta 646 bagi membawa seksyen 30 dalam lingkungan perenggan dua 2(2)(b) dan seterusnya membenarkan pihak-pihak kepada timbang tara untuk memberi kuasa kepada pihak ketiga berhubung dengan hak pihak-pihak tersebut di bawah seksyen 30.

Fasal 3 bertujuan untuk menggantikan seksyen 8 Akta 646 dengan peruntukan baru dengan mengguna pakai dengan ubahsuaian bahasa yang digunakan di dalam dengan izin *United Nations Commission on International Trade Law* ataupun *UNCITRAL Model Law on International Commercial Arbitration* 1985. Peruntukan ini bertujuan untuk mengehendkan campur tangan mahkamah dalam keadaan yang secara khususnya diliputi oleh akta ini dan untuk menggalakkan penggunaan kuasa sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 4 pula fasal yang bertujuan untuk meminda subseksyen 10(1) Akta 646 dan untuk memperkenalkan subseksyen baru (2A), (2B), (2C) dan (4). Subseksyen 10(1) dipinda untuk memotong peruntukan yang tidak perlu. Subseksyen 10(1) yang asal memberi kuasa kepada mahkamah untuk menggantung sesuatu prosiding berhubung perkara yang menjadi subjek perjanjian timbang tara melainkan antara lain mahkamah mendapati tiada pertikaian ke atas perkara yang hendak dirujuk kepada timbang tara. Dicadangkan pengecualian ini dipotong kerana peruntukan tersebut tidak perlu. Jika mahkamah mendapati bahawa tiada pertikaian antara pihak-pihak berkaitan, perkara yang hendak dirujuk kepada timbang tara maka keperluan untuk merujuk pertikaian tersebut kepada timbang tara tidak timbul. Oleh yang demikian, keperluan untuk memberikan perintah pergantungan juga tidak timbul.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tambahan pula didapati tiada peruntukan yang sama diperuntukkan dalam dengan izin *The UNCITRAL Model Law*. Subseksyen baru (2A) dan (2B) pula memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membuat perintah penahanan harta atau peruntukan jaminan semasa membuat perintah pergantungan prosiding admiralti sementara menanti keputusan tentang prosiding timbang tara berhubung dengan pertikaian admiralti tersebut. Subseksyen baru (2C) diperkenalkan untuk memperuntukkan tafsiran 'prosiding admiralti'. Subseksyen baru (4) pula memberikan kuasa kepada mahkamah Malaysia untuk memberi perintah pergantungan sekiranya tempat timbang tara adalah di luar Malaysia.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda perenggan 11(1)(e) Akta Timbang Tara 2005 untuk menjelaskan bahawa mahkamah boleh membuat perintah penahanan harta, ikat jamin atau jaminan lain sebelum atau semasa prosiding timbang tara sebagai jaminan bagi amaun dalam pertikaian. Subseksyen baru 11(3) pula dimasukkan untuk memberi kuasa kepada mahkamah di Malaysia untuk membuat perintah bagi apa-apa langkah interim walaupun tempat timbang tara adalah di luar Malaysia.

#### ■1540

Fasal 6 bertujuan untuk meminda Seksyen 30 Akta Timbang Tara 2005 untuk membenarkan pihak-pihak kepada timbang tara domestik menentukan undang-undang substantif yang hendak dipakai semasa proses timbang tara dan Tribunal Timbang Tara hanya akan mengguna pakai undang-undang Malaysia sekiranya tiada keputusan daripada pihak-pihak.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 bertujuan untuk meminda Seksyen 38 Akta Timbang Tara 2005 untuk memperuntukkan penguatkuasaan mana-mana award yang dibuat di Malaysia sama ada award tersebut berhubung dengan timbang tara domestik atau antarabangsa.

Peruntukan Subseksyen 38(1) Akta Timbang Tara 2005 yang asal menyatakan award domestik dan award daripada negara asing boleh dikuatkuasakan di Malaysia. Namun, peruntukan ini tidak menyatakan berkenaan status award antarabangsa yang dibuat di Malaysia.

Untuk menutup dengan izin *lacuna* ini, pindaan ini bertujuan untuk memperuntukkan penguatkuasaan mana-mana award yang dibuat di Malaysia sama ada award tersebut berhubung dengan timbang tara domestik atau antarabangsa.

Fasal 8 bertujuan untuk meminda Seksyen 39 Akta Timbang Tara 2005 untuk memperuntukkan bahawa penentuan berkenaan pengesahan perjanjian timbang tara hendaklah ditentukan di bawah undang-undang negara, di mana award telah dibuat dan tidak semestinya di bawah undang-undang Malaysia.

Pindaan lain dalam fasal 8 adalah untuk mengadakan peruntukan pengasingan award timbang tara supaya selaras dengan izin, *UNCITRAL Model Law*.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda Seksyen 42 Akta Timbang Tara 2005 dengan memasukkan subseksyen baru (1A) untuk membenarkan Mahkamah Tinggi menolak sesuatu rujukan soal undang-undang melainkan jika soal undang-undang ini secara *substantial* menjejaskan hak-hak satu pihak atau lebih.

Fasal 10 bertujuan untuk meminda subseksyen 51(2) Akta Timbang Tara 2005. Dalam teks bahasa kebangsaan supaya selaras dengan teks bahasa Inggeris dalam segi makna dan pelaksanaannya. Ini disebabkan pada masa sekarang didapati percanggahan dalam Akta 646 teks bahasa kebangsaan apabila dibandingkan dengan teks bahasa Inggeris.

Isu ini telah ditimbulkan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. lawan Digital Green Sdn. Bhd. 2008 satu LNS 92. Seterusnya bagi mengelakkan keraguan subseksyen 51(4) juga diperkenalkan bagi menetapkan bahawa mana-mana prosiding mahkamah yang dimulakan selepas tarikh kuat kuasa Akta Timbang Tara 2005 adalah tertakluk kepada Akta Timbang Tara 2005, walaupun prosiding timbang tara berhubung dengannya telah dimulakan di bawah Akta Timbang Tara 1952 iaitu sebelum kuat kuasa Akta Timbang Tara 2005.

Peruntukan yang baru ini diperlukan untuk mengisi kelambakan undang-undang ataupun dengan izin '*lacuna in the law*' berkenaan isu akta yang mana akan terpakai bagi prosiding mahkamah yang dimulakan selepas Akta Timbang Tara 2005 mula berkuat kuasa jika prosiding timbang tara dimulakan di bawah Akta Timbang Tara 1952.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini, kerajaan mempunyai keyakinan penuh bahawa Malaysia akan seiring dengan perkembangan timbang tara dan seterusnya menggalakkan pihak luar untuk memilih Malaysia sebagai tempat timbang tara. Pada masa yang sama, Malaysia dapat juga melaksanakan dan memenuhi keperluan dengan izin, *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL) Model Law on International Commercial Arbitration 1985*. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Telok Intan.

**3.45 ptg.**

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya harap pindaan kepada Akta Timbang Tara 2005 ini akan membawa perubahan kepada kes-kes yang akan dijalankan di negara kita ini, kes-kes di timbang tara akan membawa banyak kes dirujuk kepada timbang tara di Malaysia. Baru-baru ini apa yang kita nampak ada banyak kes untuk timbang tara pihak-pihak telah memilih untuk pergi ke negara lain di rantau ini seperti Singapura. Ada juga yang memilih untuk mendengar kes-kes mereka melalui timbang tara di negara Vietnam.

Jadi, saya terima dengan baik cadangan untuk pindaan kepada Akta Timbang Tara 2005 (Akta 646), di mana saya mendapati beberapa isu yang saya ingin sentuh. Selain dari CEDAW *Arbitration* dengan izin, kita juga perlu mengadakan ahli-ahli yang duduk sebagai panel timbang tara untuk lebih fasih dalam undang-undang. Undang-undang dalam disiplin mereka seperti undang-undang teknikal dari segi pembinaan dan kejuruteraan perkapalan dan sebagainya.

Dengan tujuan ini, saya harap kerajaan akan memberi lebih galakan kepada orang-orang yang ingin *specialize* dengan izin dalam bidang *arbitration* supaya peguam-peguam yang beramal sekarang boleh beralih kepada bidang timbang tara, sebab adalah perkembangan di negara-negara lain untuk pihak-pihak memilih kes-kes mereka diputuskan melalui timbang tara bertentangan dengan pergi ke Mahkamah Tinggi dan sebagainya.

Ada pada waktu apabila golongan peniaga antarabangsa tidak ataupun kurang yakin dengan negara kita, mereka telah memilih pergi ke negara lain. Akan tetapi saya harap dengan pindaan-pindaan seperti ini yang akan membawa Akta Timbang Tara kita dan juga perjalanan pendengaran-pendengaran oleh timbang tara mengikut *United Nations Commission on International Trade Law (UNCITRAL)*. Kita panggil dia UNCITRAL. Ia lebih sesuai untuk peniaga-peniaga dan kolongmerat lain, syarikat-syarikat besar datang balik ke Kuala Lumpur ataupun Malaysia untuk mendengar kes-kes timbang tara.

Saya tidak begitu bersetuju dengan usaha di dalam pemindaan ataupun di dalam rang undang-undang ini di mana kuasa yang sedia ada oleh Mahkamah Tinggi disekat ataupun Mahkamah Tinggi dilarang atau disekat untuk menggunakan kuasa sedia ada dengan izin, *the inherent jurisdictional of the High Court*. Tiap-tiap kali kita cuba menyekat kuasa yang sedia ada oleh Mahkamah Tinggi, kita sekat kita punya badan kehakiman. Kita membawa larangan kepada badan kehakiman yang semestinya mesti beroperasi secara bebas daripada pengaruh pihak-pihak lain.

Jadi, saya tidak faham mengapa *inherent jurisdiction* Mahkamah Tinggi disekat di sini. Akan tetapi saya dapati bahawa di lain-lain seksyen, Mahkamah Tinggi diberi kuasa balik untuk menentukan sesuatu *point* undang-undang. Jadi, apakah rasional untuk pihak-pihak yang membuat pemindahan ini?

■1550

Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menjawab. Ini kerana untuk saya, tiap-tiap kali sejak tahun 1988 kita sentuh hak ataupun kuasa yang sedia ada oleh mahkamah tinggi, kita sentuh hak rakyat Malaysia, hak institusi kehakiman dan keyakinan rakyat untuk terus pergi ke mahkamah jika mereka perlu cari keadilan. Jadi, kuasa yang sedia ada oleh mahkamah tinggi harus dibela dan dikekalkan oleh semua lapisan masyarakat kita termasuk pihak yang menggubal undang-undang yang kita tahu mereka adalah terdiri daripada eksekutif, bertentangan dengan badan kehakiman yang dijalankan ataupun hakim-hakim Mahkamah Tinggi kita.

Seperti kita semua tahu, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi kita ataupun Mahkamah-mahkamah Rayuan kita, mereka tidak ada ruang seperti lain-lain pihak untuk memberi pandangan mereka di forum-forum luar di lain-lain tempat. Hanya satu forum mereka ada iaitu melalui penghakiman setelah mendengar sesuatu kes. Jadi, tiap-tiap kali kita sentuh mengenai kuasa yang sedia ada di mahkamah tinggi, dengan izin, *we are diluting the powers of the courts*. Jika kita *dilute the power of the courts* dengan izin, kita juga tidak memberi kepentingan kepada badan kehakiman sebagai satu badan yang bebas.

Saya percaya Hakim-hakim Mahkamah Tinggi kita ada pengetahuan yang luas untuk juga mendengar kes-kes timbang tara, sebab timbang tara adalah untuk situasi di mana ia lebih melibatkan isu-isu teknikal di industri-industri yang relevan ataupun yang berkenaan, tetapi kuasa pada keseluruhannya untuk membuat satu dengan izin, *arbiter of fact and law* mesti terpulang kepada Mahkamah Tinggi. Lebih-lebih lagi, di sini kita mendapati bahawa mahkamah tinggi ada kuasa-kuasa interim untuk membuat sesuatu keputusan mengenai kes-kes yang sedang dijalankan di timbang tara.

Soalan saya, bagaimana Mahkamah Tinggi kita boleh memberi perintah interim jika *subject matter* melibatkan subjek-subjek di luar negara? Walaupun *arbitration* telah dijalankan di Kuala Lumpur, adakah Mahkamah Tinggi kita ada bidang kuasa untuk memberi perintah-perintah interim yang melibatkan *subject matter* di luar bidang kuasa? Ini adalah satu *area* yang kita kena pandang dengan lebih terperinci.

Lagi satu perkara yang saya ingin bangkitkan adalah saya harap pihak kementerian boleh bersama dengan *Institute of Arbitrator* untuk mula memberi latihan yang lebih khusus (*specialize*) kepada peguam-peguam yang ingin meneruskan kajian mereka ataupun amalan mereka sebagai timbang tara di negara kita. Saya percaya di Kuala Lumpur, kita ada fasiliti-fasiliti yang cukup lengkap untuk terus menaikkan taraf timbang tara di negara kita ini.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk berbahas mengenai rang undang-undang ini.

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit.

### 3.50 ptg.

**Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 pada petang yang berbahagia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Mengkarak, Bera yang ada di belakang kita. Ramai nampaknya. [Tepuk]

Saya mulakan dengan soal antara hak dan tanggungjawab. Manakah lebih penting, atau kedua-duanya sama penting. Namun, dalam konteks pemerintahan undang-undang dan hak

asasi, ia kekal menjadi isu sehingga hubung kait dan kepentingan kedua-duanya dapat difahami sepenuhnya. Tiada sistem undang-undang yang sempurna jika tidak mengiktiraf hak dan tidak lengkap undang-undang sekiranya tidak meletakkan tanggungjawab.

Oleh itu, sebarang sistem yang mempunyai prinsip kebebasan dan autonomi individu mutlak tidak akan berjaya menjaga kepentingan ramai kerana kebebasan mutlak yang diasaskan atas dasar individualisme tidak dapat melaksanakan kedua-duanya yakni autonomi individu dan kepentingan umum sekali gus. Keseimbangan antaranya sukar dibentuk. Sistem yang sempurna harus menyeimbangkan antara tanggungjawab dan hak, sama ada tanggungjawab atau hak individu atau masyarakat. Segala hak dan tanggungjawab perlu dilaksanakan secara bergandingan dan sentiasa berkait rapat dalam setiap bidang kehidupan. Individu yang menjalankan kewajibannya sudah menjalankan tanggungjawab dan seterusnya memberikan hak kepada individu yang lain. Memenuhi tanggungjawab adalah prasyarat kepada hak yang lain. Fungsi hak secara umumnya ialah menegakkan kebebasan, manakala tanggungjawab ialah untuk merealisasikan kehormatan seseorang itu.

Oleh itu, kedua-dua hak dan tanggungjawab sama penting dan tuntutan hak adalah tuntutan ke atas pihak lain untuk menjalankan tanggungjawab. Kebanyakan dokumen antarabangsa berkaitan hak asasi tidak menyenaraikan tanggungjawab individu secara harfiah. Apa yang wujud dalam dokumen berkenaan kebanyakannya hak yang dikumpulkan sebagai hak asasi ataupun kebebasan.

Saya tertarik dengan *American Declaration of the Rights and Duties of Man* yang meletakkan peruntukan mengenai tanggungjawab secara jelas dalam bab tersendiri. Deklarasi ini yang diterima pada tahun 1948 mempunyai dua bab. Pertama, mengiktiraf hak tertentu dan kedua, meletakkan tanggungjawab individu terhadap negaranya. Antaranya, termasuklah tanggungjawab individu terhadap masyarakat, anak dan ibu bapa, menuntut ilmu, menghormati undang-undang dan mencari kehidupan baik serta tanggungjawab tidak terbabit dalam aktiviti-aktiviti yang boleh untuk merosakkannya.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Yang Berhormat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu bangun.

**Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]:** Sila.

**Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampak macam Yang Berhormat Parit benar-benar membuat satu kajian terperinci. Saya tertarik apabila Yang Berhormat menyebut tentang *American Declaration of the Rights and Duties of Man* – hak. Tak tahulah, pada pandangan saya secara peribadi mungkin, Amerika ini dia dalam satu tangan melihat seolah-olah mereka ini sebagai pengamal, juara kepada apa sahaja hak apabila disebut tentang hak, tetapi sebenarnya, dalam tangan yang lain, apa yang berlaku, umpamanya di Iraq, di Afghanistan, di Iran suatu ketika dahulu, bahkan hubungan dalam negeri sendiri di Amerika itu, adakah mereka sebenarnya-benarnya cakap serupa bikin? Bikin apa yang dicakap.

Bila kita menyebut tentang Amerika, kita letakkan Amerika di sana tetapi pada kaca mata dunia, adakah mereka sebenar-benarnya menghayati *internalize*, menghargai apa yang dicakapkan untuk dipraktikkan di seluruh dunia umpamanya?

Persekitaran umpamanya. Mereka menekankan aspek-aspek kehijauan tetapi mereka yang pertama menghancurkan dunia ini. Kemudian, mengharapakan negara seperti kita, Malaysia yang kecil ini pula untuk mengekalkan keamanan, kemakmuran dan kehijauan dunia. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

**Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Tangga Batu. Kalau kita lihat hak-hak ataupun kepentingan-kepentingan ini, di mana-mana negara pun sebenarnya akan cuba untuk menyatakan tugas, tanggungjawab ataupun hak-hak mereka, tetapi ada kalanya mungkin di peringkat negara Amerika sendiri pun sebenarnya ada juga perkara-perkara yang mungkin cakap tak serupa bikin dan sebagainya.

■1600

Akan tetapi itulah saya katakan sebentar tadi bahawa rang undang-undang ini akan membuatkan suatu bentuk-bentuk penjelasan kepada kita betapa hak-hak ini sangat penting di mana-mana negara apatah lagi kepada negara kita, okey.

Walau apa pun amalannya di Amerika Syarikat atau sejarah dan kedudukan deklarasi ini, saya melihat kebaikannya iaitu sesuatu hak sentiasa disertai dengan tanggungjawab. Antara kebaikan disumbang deklarasi ini ialah mengingatkan individu hak dan tanggungjawab tidak dapat dipisahkan. Namun deklarasi ini tidak menjelaskan tanggungjawab negara terhadap rakyatnya. Mungkin ia boleh difahami dengan melihat hak individu yang disenaraikan. Amat jelas setiap rakyat boleh menuntut haknya daripada pemerintah atau pihak yang diberikan tanggungjawab.

Namun pada masa rakyat juga mempunyai tanggungjawab tertentu terhadap negara. Kedua-duanya saling bersangkutan dan berkait rapat. Teori hak dan tanggungjawab amat berbeza antara prinsip hak asasi di dalam Islam dan barat. Islam memperkenalkan timbang tara antara hak dan tanggungjawab dengan sistem Islam ialah kombinasi kedua-duanya. Sistem ini tidak memberi tumpuan kepada hak mutlak seseorang tetapi hak terikat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah yang saya harapkan dalam rang undang-undang bagi meminda Akta Timbang Tara 2010 ini, sistem yang mementingkan individualisme tidak mengambil peduli terhadap kebebasan orang lain. Keadaan ini tidak menyumbang ke arah kebaikan masyarakat. Hak yang terikat dengan tanggungjawab menjadi mekanisme utama dalam membentuk masyarakat sempurna dari segi moral dan siviknya. Hadis Rasulullah SAW bermaksud;

*“Setiap manusia mempunyai kewajipan dan setiap seseorang bertanggungjawab atas kewajipannya”*

Sesuai dijadikan panduan. Setiap individu mempunyai tanggungjawab yang menjadi hak orang lain dan individu yang menggalas tanggungjawab berkenaan perlu melaksanakannya sebaik mungkin. Kita tidak dapat lari daripada hak dan tanggungjawab.

Namun, kedua-duanya bergantung pada status sosial diri. Semakin banyak kuasa seseorang, semakin banyak dan luas tanggungjawabnya. Secara lumrahnya ramai pula yang berada di bawah penguasaannya. Dari segi teori, tuntutan hak terhadap orang yang berpuasa semakin meningkat jika tanggungjawab itu tidak dilaksanakan dengan baik. Pindaan kepada Akta Timbang Tara 2010, saya melihat akan melonjakkan negara kita Malaysia sebagai destinasi Timbang Tara dan penyelesaian pertelagahan alternatif yang *reliable* dengan izin di rantau ini. Saya melihat pindaan bagi beberapa seksyen dan subseksyen itu penting untuk mengukuhkan akta sedia ada dan menggalakkan lebih ramai lagi ahli dan institusi perniagaan merujuk pertelagahan mereka kepada Badan Timbang Tara.

Saya kira tanpa perlu ada membawa ke mahkamah yang sudah tentu memakan kos dan tenaga yang lama. Saya kira menerusi pindaan-pindaan dalam rang undang-undang ini, menunjukkan kerajaan serius untuk menyelesaikan pertelagahan melalui Timbang Tara. Ini adalah satu mekanisme penyelesaian pertelagahan yang berkesan. Malahan mampu merangsang perkembangan perniagaan sejajar dengan matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh yang berteraskan usaha mewujudkan persekitaran ekonomi yang kondusif.

Dengan adanya mekanisme penyelesaian pertelagahan yang bebas, perniagaan dapat berkembang lancar dan menyelesaikan segala masalah yang timbul dengan berkesan. Malahan, pindaan akta itu membolehkan lebih banyak kes timbang tara diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Contohnya, berkaitan pertelagahan membabitkan aspek pembayaran wang kemajuan untuk projek binaan dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lembah Pantai.  
**4.04 ptg.**

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada Lembah Pantai untuk membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010. Saya terus kepada akta ini yang saya fikir telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi merupakan salah satu kaedah alternatif pihak ketiga kepada penyelesaian pertikaian yang berlaku di luar mahkamah. Alasan kerajaan, pindaan yang akan dibuat ini kepada Akta Timbang Tara akan melonjakkan Malaysia sebagai destinasi timbang tara dan penyelesaian pertelagahan alternatif terkemuka di rantau ini. Tambahan lagi, pindaan penting untuk mengukuhkan akta sedia ada dan menggalakkan lebih ramai lagi ahli dan institusi perniagaan merujuk pertelagahan mereka kepada badan timbang tara. Saya fikir kalau kita rujuk kes-kes atau cara mekanisme di luar negara.

Di *California* ada satu kajian yang menunjukkan jikalau individu membawa kes terhadap perniagaan dalam timbang tara ianya hanya memakan masa selama 4.35 bulan berbanding dengan 5.60 bulan untuk kes timbang tara perniagaan terhadap individu. Dalam Malaysia saya

rujuk beberapa kes yang telah menggunakan mekanisme ini 10 Disember 2010 Mahkamah Tinggi memutuskan supaya kes saman terhadap MEASAT Broadcast Network System Sdn Bhd akan didengari menerusi mekanisme Timbang Tara. Walaupun tidak ada perjanjian timbang tara antara AV Asia dan Tele System Electronics ia tidak bermakna kes terhadap MEASAT tidak boleh dibawa menerusi mekanisme timbang tara. Harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sahkan fakta ini.

Kes lain saya nampak seperti kes Malaysia dan Singapura di mana ada persetujuan untuk membawa isu tertanggung berhubung bayaran bagi pembangunan tanah KTMB di republik ini yang akan dimajukan secara bersama oleh kedua-dua negara menerusi Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri juga jelaskan bagaimana pindaan ini dapat memperkukuhkan mekanisme tersebut. Proses timbang tara berkenaan tentunya terpaksa mengikut laluan sendiri. Akan tetapi saya mahu jaminan adakah ia akan menjejaskan pelaksanaan *Point Of Agreement* (POA) terbabit serta inisiatif dua hala lain yang telah dipersetujui sebelum ini dalam rundingan pertama pada 24 Mei yang lepas.

Kes yang seterusnya adalah kes saman ayah kepada arwah Nurin Jazlin Jazimin mangsa yang telah dibunuh dengan kejam terhadap empat defendan yang masih lagi dalam perbicaraan juga menerusi proses timbang tara. Malangnya dalam kes PKFZ, pertelingkahan antara Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan Kuala Dimensi Sdn Bhd kontraktor projek pasang siap bagi Zon Bebas Pelabuhan Klang berhubung dua saman mereka untuk menuntut bayaran RM920 juta akan dibicarakan secara penuh di mahkamah bukan melalui proses timbang tara tertutup.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan memikirkan keperluan menggunakan mekanisme terbaru ini ataupun tidak? Timbang tara yang diguna pakai di Malaysia terletak di bawah Akta Timbang Tara 1952 mengikut model akta aplikasi United Kingdom 1950.

Kemudian, Akta Timbang Tara 2005 diperkenalkan untuk mansuhkan Akta Timbang Tara 1992 berdasarkan *United Nation Commission on International Trade Law*. Namun begitu beberapa masalah telah timbul terutamanya yang berkaitan dengan penterjemahan pertikaian dan pemakaian kata tersebut dalam beberapa kes yang diadilinya. Pertama kes *Aras Jalinan Sdn Bhd versus Tipco Asphalt Public Company Ltd & Ors* [2008] dalam Buku Lima CLJ654 di mana Mahkamah Tinggi Tuan Yang di-Pertua, menterjemahkan Akta Timbang Tara 2005 sebagai tindakan melucutkan bidang kuasa mahkamah dalam kes berkaitan di luar negara. Ini disahkan dalam perutusan Mahkamah Rayuan.

Selain daripada itu, langkah tersebut juga secara jelas melanggar prinsip Malaysia dalam *Convention New York* 1998. Maka, implikasi daripada pemakaian terhad adalah seseorang entiti yang komersil yang memohon untuk menjalani timbang tara di luar negara tidak lagi berhak untuk menikmati bantuan Mahkamah Malaysia contohnya mengambil tindakan saman sivil dan sebagainya. Jadi, bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang untuk menyelesaikan kes-kes sebegini dan bagaimanakah akta ini dapat menyelesaikan pelbagai

pertikaian industri yang memang saya fikir akan timbul ekoran daripada pelaburan swasta dalam Program Transformasi Ekonomi apabila diumumkan kelak yang akan meningkat dan memang akan ada pertikaian atau perbalahan.

Apakah rancangan seterusnya untuk memastikan mekanisme ini benar-benar dapat menyelesaikan *the possible* dengan izin *future threat problems or investment issues*. Akan tetapi saya lihat juga - Sebenarnya saya bersetuju kerana Akta Timbang Tara ini memang bergerak untuk menyelaraskan aktiviti timbang Tara pelbagai sektor. Antara yang terkemuka adalah kalau kita lihat contoh *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration* ditubuhkan tahun 1978 dan merupakan naungan *Asian African Legal Consultative Organization* dan bertanggungjawab menyediakan platform timbang tara dalam bidang pelaburan dan perdagangan di rantau Asia Pasifik.

■1610

la juga bukan badan yang melibatkan kerajaan. Ironinya, KLRCA terlebih dahulu menggunakan UNCITRAL yang saya sebutkan tadi terbaru 2010 dalam mengendalikan timbang taranya berbanding dengan Akta Timbang Tara kita. Saya dapat juga maklumat bahawa kerajaan juga telah menubuhkan Pusat Timbang Tara Francais dengan hasrat menjadikan Malaysia sebagai hab francais serantau. Untuk kes timbang tara domestik, telah menubuhkan Establishment Tribunal Timbang Tara Malaysia (NATE) untuk mengendalikan kes-kes pertikaian kecuali jenayah berdasarkan kaedah-kaedah Establishment Tribunal Timbang Tara Malaysia 2006. So, ada beberapa agensi yang agak berlainan wujud. Jadi, persoalan saya, bagaimanakah Akta Timbang Tara 2005 yang akan dipinda ini bakal menyelaraskan semua aktiviti timbang tara yang berlainan di Malaysia. Adakah pindaan ini akan menjejaskan cara, kaedah kes-kes pertikaian yang sedang dijalankan?

Cadangan daripada pihak saya, pertamanya supaya seksyen 34 Yang Berhormat Timbalan Menteri, dalam Akta Timbang Tara 2005 wajar sekali dikekalkan untuk memastikan prinsip asas timbang tara itu dijalankan secara adil oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Kedua, agar Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga kementerian, kerajaan menyokong segala usaha untuk menjadikan kes timbang tara yang cekap dan pantas berbanding proses biasa yang dilalui dalam mahkamah. Jadi, perlu ada KPI dari semasa ke semasa, perbandingan antara bagaimana diperbaiki apabila diperkenalkan pindaan-pindaan ini kerana kita melihat kepada penjimatan kos termasuk kos yang terlibat dalam kes timbang tara tribunal masing-masing yang selalunya lebih rendah daripada kos mahkamah.

Akhir sekali, saya cadangkan, kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri menyokong perluasan, penambahan pusat *mediator* kebangsaan perlu diletakkan di bawah naungan Majlis Peguam Malaysia untuk memudahkan proses rundingan dijalankan dengan ramai peguam-peguam yang terletak di bawah jagaan dan seliaan Majlis Peguam Malaysia. Rundingan dapat dijalankan oleh kedua-dua pihak dengan dibantu oleh khidmat orang tengah yang mempunyai kepakaran dan berkemahiran. Kes-kes yang ringan dan remeh diharapkan dapat

diselesaikan dengan cepat dan dapat mengurangkan kesesakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Hulu Selangor.

#### 4.13 ptg.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana sudi memberi ruang untuk saya memberi hujahan tentang akta untuk meminda Akta Timbang Tara 2005. Cadangan untuk meminda akta ini sudah pasti akan melonjakkan negara kita sebagai destinasi, dengan izin, *the arbitration hub* di rantau ini.

Saya difahamkan bahawa pindaan akta ini akan mengukuhkan dan menggalakkan lebih ramai lagi ahli-ahli dan juga institusi perniagaan yang akan merujuk pertelagahan mereka kepada badan ini. Soalan saya, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk memastikan bahawa negara kita dipromosikan sebagai, dengan izin, *arbitration hub*. Daripada masa yang sama, sejak akta ini diperkenalkan beberapa tahun dahulu, berapakah kes-kes dalam negara dan luar negara yang telah diselesaikan?

Seterusnya, saya juga difahamkan...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat juga dapat melihat bahawa akta ini dikemukakan semata-mata niat murni itu iaitu untuk membantu menyelesaikan kes-kes yang berlaku di negara kita yang tidak melibatkan jenayah besar dan sebagainya. Oleh sebab itu, apakah Yang Berhormat ingin mengetengahkan kepada kerajaan iaitu jaminan bahawa dengan adanya akta ini, bahawa proses-proses birokrasi itu tidak lagi berlaku dan ia dapat memberikan keadilan yang sewajarnya kepada mereka-mereka yang terlibat. Ini kerana kalau tidak ada jaminan, akhirnya kita akan ada akta yang baik tetapi implementasinya di tampuk lama juga. Jadi, apakah Yang Berhormat menyarankan kepada kementerian dan kerajaan supaya bukan sahaja akta ini yang baik tetapi tindakan susulannya juga hendaklah merangkumi penyelesaian yang kita hadapi. Ini kerana kes-kes sebegini terlambak di negara kita disebabkan kita kekurangan kepakaran dalam bidang-bidang Akta Timbang Tara ini. Terima kasih.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Saya memang setuju dengan pendapat Yang Berhormat dan saya cadangkan agar ucapan beliau dimasukkan sekali dalam ucapan saya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya lihat akta ini untuk meminda Akta Timbang Tara ini memberi tumpuan khususnya kepada seksyen 10 dan seksyen 11 yang mana saya rasa sekiranya diluluskan nanti, ia akan memberi kuasa kepada mahkamah Malaysia yang mempunyai bidang kuasa admiralti memerintahkan retensi kapal atau penyediaan keselamatan...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** *[Bangun]*

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** ...menunggu penentuan proses timbang tara dan pertikaian admiralti. Soalan saya, bolehkah pindaan ini dapat mengurangkan tempoh masa untuk menyelesaikan kes-kes ini? Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya dengar Yang Berhormat mengatakan bahawa mengharapkan akta ini nanti membantu Malaysia menjadi *arbitration hub*. Saya turut menyokong.

Akan tetapi, persoalan saya ialah bagaimana— apakah Yang Berhormat setuju supaya pihak kerajaan, setiap kali meluluskan rang undang-undang di dalam Dewan yang mulia ini dan rang undang-undang termasuk Akta Timbang Tara ini diberi huraian, penjelasan melalui saluran-saluran media perdana khususnya TV supaya rakyat faham setiap undang-undang yang kita lulus. Bagaimana kita hendak jadi *arbitration hub*, orang hendak yakin datang ke Malaysia untuk melalui mekanisme timbang tara ini kalau dia lihat di Malaysia ini bila ada macam-macam kes, belum bicara pun masing-masing sudah buat pandangan sendiri yang itu tidak bersalah, orang ini bersalah. Jadi, contohnya kita lihat akhir-akhir ini pelbagai isu timbul dan mereka telah *form* mereka punya *own* pemikiran sendiri. Kalau kena atas batang hidung pihak tertentu, maka mereka akan mengulas itu dan ini sehingga *content of court* ini apabila mahu bicarakan satu-satu kes yang sedang dibincangkan di mahkamah itu tidak boleh disentuh. Akan tetapi hari ini, Malaysia sudah menjadi budaya Tuan Yang di-Pertua. Kes yang dibicara di mahkamah, dibawa dalam ceramah-ceramah politik, diulas, dikutuk, disentuh hakim dan *nothing been done*. Sekarang ini dunia *borderless world*, dunia internet, orang dapat lihat. Ini cara rakyat Malaysia.

Begitu juga bila timbul hal isu agama, masing-masing tafsir ayat-ayat al-Quran ikut kepentingan parti politik masing-masing. Jadi, kekeliruan ini berterusan sama ada dalam konteks agama, Islamlah saya sebut, sebagai orang Islam ataupun dari segi undang-undang, *complicated*. Maknanya, lagi keliru. Bagaimana kita hendak memartabatkan negara kita ini menjadi destinasi untuk mendapat keadilan termasuk timbang tara ini. Lihat macam kes yang baru berlaku ini amat — Sarbani ini, Penolong Pegawai Kastam yang katanya ditemui mati semalam. Saya lihat dalam internet, macam-macam ditulis, macam-macam, tuduh-menuduh, jadi macam-macam. Sama juga isu video yang Datuk T pun, sama juga. Yang ini kata begini, yang ini kata begini. Rakyat lagi keliru, tidak faham. Jadi, ini lagi *complicated* ini. Ini kalau hendak timbang tara ini memang hendak selaras dengan *United Nation Commission on International Trade Law*. Baguslah, saya menyokong. Akan tetapi, bagaimana kita hendak mendidik supaya rakyat faham undang-undang ini? Jangan cepat buat persepsi sendiri. Jadi, kalau berterusan seumpama ini, kita tidak akan sampai ke mana. Jadi, tidak mungkin kita boleh angkat martabat negara kita. Mungkin makan masa 10 tahun, 15 tahun ataupun 20 tahun akan datang. Bagaimana Yang Berhormat?

**Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]:** Saya rasa yang penting ialah hasrat kerajaan yang murni untuk memastikan negara kita menjadi sebuah *arbitration hub*. Memang tanggungjawab kita juga untuk memastikan segala rang undang-undang diluluskan dan dibentangkan di sini diuar-uarkan kepada orang ramai dan penterjemahan ini dibuat secara betul dan tepat. Itu pendapat saya.

Saya ingin meneruskan ucapan saya yang akhir sekali Tuan Yang di-Pertua. Saya pasti Akta Pindaan Timbang Tara ini apabila diluluskan, Malaysia akan setara dengan negara-negara *maritime* yang lain dan saya pasti ia akan juga meletakkan negara dalam satu status yang mana dapat memberi status pengaman tuntutan timbang tara di rantau dan juga dunia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**4.21 ptg.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ambil masa yang panjang. Saya hendak sambung pandangan saya melalui perbahasan Akta Timbang Tara seperti mana saya mencelah waktu Yang Berhormat Hulu Selangor bercakap tadi.

Saya ingin mencadangkan pada pihak kerajaan khususnya Jabatan Perdana Menteri supaya bekerjasama dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan ataupun mana-mana agensilah dan semua sekali yang terlibat supaya memberi dan mendidik rakyat negara kita supaya memahami segala bentuk undang-undang yang wujud di dalam negara kita ini. Malah kita sudah mengamalkan prinsip Rukun Negara begitu lama.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Ya.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Silam. Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Pasir Mas dan kalau boleh bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk jangka masa panjang sebab sebagai sebuah negara yang berbilang kaum kita tahu Rang Undang-undang Timbang Tara ini memang baik dari segi kita mengambil kira. Adakah Yang Berhormat memikirkan kalau kita memperkenalkan subjek ataupun kurikulum di peringkat sekolah rendah supaya daripada peringkat awal lagi kita dapat memahami.

Ini suatu yang ke arah terbaik untuk kita memperkukuhkan dari segi pelaksanaan sesuatu rang undang-undang ataupun sistem terutamanya kefahaman kita tentang Rukun Negara dan bagaimana kita boleh kompromi dari segi persefahaman sebagai negara yang berbilang kaum. Mohon pandangan.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya setuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat Silam, memang saya hendak sampai ke situ. Cuma saya kata tadi yang pentingnya dahulu untuk memberi penerangan supaya rakyat turut memahami, menghayati segala undang-undang ataupun perlembagaan yang kita luluskan dalam Dewan yang mulia ini. Jikalau tidak ia akan

menjadi sampah sahaja. Tidak memberi apa-apa erti dan Akta Timbang Tara ini sekarang ini terhad untuk isu-isu perdagangan.

Berbalik kepada cadangan dan pandangan daripada Yang Berhormat Silam, saya sampai ke peringkat memikirkan Mahkamah Timbang Tara, *arbitration* ini boleh digunakan untuk banyak perkara, bukan setakat perdagangan. Akan tetapi ada isu-isu yang mungkin tidak melibatkan soal-soal perdagangan boleh diselesaikan melalui Akta Timbang Tara kerana ada perkara-perkara yang kita berpendapat dari segi sudut undang-undang satu hal lah.

Akan tetapi ada juga dari segi sudut lain-lain, budayanya, sosioekonominya, latar belakang sejarahnya. Saya bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, isu kalimah Allah sekarang ini dibawa ke Mahkamah Tinggi (*Civil Court*), di mana satu hakim sahaja mendengar kes ini. Kemudian kalau sudah ada keputusan, macam mana pun keputusan ada yang akan bawa kepada Mahkamah Rayuan, ada tiga hakim, kemudian Mahkamah Persekutuan.

Katakanlah isu-isu seumpama ini juga boleh dibawa ke Mahkamah Timbang Tara, ia akan dilihat dalam banyak sudut. Sudut sejarah, sudut budaya, sudut sensitiviti, sudut keselamatan, dia berbeza-beza Malaysia dengan Indonesia, walaupun kita tengok bangsanya hendak sama dari segi rupa bangsanya sebahagian besar tetapi mungkin budaya berlainan. Di sana di amalannya lain, di sini amalannya lain.

Jadi kita kena sesuai, banyak perkara boleh diputus melalui Akta Timbang Tara ini sebab... Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh mencelah sedikit Yang Berhormat?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sila, sila.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua. Setujukah Yang Berhormat kalau saya katakan Malaysia ini mempunyai keadaan yang begitu unik seperti mana Yang Berhormat tahu, waktu kita mendapat kemerdekaan pihak British sendiri mengatakan kita *will not last six months* dengan izin, dengan adanya pelbagai kaum, pelbagai agama dan sebagainya.

Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya katakan bahawa ada isu-isu di negara kita ini mesti diselesaikan dengan menggunakan *common sense* ini bukan undang-undang, *common sense*. Jadi, *common sense* inilah yang telah menyelamatkan negara kita selama 50 tahun ini. Bila masa ada sesuatu isu yang kita tahu kalau dibawa ke muka pengadilan atau mahkamah maka apa jua keputusan mahkamah akan menyebabkan sebelah pihak itu memberontak dan kita menggunakan pendekatan *common sense*.

Saya bagi contoh tadi, satu contoh yang paling baik Yang Berhormat bawa, kalimah Allah. Ada orang mempertikaikan tentang kononnya kenapa perlu ada dua undang-undang di negara ini. Saya ingin ingatkan dan Yang Berhormat mungkin setuju dengan saya, ada juga di negara ini ada undang-undang yang hanya boleh dipakai di Semenanjung sahaja. Di Sabah dan Sarawak kita mempunyai undang-undang yang berbeza.

Saya masih ingat lagi dalam dua akta yang baru dibawa di dalam Dewan dalam sidang ini iaitu Akta Kuarantin. Kita telah meminta supaya kerajaan mengeluarkan Sabah dan Sarawak dalam aplikasi akta tersebut dan kerajaan bersetuju. Begitu juga dengan Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar yang kita luluskan baru-baru ini, di mana kita mahu supaya Sabah dan Sarawak diketepikan dahulu. Boleh, ini maknanya *common sense*. Jadi saya minta apa pandangan Yang Berhormat, isu seperti ini kita gunakan *common sense*?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih. Saya juga turut bersetuju dengan Yang Berhormat. *Common sense* ini maksudnya pragmatik, amalan pragmatisme yang dilakukan oleh kerajaan selama ini membuatkan negara kita Malaysia *survive* walaupun ada banyak masalah.

Jadi, sebab itu saya kata saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat sebab kita pun harus ingat walaupun kita mengamalkan demokrasi tetapi sering kita dengar demokrasi terpimpin, kita tidak boleh terima demokrasi ala-barat 100%. Apabila kita terjemah *human rights* atau hak asasi manusia sebagaimana *United Nations*, kita terima pada asasnya tetapi kita juga kena berpandukan, berpaksikan kepada budaya kita. Kita, sebagai orang Islam – macam orang Islam, saya tengok pula dari segi sudut pandangan agama Islam dari segi hak asasi.

Jadi, banyak perkara tidak boleh terima secara total, secara terbuka dan kalau ini terjadi sudah pada tentu negara kita tidak boleh *survive* ataupun maju, aman, kuat dan stabil seperti yang kita lihat sekarang ini. Oleh sebab itu kita kena berterima kasih Yang Berhormat, kepada pemimpin-pemimpin kita dahulu. Pemimpin-pemimpin kita dahulu termasuk Allahyarham Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang mengetuai rundingan untuk mendapat kemerdekaan, berunding sehingga melalui apa yang dikatakan '*Jus Soli*' yang menghasilkan asas Perlembagaan negara kita, yang banyak orang tidak sedar ia sama, seakan dengan Piagam Madinah.

Piagam Madinah yang dianjurkan oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW suatu ketika dahulu, waktu hendak menubuhkan sesebuah negara Islam maka diadakan perjanjian dengan kaum bukan Islam di bumi Madinah. Pada waktu itu, di mana ditegakkan suatu keadilan untuk semua pihak dalam konteks kepentingan Islam sebagai agama Allah dan pada masa yang sama untuk kepentingan orang bukan Islam maka diadakan perjanjian yang menghasilkan Piagam Madinah itu. Jadi, sama yang saya lihat apa yang dicapai untuk negara kita tahun 1957 dahulu. Itu yang kita selamat, *alhamdulillah* diberkati usaha-usaha ini cuma sekarang ini saya kata kita lihat banyak pihak yang cuba hendak porak-peranda perkara-perkara asas ini kerana kepentingan politik.

Tuan Yang di-Pertua, kembali kepada Akta Timbang Tara ini, saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat, memang saya menyokong sungguh-sungguh kerana selama ini sebarang pertikaian bersabit dengan soal perdagangan dibawa ke Mahkamah Sivil dan mengambil masa begitu panjang, berpuluh-puluh tahun.

■1630

Sampai 20, 30 tahun tidak ada penyelesaian. Saya malas sebutlah kes-kes tapi kalau saya boleh sebut di sini - kalau Yang Berhormat tengok banyak kes-kes berlarut begitu lama

sekali. Jadi kita harap apabila ada mahkamah timbang tara ini yang dapat memberi keadilan dan jaminan, kepuasan kepada semua pihak yang – kalau ada berlaku pertikaian, *breach of contract* contohnya supaya dapat dipercepatkan dan keadilan itu di wakili oleh semua pihak. Dia bukan maknanya kalau kita lihat kalau kes *breach of contract* antara swasta dengan pihak kerajaan.

Saya bukan hendak mempertikaikan keputusan mahkamah itu hak mahkamah. Cuma saya kadang-kadang naik hairan juga banyak sangat dia condong kepada pihak kerajaan contohnya. Kalau ada pun satu, dua kes dimenangi oleh pihak swasta. Apabila dimenangi dibawa pula ke Mahkamah Rayuan, Mahkamah Persekutuan mengambil masa yang begitu lama *at the end of the day* mereka tidak berjaya. Bukan bererti hendak beri jaminan pihak swasta berjaya tidak tetapi saya bercakap soal sudut keadilan. Jadi kalau ada melalui Akta Timbang Tara ini saya berharaplah isu-isu yang selama ini kita lihat tertangguh begitu lama untuk mendapat keadilan yang saksama dapat disempurnakan dengan sebaik mungkin.

Rakyat pula tidak mudah menimbulkan apa-apa masalah dengan membuat pentafsiran masing-masing kerana sekarang ini dunia teknologi maklumat. Belum kes dibicarakan tidak kira apalah di bawah timbang tara kah, Mahkamah Sivil kah, Mahkamah Syariah kah belum apa-apa lagi *blogger* sudah tulis, mereka pun sudah naik muat turun dalam *Facebook*, dalam *Twitter*. Masing-masing sudah mengendalikan kes masing-masing dengan pandangan masing-masing. Jadi ini yang timbul banyak kekeliruannya. Nampak?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Apa pandangan – terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat kalau ada orang yang tertuduh menggunakan *Twitter* untuk membuat ulasan selari, langsung daripada mahkamah. Apakah ini adalah – Yang Berhormat adalah seorang *lawyer*. Apakah ini adalah sebahagian daripada yang boleh diterima oleh mahkamah atau ini adalah *contempt of court*?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas]:** Memang kalau itu berlaku Yang Berhormat. Memang tidak patut. Amat tidak patut dan tidak patut berlaku. Memang *contempt of court*. Bukan sahaja *Twitter*. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, saya dengar ceramah politik. Saya dengar ini *live*. Dengar bagaimana pihak-pihak tertentu mengulas perbicaraan yang sedang berlaku di mahkamah. Memang kalau saya tidak tahu macam mana pelaksanaan undang-undang saya tidak tahu. *Who is responsible?* Kalau macam itu saya hendak tanya Yang Berhormat. Kalau kes itu sedang berlaku di mahkamah kah timbang tara sedang berjalan maka satu hari, satu malam kah, satu petang kah, satu pagi ada forum, ada wacana, ada diskusi, ada ceramah. Mereka mengulas, mengulas dengan terang-terang mengutuk pula hakim, mengutuk pihak berkuasa dengan terus terang.

Jadi apakah – tidakkah dari segi undang-undang kita *that and then* pada saat itu juga polis boleh bertindak dan menangkap yang duduk bercakap yang kita kira ini memang jelas dari segi *contempt of court*. Ataupun hendak menunggu arahan daripada mahkamah untuk bertindak dan kalau hendak menunggu arahan maka mesti ada pula laporan. Kalau buat laporan hendak

tunggu pula siasatan. Jadi akhirnya ke mana kita sudahnya dari segi penguatkuasaan sebarang undang-undang. Ini yang sedang berlaku.

Samalah juga Yang Berhormat dari Kota Belud ini. Baru ini saya baca kenyataan apabila ada pihak menulis dalam *'My Twitter'* dan kita anggap sebagai sesuatu yang boleh menimbulkan hasutan maka pegawai Bukit Aman ada sebut *'Ini kalau ada laporan-laporan polis baru kita siasat'*. Ini saya rasa tidak betul. Mesti kena siasat apabila berlaku sahaja kena siasat terus dan ada laporan, ada kes kena ada laporan polis. Ada kes kalau sudah tahu sudah kalau di pantau sepanjang masa maka kalau kita hendak bertindak cepat kena bertindak tidak payah tunggu laporan polis.

Sama juga dengan *contempt of court* ini. Saya dengar sendiri memang dahsyat. Saya kira inilah kebebasan Malaysia ini sudah bebas lebih hebat lebih daripada Amerika kebebasan negara kita. Dari segi sudut kebebasan, kalau Tuan Yang di-Pertua negara yang mengamalkan demokrasi yang *absolute* demokrasi macam Amerika, macam India ataupun mana negara saya tidak tahulah. Tentu sudah diambil tindakan.

Ini dalam *Twitter*, dalam portal memang tidak boleh kawallah. Macam-macam perkara timbul yang menghina agama Islam macam-macam tetapi yang saya bangkit ini, penceramah ini ulas perbicaraan terutamanya perbicaraan kes yang melibatkan Ketua Pembangkang. Di ulasnya jadi saya nampak tidak ada sudah kebebasan yang begitu hebat hendak di banding Malaysia dengan negara lain. Kalau kes mahkamah seumpama ini bicara di Singapura huh! Barulah tahu langit tinggi ataupun rendah kalau di Amerika. Akan tetapi, di sini mereka bebas sebeb-bebasnya tetapi masih juga mengatakan kita tidak ada kebebasan. Masih juga mengatakan di sini terhad, dikawal dan sebagainya. Manakala pelaksanaan undang-undang kita gagal.

Jadi sebab itu kalau apa pun undang-undang kita buat kalau ini terus berlaku saya rasa ia tidak akan memberi kesan yang baik. Maka sebab itulah paling asasnya saya katakan tadi saya ambil kesempatan di waktu membahas akta ini timbang tara ini hendak minta. Contohnya Tuan Yang di-Pertua kalau bolehlah, boleh kalau boleh dalam media sekarang ini termasuk media elektronik ada laporan macam RTM lapor sesi Parlimen, ada keluar berita sesi soal jawab. Saya minta kalau bolehlah setiap rang undang-undang yang di bentang akta dia ada sesi dua, tiga kali jangan sekali.

Pakar-pakar muncul dalam forum di TV membuat ulasan, memberi penerangan supaya rakyat memahami sebab undang-undang ini tidak senang untuk kita fahami, tidak senang. Jadi kalau tidak mereka tidak faham. Jadi sebab itu penting sangat kita mendidik rakyat kita supaya bukan sahaja memahami, menghayati setiap undang-undang yang kita lulus.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu lebih, tidak mahu menyentuh lebih panjang lagi sebab saya tengok akta ini memang kemas, *alhamdulillah* apatah lagi untuk diselaras dengan *United Nations Commission on International Trade Law*. Jadi ianya begitu kemas cuma tinggal lagi soal pelaksanaan terutamanya ahli-ahli panel yang hendak dilantik dalam timbang tara nanti. Biarlah lantik mereka-mereka yang betul-betul berkelayakan yang betul-betul ada

integriti. Kalau berkelayakan tidak ada integriti pun tidak boleh. Kata dia lulus PhD, dia ada PhD *in law* sekalipun tetapi kalau dia tidak ada integriti orang tidak boleh terima. Yang penting integriti dulu, integriti, moral ini kriteria yang pertama. Kedua, barulah kelulusan dan pengalaman inilah anggota timbang tara yang saya percaya boleh mengangkat martabat timbang tara negara kita untuk dihormati dan boleh menarik pihak-pihak luar untuk mendapat keadilan timbang tara di negara kita di Malaysia ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Gading bangun ke Yang Berhormat Sri Gading?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tidak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Oh tidak. Yang Berhormat Kota Belud selepas itu Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Menteri boleh menjawab selepas Yang Berhormat Balik Pulau.

#### 4.39 ptg.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mempunyai satu item dalam yang ingin saya bincangkan dalam Rang Undang-undang Timbang Tara (Pindaan) 2010 ini. Saya memuji tindakan kerajaan untuk memperkemas lagi Akta Timbang Tara 2005 dengan membuat pindaan pada tahun 2010 untuk tahun 2010. Cuma Tuan Yang di-Pertua saya ingin bertanyakan kepada kementerian tentang skop akta ini. Apakah ianya melibatkan juga saya tahu ia melibatkan perdagangan tetapi dalam industri maritim. Industri maritim Tuan Yang di-Pertua adalah sebuah industri yang melangkaui batasan negara ataupun *national boundaries*.

#### ■1640

Buat masa ini, banyak perjanjian perdagangan agen dan sebagainya ditandatangani oleh pihak syarikat daripada Malaysia bersama dengan rakan-rakan mereka daripada luar negara daripada Singapura, Indonesia ataupun daripada rakan-rakan di Malaysia sendiri tetapi akan memasukkan klausa di dalam perjanjian itu bahawa Mahkamah Timbang Taranya akan diletakkan di London ataupun di Singapura. Ini dalam maritim Tuan Yang di-Pertua.

Saya tidak tahu apa masalahnya, tetapi saya boleh buat satu kesimpulan bahawa mungkin di Malaysia ini undang-undang ataupun Mahkamah Timbang Tara yang menghakimi kes-kes yang melibatkan maritim ini tidak begitu kompeten buat masa ini dan saya harap bahawa akta ini akan dapat memperkukuhkannya. Tambahan lagi Tuan Yang di-Pertua perbalahan mengenai isu-isu maritim ini selalunya melibatkan banyak pihak.

Saya beri contoh, kalau sebuah kapal milik orang Malaysia melanggar di China sudah tentu pihak yang terlibat adalah pihak berkuasa negara China dan kalau jeti itu pula dipunyai oleh *provincial government*, maka pihak itu juga akan terlibat di dalam permasalahan ini. Kemudian selalunya akan melanggar dengan kapal yang dipunyai oleh pemilik yang datang daripada negara yang lain, daripada Singapura contohnya. Kemudian kapal Malaysia ini pula mempunyai

syarikat insurans yang mungkin datang daripada England yang kawan satu lagi ini datang daripada Perancis contoh syarikat insuransnya dan peguam masing-masing akan datang daripada berbagai-bagai tempat.

Maka apa yang terjadi ialah syarikat Malaysia ini tadi akan cuba menggunakan sistem kehakiman timbang tara yang ada di negara seperti Singapura yang memang terkenal dengan undang-undang maritim yang begitu canggih dan kadang-kadang ada yang meletakkan London sebagai tempat perbicaraannya, walaupun seperti mana yang saya katakan tadi pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian itu adalah syarikat-syarikat yang berpangkalan di Malaysia.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah, apakah akta ini akan merangkumi dan memasukkan bidang maritim ini di dalam skopnya dan kebimbangan saya Yang Berhormat Menteri ialah walaupun mungkin termasuk dalam skop akta ini, undang-undang maritim negara kita yang akan digunakan oleh Mahkamah Timbang Tara ini belum begitu kukuh dan mantap lagi. Jika undang-undang itu sendiri belum mantap lagi bagaimana mungkin Mahkamah Timbang Tara ini akan dapat membuat keputusan yang berdasarkan undang-undang yang cekap dan kukuh berdasarkan *international best practice* dan sebagainya. Jadi ini satu isu yang mungkin perlu difikirkan oleh kementerian dan Yang Berhormat Menteri.

Kedua, kalau perbalahan dalam isu-isu maritim ini memang termaktub di dalam akta ini dan satu lagi mungkin kelemahan kita ialah peguam-peguam maritim kita yang tidak mempunyai kepakaran. Saya masih ingat lagi satu insiden di mana sebuah kapal yang dipunyai oleh Yayasan Sabah berlanggar dan kita penat mencari sebuah firma peguam yang mahir dalam maritim di negara kita ini dan hampir tidak ada. Jadi kalau isu ini ada di dalam akta tersebut, adakah kita sudah bersedia dari segi satunya memang undang-undang maritim kita ini sudah cukup baik. Kedua, peguam-peguam yang akan mengadili ataupun yang akan terlibat di dalam proses timbang tara ini, apakah kita sudah mempunyai sekumpulan *lawyers* yang kompeten dan berkualiti yang mempunyai kemampuan untuk melibatkan diri dalam proses timbang tara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang penting kerana dalam industri maritim, timbang tara ini begitu penting sekali kerana banyak pertikaian yang mungkin memakan masa yang begitu panjang seperti mana yang diperkatakan tadi oleh Yang Berhormat Pasir Mas menggunakan proses mahkamah biasa, kerana ia melibatkan banyak isu dan pihak daripada berbagai-bagai negara. Jadi saya minta pandangan Yang Berhormat Menteri dalam isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

#### **4.45 ptg.**

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Timbang Tara. Timbang hanya boleh adil kalau ia tidak senget, betul Yang Berhormat Sri Gading? Yang Berhormat Menteri, ramai tadi teman-teman ketika berbahas dalam segi apa pun juga memfokuskan isu yang saya rasa perlu penjelasan di peringkat dasar ini ialah isu keyakinan terhadap sistem timbang tara yang diperkenalkan.

Yang Berhormat Menteri, kita tahu sesebuah negara mempunyai sistem perundangan, Perlembagaan memperuntukkan mahkamah sebagai satu sistem, timbang tara sebagai satu sistem tambahan ataupun sokongan. Apabila saya kata begitu saya mahu penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana apa yang diminta di sini ialah satu perkara yang mungkin akan sedikit mengubah corak struktur rejim perundangan yang sedia ada, iaitu terutama apabila ia memohon untuk menghadkan campur tangan mahkamah.

Perkataan di sini digunakan "campur tangan" dan saya rasa kurang tepat. Mana mungkin kerana minggu lepas kita berbicara mengenai *International Criminal Court (ICC)* di situ banyak lagi contoh-contoh yang menunjukkan apabila berbicara mengenai bidang kuasa ada yang bersifat dipanggil *compliment*, ada yang bersifat sebagai menyumbang dan ada yang bersifat kalau di peringkat bawah tidak boleh kita akan rayu kepada peringkat atas. Jika sekiranya di peringkat ini ia memohon untuk menghadkan campur tangan, saya khuatir sekiranya, terutama sekali apabila isu keyakinan tidak dapat diselesaikan saya rasa keluh kesah pihak-pihak yang terlibat akan tidak lagi punya ruang untuk menyelesaikan lagi keresahan mereka.

Saya rasa Mahkamah Tinggi setakat ini perlu diberi ruang, walaupun sering kali saya sebutkan di sini pada kawan-kawan, apabila Dewan yang mulia ini juga mengambil kuasa Mahkamah Tinggi satu ketika yang ada untuk kita panggil dengan izin, *judicial review*. Kuasa-kuasa *judicial review* itu pun saya rasa sudah satu tempelak kepada satu sistem kerana mahkamah sentiasa dianggap sebagai tunggak apa yang dikatakan *pilar democracy* sesebuah negara itu, sebab negara hukum dan tunggak keadilan.

Di peringkat ini Yang Berhormat Menteri, saya mohon penjelasan perkara tersebut. Di dalam menjelaskan isu keyakinan juga ini Yang Berhormat Menteri, saya secara statistiknya, saya mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini berapa banyak penambahan kes-kes timbang tara atau ruang lain dipanggil arbitrase dan sebagainya semenjak ia diperkenalkan dan diiktiraf dalam negara ini sehingga sekarang.

Ini penting Yang Berhormat Menteri kerana ini secara langsung akan sedikit sebanyak menjawab terhadap setakat mana keyakinan pengguna-pengguna baik yang di dalam ruang tadi dikatakan bidang *construction* atau pembangunannya, dan di sini saya berterima kasih kepada kerajaan kerana memperkenalkan juga arbitrase mengiktiraf terutama dalam perkara-perkara melibatkan perbankan Islam. Akan tetapi isunya di sini kalau jumlahnya menurun saya rasa itu ada tempelaknya dalam isu keyakinan. Jika tinggi jumlahnya Yang Berhormat Menteri persoalannya pula berapa jumlah – ini penting juga Yang Berhormat Menteri, berapa jumlah mereka yang daripada luar negara kerana ia juga secara tidak langsung menjawab isu-isu keyakinan yang dibangkitkan oleh teman-teman tadi walaupun yang dibangkitkan tadi isu-isu *common sense*, isu undang-undang Amerika, *double standard* dan sebagainya.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri saya Balik Pulau yakin kalau pendekatan yang dipanggil universal sikap timbang tara kita ini seperti yang cuba dikaitkan dengan izin, United Nations Commissions on International Trade Law (UNCITRAL) ini – saya rasa ini satu

pendekatan yang baik, kerana sedikit sebanyak kita boleh menumpang pengiktirafan undang-undang itu dan dibawa ke Malaysia apatah lagi sekiranya dengan komitmen yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri pastikan pengurusannya dan keefisienannya juga terserlah, saya yakin pelabur akan datang dan yang untung ialah negara.

■1650

Yang Berhormat Menteri, ini soalan spesifik – saya cakap dari awal – tetapi soalan dasar juga kerana akan merujuk kepada aspek keyakinan. Saya difahamkan *Kuala Lumpur Center Arbitrations* itu sendiri mengalami masalah sumber manusia dalamannya. Ada memorandum. *Manager* nya hantar, tidak puas hati dengan pengarah baru, pengarah baru bawa – saya tahu isu ini secara detil. Memorandum ada pada saya.

Akan tetapi saya mahu Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan ini kerana ia akan melibatkan keyakinan. Kalau kita panggil rumah tangga kucar kacir, macam mana orang hendak datang? Ini kerana, orang yang sama akan mengatakan pengarah ini tidak melakukan kerja baik dan saya rasa ini perlu kerana kita berhadapan dengan pengarah yang baru dilantik. Itu faktanya Yang Berhormat Menteri. Saya setakat ini mempunyai keyakinan kerana saya tahu pengarah yang baru ini mempunyai latar belakang dan penglibatan dalam arbitrasinya agak terserlah – penulis buku dan sebagainya. Tidak perlu namanya disebut. Akan tetapi persoalannya, tolong jelaskan, kalau timbang tara di pihak dalaman tidak diselesaikan dengan baik, mana mungkin dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Menteri, kita tahu juga pilihan untuk menggunakan timbang tara ialah satu pilihan yang bukan diwajibkan iaitu terpulang kepada pihak-pihak yang terlibat, tetapi isunya ini ialah faktor menarik dan faktor menolak. Saya mohon Yang Berhormat Menteri agar menjelaskan kepada Dewan ini, apakah faktor-faktor yang menolak ataupun kurang menarik perhatian pengusaha-pengusaha yang mempunyai masalah pertikaian untuk masuk ke dalam ruang menggunakan timbang tara ini?

Saya juga memohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa sehingga hari ini tidak ada – seperti yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, kita panggil Timbang Tara Nasional, dan barang diingat, *Kuala Lumpur Centre Arbitration* ini ialah satu usaha yang bukan usaha nasional tetapi usaha kebangsaan. Ia adalah satu usaha melalui penggunaan agensi antarabangsa yang dikatakan di sini AALCO itu. Akan tetapi terima kasih kerana AALCO juga orang Malaysia yang di antara kepimpinannya yang berpusat di New Delhi itu.

Akan tetapi persoalannya di sini Yang Berhormat Menteri, kenapa agenda itu tidak agenda nasional? Itu satu. Ini kerana, pada pandangan saya, ia punya satu potensi yang besar. Di dalam bersaing di antara pusat-pusat arbitrase, kita tahu Singapura dan Hong Kong melangkah amat jauh, hatta dari segi aspek sumber manusianya juga seperti yang dikatakan tadi dari segi peguam-peguam yang layak – tetapi yang saya katakan tadi saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud kerana kalau dia kata tidak ada peguam, di Malaysia ada ramai yang pengkhususannya terhadap isu-isu perkapalan dan terlibat di dalam kerja arbitrase.

Di peringkat ini juga Yang Berhormat Menteri, saya mohon diberikan penjelasan sejauh mana kita memanfaatkan hakim-hakim yang bersara ini? Ini kerana saya tahu sejarah Pusat Arbitrasi Kuala Lumpur ini diwujudkan oleh tokoh-tokoh hebat seperti Dr. Zakaria Yatim, mantan Yang Arif dan juga diikuti dengan ramai teman-teman Yang Arif-Yang Arif yang lain seperti Datuk Syed Aidid dan sekarang ini juga kita mengambil orang daripada industri, orang daripada bidang pembangunan ataupun *construction* untuk menjadi pimpinan di situ. Akan tetapi saya rasa sejauh mana ia kita manfaatkan hakim-hakim, kerana saya melihat pada pandangan saya, pengalaman hakim-hakim ini yang juga punya pengalaman dalam aspek adjudikasi boleh dimanfaatkan.

Saya juga ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, setakat ini secara dasarnya, bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat isu-isu seperti isu keluarga, *family law*, *family dispute*? Ini kerana ada kertas cadangan – saya ingat lagi seawal 90-an – daripada pakar-pakar undang-undang keluarga mengatakan bahawa timbang tara juga merupakan satu pendekatan yang baik dalam menyelesaikan isu-isu keluarga, kerana isu keluarga dengan izin, *it is not only a legalistic matter*, ia melibatkan psikologi. Alangkah baik kalau di dalam aspek keluarga juga tersebut – timbang tara yang kita tahu tidak semestinya seorang *arbitrator*, mungkin lebih, yang mana akan diwakili oleh mereka yang daripada pelbagai kepakaran yang akhirnya akan memberikan satu keputusan yang boleh diterima oleh kedua-dua belah pihak. Itu dari aspek keluarga.

Yang kedua saya juga ingin bertanyakan Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah Yang Berhormat Menteri melihat isu-isu baru seperti harta intelek? Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana mempunyai komitmen mewujudkan mahkamah khusus untuk harta intelek, dan mahkamah rasuah untuk kes-kes rasuah. Akan tetapi pada masa yang sama juga, saya melihat isu-isu seperti harta intelek ini juga saya rasa perlu diberi penekanan dari segi aspek timbang tara, terutama seiring dengan agenda besar negara di dalam agenda membangkitkan negara ini sebagai Negara Inovasi yang akan membawa tarikan daripada pelabur-pelabur luar dan dalam, dalam aspek-aspek teknologi dan juga aspek penciptaan.

Di sini juga saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri agar dapat meyakinkan industri-industri seperti industri-industri seni contohnya. Yang Berhormat Menteri, pengalaman mengendalikan beberapa kes kadang-kadang banyak isu-isu yang kita boleh yakinkan, contohnya persatuan-persatuan. Saya yakin di sini kenapa persatuan *construction industry* ini memberikan komitmen terhadap arbitrasi dengan baik kerana mungkin berlaku apa yang kita panggil kempen dan program yang lebih teratur. Bayangkan kalau perkara yang sama berlaku di dalam dunia industri hiburan contohnya – *production house*, artis, pelakon dan sebagainya – yang mempunyai masalah dengan industri mereka, mereka juga akan dapat menggunakannya dan ia juga lebih cepat.

Akhir sekali Yang Berhormat Menteri, saya juga memohon Yang Berhormat Menteri di peringkat dasar ini menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, sejauh manakah Malaysia menjadikan agenda arbitrasi atau timbang tara ini sebagai satu agenda yang besar? Ini kerana

saya melihat – di sini saya ada sedikit persamaan dengan teman-teman sebelum ini – untuk mempromosikan agenda timbang tara ini kepada masyarakat saya lihat agak lemah dan saya rasa hari ini dengan terbentuknya di bawah kepimpinan sekarang dipanggil dengan izin, *Legal Aid Foundation*, walaupun tujuannya agak terhad kepada bantuan guaman, tetapi saya rasa agak baik untuk juga diperuntukkan di dalam kerja-kerja literasi perundangan ini. Ini kerana seperti yang dikatakan lagi, keyakinan yang ingin ditanam ialah bukan keyakinan kerajaan terhadap sistem, sebaliknya keyakinannya ialah keyakinan rakyat terhadap sistem. Itu yang sebenarnya yang cuba dibahaskan oleh rakan-rakan tadi. Lima puluh tahun sistem perundangan dibina, undang-undang makin bertambah tetapi kenapa keyakinannya makin merosot?

Saya tidak mahu masuk kepada ruang-ruang yang dikatakan tadi kenapa kes berjalan tetapi mereka mengulas, isu penghinaan mahkamah. Saya tidak mahu masuk kerana itu tidak semudah seperti yang dikatakan, ia lebih daripada itu. Ini kerana jika dikatakan tadi di Amerika itu dikatakan kebebasannya tetapi tidak sebegininya di Malaysia, di sana kita tahu kes-kes O.J. Simpson, kes Michael Jackson, hatta di UK, Hutton Inquiry dan segala-galanya, itu dilakukan secara langsung, *live*. Jadi, isu yang dikatakan *Tweeter* apa semua itu – saya tidak masuk ruang itu kerana itu merujuk kepada perbahasan yang lebih panjang. Akan tetapi, ia tidak semudah itu.

Saya di sini juga dengan yakin ingin menempelak mereka-mereka yang mengatakan bahawa agenda hak asasi manusia ini berbeza, kita punya acuan sendiri, kita punya ini berbeza. Saya kata hendak bezakan macam kalau sebenarnya yang diketengahkan yang pertama sekali, pastikan hakim-hakim yang dilantik itu bebas, sistemnya tidak ada seperti yang ditempelak di dalam kes V.K. Lingam. Kalau dikatakan dari segi pendekatan KPI nya itu, jelas dari segi perjalanan *backlog cases* nya jelas tetapi bukan untuk kes-kes tertentu tetapi biarlah semua kes. Jangan kes-kes yang melibatkan tertentu, tarikh tidak keluar.

Jadi perkara-perkara begini Yang Berhormat Menteri, saya yakin Yang Berhormat Menteri boleh memahami apa yang saya sebutkan di sini. Cabaran yang sebenarnya bukanlah pindaan undang-undang, cabaran yang sebenarnya bukanlah satu kompleks kehakiman yang besar, cabaran timbang tara ini walaupun saya katakan Yang Berhormat Menteri, *Kuala Lumpur Centre Arbitration* itu ialah bangunan pinjaman yang kecil – sebab itu saya bertanyakan komitmen Yang Berhormat Menteri – kalau komitmennya besar, kita memerlukan satu pusat yang lebih besar. Ini bergantung kepada penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Kalau Yang Berhormat Menteri meyakinkan Dewan yang mulia ini bahawa keyakinan pelabur untuk datang ke sini ada, tidak akan timbul kenapa perbalahan di antara syarikat Malaysia dan syarikat luar, kita pilih Singapura sebagai arbitrasinya. Saya rasa tidak guna kita pinda undang-undang di sini. Kita akan ditertawakan.

Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengatakan di sini sebenarnya cabaran arbitrase ini adalah cabaran keyakinan dan *insya-Allah*, keyakinan akan timbul sekiranya kita memastikan ada wibawa yang dilantik, ada keefisienan di dalam pengurusan, ada yang lebih penting di sini

ialah literasi keyakinan terhadap pihak-pihak pengusaha dan juga pihak-pihak rakyat supaya melihat ini sebagai satu medium untuk menyelesaikan masalah.

■1700

Ini kerana Yang Berhormat Menteri, saya yakin di Malaysia perkara ini mudah dilakukan kerana dari segi perundangan Islam pun ada hakam, ada sebagainya yang memang terkenal, yang memang sudah terserlah dari aspek mediasi tanpa pergi ke mahkamah. Perkara itu senang hendak dijual, hendak dipromosikan dan tambah lagi pula dari segi kekangan di dalam komersial orang suka kalau perkara tersebut dapat diselesaikan dengan cepat.

Akan tetapi persoalannya *boss now in our court*. Apa sebenarnya masalahnya. Adakah masalahnya masalah undang-undang atau masalahnya masalah keyakinan terutama sekali hari ini apabila sistem keadilan kita tersangat-sangat dicuba apabila banyak kes yang bagi saya setengah peguam punya *track record* yang baik, komersial akan tetapi isu-isu hak asasi manusia, isu-isu politik dan sebagainya itu juga agak kurang menyerlah.

Isunya apa? Isu undang-undang, isu pengamal ataupun isu sumber. Saya rasa Menteri perlukan penjelasan Dewan ini untuk kita sama-sama mengangkat agenda arbitrase sebagai agenda nasional yang boleh kita banggakan negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

5.01 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana telah pun memberi pandangan, peranan, nasihat dan juga teguran mengenai rang undang-undang yang saya telah pun membahaskan tadi.

Walau bagaimanapun saya akan menjawab soalan-soalan ataupun isu-isu yang telah pun dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang relevan dengan akta yang dipindahkan ini. Yang Berhormat Telok Intan dan juga yang sebenarnya Yang Berhormat daripada Balik Pulau telah pun bertanya mengenai isu memotong kuasa yang sedia ada kepada mahkamah ataupun mengehendkan kuasa mahkamah dengan pindaan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat dan juga Dewan yang mulia ini pindaan yang dilakukan ini bukanlah untuk memotong ataupun menyekat kuasa sedia ada mahkamah. Akan tetapi pindaan ini merupakan proses tapisan untuk mengelakkan pihak-pihak yang membuat permohonan yang remeh temeh ataupun kadang kala membuatkan permohonan injunksi ke mahkamah untuk memberhentikan prosiding dalam *arbitration* ataupun *on the toys of the sit*, kadang kala.

Sehubungan dengan itu, masa dan juga kos mahkamah dapat dijimatkan. Dalam kaedah tertentu mahkamah boleh campur tangan contohnya dengan izin, *the stair of proceedings* dan juga memberikan *interim measures* yang diperuntukkan di bawah seksyen 11 Akta *Arbitration* ini

yang memberikan *interim measures* seperti *security for cost* dengan izin, dan juga *discovery of document* dan juga *interrogatories*.

Selain daripada itu juga membeli keterangan secara affidavit. Pada masa yang sama mahkamah juga boleh memberi *interim measures* seperti memberikan perintah to *secure the amount in dispute* dengan izin, dan juga to *preserve the preservation* ataupun *interim custody* dengan izin, *the sell of any property...*

**Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]:** [Bangun]

**Datuk Liew Vui Keong:** Yang menjadi subjek *matter of the dispute*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Bagi jalan Yang Berhormat.

**Tuan Mohd Yusmadi Mohd Yusoff [Balik Pulau]:** Minta sikit Menteri. Sikit sahaja, sedikit Menteri. Saya rasa Menteri saya memerlukan penjelasan lanjut sedikit kerana timbang tara bermula dengan pilihan kedua pihak. Itu asasnya. Maksudnya bukan dipaksa oleh mana-mana pihak. Ia bermula dengan satu dikatakan dengan pendekatan ataupun kesukarelaan yang akan diketatkan. Persoalan saya di sini apabila dipinta secara *statutory* bahawa mahkamah tidak boleh campur, kedua-dua pihak itu akan terikat secara *statutory*.

Ini berbeza dengan pada pandangan saya peringkat ini kalau kita tidak ada peruntukan ini mungkin di peringkat awal secara kontrak di antara secara *contractual* di antara pihak-pihak yang mahu bahawa kita perlu terima bahawa apa-apa sahaja keputusan di sini ialah *conclusive* contohnya. Letakkan perkara itu. Ini kerana saya khawatir ia akan mengubah dengan izin, *character the very nature* perkara itu bermula.

Saya boleh memahami keperluan yang Menteri katakan tadi dalam ruang-ruang lain setelah interim diberikan. Akan tetapi persoalan saya ini apabila dikatakan mahkamah tidak campur tangan saya sebenarnya cuba mencari perkataan lain, kerana bagi saya perkataan campur tangan ini bila mahkamah tidak boleh campur tangan ini menggambarkan satu, *I mean philosophy of lawnya* itu akan hilang. Mana boleh mahkamah tidak boleh campur tangan. Bagi saya mungkin itu pakar bahasa yang boleh menentukan, mungkin ada bahasa. Bila kata mahkamah tidak boleh campur tangan, mana ada ruang lain, siapa lagi boleh campur tangan. *I mean* persoalannya secara falsafahnya rakyat ini ataupun pihak-pihak ini apa lagi *safeguardnya* itu.

Itu persoalannya. Jadi mungkin ada perkataan- sebab saya tertarik dengan apa yang digunakan ketika perbahasan ICC baru-baru ini. Bahasa-bahasa lain. bukan campur tangan. Ia macam bunyi *complimentary* – macam benda-benda yang lain. Ia bersifat saling membantu. Ini kerana saya yakin timbang tara ini ia menyokong sistem mahkamah yang sedia ada. Ia bukan satu sistem berasingan yang akan wujud secara berasingan. Jadi, pada pandangan saya kita perlukan lagi satu istilah-istilah yang lebih menggambarkan kedudukan sistem perundangan kita yang sebenar.

**Datuk Liew Vui Keong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada pandangan Yang Berhormat daripada Balik Pulau. Sememangnya perkataan yang telah pun digunakan dalam

bahasa Inggeris adalah *interference*. Jadi saya rasa dalam bahasa kebangsaan kita pegawai-pegawai telah pun menggunakan perkataan campur tangan. Akan tetapi di dalam keadaan yang tertentu seperti yang saya katakan tadi mahkamah memang ada bidang kuasa untuk bercampur tangan dalam memberikan *interim measure* yang saya sebutkan tadi.

Saya setuju dengan kata pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa parti-parti dalam perkara ini ada pilihan untuk menentukan *the sit of choice* di mana mereka untuk menyelesaikan masalah mereka secara timbang tara. Yang Berhormat Telok Intan telah pun membangkitkan sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa sekiranya proses timbang tara dilakukan di luar Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Telok Intan, mahkamah mempunyai bidang kuasa sekiranya proses timbang tara dilakukan di Malaysia kerana seksyen 39 akta ini mempunyai bidang kuasa untuk mengiktiraf dan menguatkuasakan award yang dibuatkan di luar Malaysia. Ini walau bagaimanapun...

**Tuan M.Manogaran [Telok Intan]:** [Bangun]

**Datuk Liew Vui Keong:** Memang tertakluk kepada *requirement*...

**Tuan M.Manogaran [Telok Intan]:** Penjelasan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Yang telah pun *set out in section 39 of this act*. Ya, silakan.

**Tuan M.Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ataupun *concern* saya tadi adalah bukan timbang tara dilakukan di luar negara dan jika mahkamah kita ada bidang kuasa. Maksud saya interim order, perintah interim itu adakah mahkamah kita ada bidang kuasa jika *subject matter* ada di luar bidang kuasa. Itu soalan saya. Bolehkah mahkamah kita memberi perintah interim jika ia melibatkan *subject matter* di luar bidang kuasa iaitu di luar negara kita. Itu soalan saya Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Intan. Seperti yang telah pun ternyata dalam seksyen 11 Akta *Arbitration* ini telah pun mengatakan bahawa pihak parti dalam prosiding ini boleh memohon ke mahkamah untuk mendapatkan *intermeshes* seperti yang telah pun saya nyatakan tadi.

Di sini tidak ada mengatakan ataupun terhadkan bahawa *intermeshes* ini tidak akan *apply* ke luar negara. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Lembah Pantai telah pun bertanya mengenai kes yang disebutkan tadi terutamanya kes mengenai MEASAT kes.

#### ■1710

Dalam kes yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Lembah Pantai, kedua-dua pihak telah pun bersetuju untuk merujuk *dispute* mereka kepada *arbitration* walaupun tiada sebarang perjanjian di antara mereka. Dalam perkara itu mahkamah telah pun memerintahkan pihak-pihak berkenaan untuk mencari jalan secara *arbitration*. Ini menunjukkan bahawa mahkamah boleh dalam keadaan yang tertentu memberikan ruang kepada pihak-pihak yang

berkenaan untuk mencarikan jalan secara timbang tara walaupun perkara itu sudah dalam prosiding mahkamah.

Yang Berhormat Lembah Pantai juga bertanya mengenai pelbagai pusat timbang tara yang berada di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan ini terpakai kepada semua timbang tara di Malaysia yang menyelaraskan semua aktiviti timbang tara di Malaysia. Isu yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Lembah Pantai mengenai PKFZ - Untuk makluman Yang Berhormat, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan mahkamah jadi tidak payahlah menjadi satu isu *sub-judice* sekiranya diterangkan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Hulu Selangor, Tuan Yang di-Pertua, juga telah bertanya mengenai beberapa kes dalam negara ini yang telah pun diselesaikan. Yang Berhormat Balik Pulau juga telah pun bertanya mengenai statistik ini. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa statistik yang diperolehi oleh KLRCA ini menunjukkan pada tahun 2009, kes domestik yang telah pun selesai adalah 11 kes dan kes antarabangsa yang telah pun diselesaikan pada tahun 2009 adalah tiga kes. Manakala pada tahun 2010 - 16 kes domestik telah pun diselesaikan manakala tiga kes antarabangsa telah pun diselesaikan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja penjelasan atas perkara tadi. Kalau kita melihat dari segi aspek antarabangsanya itu agak *stagnant*, 3-3. Bukan itu, tujuan saya itu mungkin dari segi faktanya, kalau sebegitu rupanya ada ataupun tidak lagi kerana di dalam penulisan dikatakan keyakinan di Malaysia kurang, adakah perkara itu punya asas. Bagi saya, kalau ada asas, kita mengambil sikap yang terbuka untuk betulkan kerana saya rasa itu kita tidak boleh nafikan kerana saya yakin antara diruang yang lain kita berbincang mengenai liberalisasi perkhidmatan perundangan, ada dibicarakan untuk ruang-ruang yang tertentu, kita perlukan peluang-peluang daripada luar terutama kes-kes yang melibatkan *shipping, offshore* dan sebagainya kerana kononnya di Malaysia tidak ada perkara itu maka perlu ke Singapura.

Hatta, di Singapura undang-undangnya dipinda untuk arbitrase sahaja supaya dibenarkan peguam-peguam daripada luar datang sebagai *arbitrator*. Saya rasa kita tidak perlu membiarkan perkara ini diambil oleh pesaing kita. Kita anggap jiran tetapi pesaing, kita perlu ambil peluang ini dan saya rasa mungkin di peringkat ini Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu jelaskan apa lagi patut kita buat untuk meyakinkan lagi pihak keputusan antarabangsa untuk menggunakan khidmat kita.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau. Apa yang penting yang kita lakukan pada masa sekarang ini adalah untuk meminda akta ini mengikut *central modern law*. Ini dapat memberikan keyakinan lagi kepada pihak pelabur dan juga mereka yang ingin merujuk Malaysia sebagai *the seat of choice* dalam menyelesaikan isu-isu *dispute* mereka. Buat setakat ini, seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa ini memakan masa untuk warga antarabangsa untuk meyakinkan bahawa Malaysia adalah *the choice* untuk mereka menyelesaikan *dispute* mereka. Akan tetapi seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa

dalam negara kita ini kita mengadakan infrastruktur yang begitu baik sekiranya dibandingkan dengan negara lain dan juga selain daripada itu, kebanyakan warga Malaysia dapat berbahasa dalam bahasa Inggeris yang kita kenali sebagai bahasa *international*.

Sekiranya dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Jadi, sejak tahun 2005 kita telah pun mendapati bahawa ada negara-negara yang lain antarabangsa yang telah pun memilih Malaysia sebagai *the choice of seat*. Jadi, saya rasa kita semua ini memainkan peranan untuk memastikan bahawa mereka itu yakin dengan pilihan di Malaysia ini. Jadi saya rasa Yang Berhormat juga memainkan peranan yang penting jugalah untuk meyakinkan mereka untuk datang ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas juga telah menimbulkan soalan sama ada parti-parti dalam prosiding *arbitration*, sama ada mereka boleh *disclose* kepada orang luar apa yang telah pun berlaku ataupun sedang berlaku dalam prosiding *arbitration* tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, secara *principle of common law*, tidaklah boleh *disclose* kepada orang-orang yang tidak terlibat ataupun ada terlibat berkaitan mengenai apa yang berlaku dalam prosiding timbang tara. Akta 2005 ini tidak memperuntukkan secara khususnya mengenai perkara ini.

Akan tetapi seperti yang dikatakan tadi, *the concept* ataupun *principle of confidentiality* yang terdapat dalam *common law* ini mungkin akan terpakai terhadap sesiapa sahaja yang mengeluarkan ataupun meng*disclose*kan isu-isu yang masih dalam prosiding *arbitration*. Juga biasanya terdapat *confidentiality clause* di antara pihak-pihak berkenaan apabila mereka menandatangani perjanjian. *So, this confidentiality clause is normally found*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *in the agreement where the party enter into an agreement*. Jadi, dalam keadaan begitu sekiranya ada parti-parti yang membongkarkan ataupun *breach of confidentiality*, mungkin dalam keadaan begitu sesuatu tindakan guaman boleh diambil terhadap mereka yang telah pun *breach the confidentiality clause* dalam perjanjian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Belud juga telah pun menyoalkan mengenai klausa bahawa tempat timbang tara di luar negara seperti London dan Singapura dan juga di mana terdapat isu-isu yang melibatkan banyak pihak ataupun negara. Untuk makluman Yang Berhormat Kota Belud, pindaan ini telah membenarkan pihak-pihak pertikai untuk bebas memilih undang-undang substantif untuk menyelesaikan pertikaian seperti yang dinyatakan dalam fasal 6, rang undang-undang ini.

Saya telah pun sebut fasal ini terlebih dahulu dan saya tidak berhasrat untuk mengulangi lagi apa yang telah pun disebutkan dalam fasal 6, rang undang-undang tadi. Mengenai peringkat berkaitan dengan maritim yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat Kota Belud. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, pindaan ini menggalakkan perkara berkaitan maritim ataupun *admiralty proceedings* dirujuk kepada timbang tara seperti yang dinyatakan dalam fasal 4, rang undang-undang dengan ada subseksyen baru iaitu (2A), (2B) dan

juga (2C). Perintah penahanan kapal sebagai sekuriti boleh dibuat semasa perkara tersebut dirujuk kepada timbang tara.

■1720

So, sekuriti masih lagi ada dalam perkara ini walaupun dalam isu maritim, mereka telah pun memilih isu ini diselesaikan melalui timbang tara.

Mengenai isu-isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Balik Pulau mengenai isu harta intelek dan timbang tara dan juga isu-isu seni ataupun artis, *production house* dan juga yang lain-lain, sama ada mereka boleh merujuk menggunakan timbang tara. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kes seumpama ini boleh dirujuk ke timbang tara jika kedua-dua pihak bersetuju.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Sedikit sahaja penjelasan Yang Berhormat Menteri. Industri perkapalan, industri pembangunan nilainya amat besar. Kita tahu kos arbitrase ini agak tinggi sebenarnya. Jadi, saya mencadangkan kepada Menteri di dalam menggalakkan rakyat Malaysia terutama kelompok tadi itu, kelompok seni dan harta intelek ini, saya rasa mungkin satu ruang yang mungkin di atas galakan kerajaan, yang yurannya lebih minimum.

Saya rasa dengan izin, satu pendekatan, penyelesaian kerana saya lihat kes kelompok seni dalam kalangan artis, *production house* dan sebagainya, meningkat. Ini kerana kesedaran terhadap pentingnya harta intelek, nilai harta intelek dan juga daripada segi aspek nilai industri ini semakin berkembang. Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, saya setuju ia boleh. Akan tetapi mungkin ada satu ruang lain, mungkin di peringkat ini, untuk menggalakkan yurannya agak rendah kerana saya rasa mereka tidak mendapat imbuhan seperti mana setinggi industri perkapalan dan juga industri *construction*. Saya rasa mungkin perlukan satu insentif galakan daripada kerajaan.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Itu adalah satu pandangan yang baik dan saya akan ambil maklum. Yang Berhormat Balik Pulau juga ada bertanya mengenai faktor-faktor yang menolak pemain industri untuk timbang tara di Malaysia. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa faktor-faktor akta ini yang masih lagi kurang seragam dan selaras dengan *etc.* sebelum ini yang menyebabkan pemain-pemain industri tidak merujuk pada timbang tara di Malaysia. Namun, dengan pindaan yang pada masa ini, yang kita bincangkan dalam rang undang-undang ini telah mengemas kini Akta Timbang Tara. Ini saya rasa akan dapat mengatasi masalah-masalah tersebut. Saya yakin seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun mengatakan bahawa negara kita ini akan dapat menuju ke arah yang mana negara ini akan menjadi satu *arbitration hub* dalam rantau ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang saya tidak sempat...

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Sebelum Yang Berhormat Menteri – sebab soalan dasar sedikit daripada segi visi tadi.

Saya difahamkan bahawa di peringkat ini, usaha ini masih lagi bukan usaha kebangsaan. *Kuala Lumpur Regional Center for Arbitration* bukan usaha kebangsaan walaupun dikawal selia di bawah kementerian. Saya difahamkan secara pengurusannya kerana memandangkan ada agenda hab arbitrase itu, adakah kerajaan mempunyai visi menjadikan – saya kata mana mungkin menjadi pusat kalau ia tidak diangkat sebagai satu agenda nasional ataupun kerajaan hanya mahu memperkasakan dengan izin, *Kuala Lumpur Regional Center for Arbitration* mungkin daripada segi itu dalam masa singkat ini boleh jelaskan di peringkat dasar sedikit.

**Datuk Liew Vui Keong:** Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kerajaan memang sentiasa untuk memastikan bahawa KLRCA ini menjadi satu hab *international* dengan pindaan yang kita telah pun jalankan ini dan juga dengan akta yang telah pun diadakan pada tahun 2005, daripada akta sebelum itu. Ini menunjukkan bahawa kerajaan amat serius untuk memastikan bahawa Malaysia ini akan terus menjadi satu hab arbitrase di rantau ini.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Datuk Liew Vui Keong:** Mengenai pengarah yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat pada awal tadi, untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat telah pun mengatakan bahawa pengarah itu adalah seorang yang amat *qualified*. Beliau juga merupakan seorang *bar state law* dan juga – maaf, adalah seorang *chartered arbitrator*, juga seorang peguam. Selain daripada itu, beliau mempunyai banyak *qualification* seperti *graduate as a Diploma in Architecture, Diploma in Urban and Regional Planning, MSC in Construction Law and this person is more than qualified to whole as the pengarah in this center*.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Datuk Liew Vui Keong:** Jadi, saya yakin bahawa dalam pimpinan beliau ini, KLRCA akan terus berkembang.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Cuma sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh sebab itu tadi secara permulaannya saya katakan saya tidak mempertikaikan daripada segi kewibawaan, kelayakan. Cuma apabila timbul isu pengurusan sumber manusia di peringkat *center arbitration, manager* nya bergaduh, ini bergaduh, ini *resign*. Hal itu berada di ruang awam. Saya rasa perlu diselesaikan. Rasanya mungkin di peringkat lain.

Cuma yang saya katakan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin Timbalan Menteri – saya sekarang ini merujuk pada *Kuala Lumpur Regional Center for Arbitration website*. Saya rasa konotasinya tidak berapa bagus kerana dikatakan di sini “*There are no national arbitration center in Malaysia. Instead, the Kuala Lumpur regional...*” Ini maksudnya masih lagi betul. Faktanya betul ‘*There is no national center*’. Jadi, soalan saya tadi ialah bilakah kita akan mengadakan *national center*? Berbeza dengan *Kuala Lumpur Regional Center for Arbitration* kerana agendanya besar tadi, sebagai hab arbitrase.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Balik Pulau yang mencadangkan bahawa negara ini mengadakan satu *national center*, selain daripada apa yang

kita ada setakat ini. Ini adalah pandangan yang baik. Saya rasa dengan negara kita menuju ke Wawasan 2020, *I think* ini adalah satu matlamat yang baik dan saya akan ambil maklum.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih dan memberikan salam saya kepada semua. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 10** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Siapakah yang menyokong?

**Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

■1730

**USUL-USUL MENTERI KEWANGAN**

**AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 [AKTA 61]**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini mengikut peruntukan subperenggan 8(3)(a)(iv) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], mengambil ketetapan bersetuju supaya kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) membuat pelaburan dengan memperoleh sejumlah 10,000,000 unit saham biasa DanaInfra Nasional Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Pemerbadanan) pada nilai RM1 bagi satu unit saham.”

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan di bawah seksyen 8(3)(a)(iv), Akta Tatacara Kewangan 1957, "*Wang dalam kedudukan kredit persekutuan dengan mana-mana bank atau selainnya dipegang oleh persekutuan boleh dilaburkan oleh Menteri dengan resolusi Dewan Rakyat*". Sehubungan itu, persetujuan Dewan Rakyat yang mulia ini adalah dipohon bagi membolehkan kerajaan melalui Menteri Kewangan (Pemerbadanan) melabur dalam syarikat DanaInfra Nasional Berhad dengan memperolehi sejumlah 10,000,000 unit saham biasa pada nilai RM1 bagi satu unit saham.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan lagi rangkaian pengangkutan awam di Kuala Lumpur terutamanya di sekitar Lembah Kelang dengan melaksanakan projek MRT berkapasiti tinggi. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya telah bersetuju supaya sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan dengan modal berbayar sebanyak RM10 juta ditubuhkan untuk memperoleh dana bagi membiayai pelaksanaan projek MRT tersebut.

DanaInfra Nasional Berhad berperanan untuk membantu kerajaan dalam memperoleh dana yang mencukupi bagi membiayai projek *Mass Rapid Transit* di kawasan Lembah Kelang melalui terbitan bon atau instrumen-instrumen kewangan lain. Dengan ini perolehan dana akan dibuat secara strategik di pasaran tempatan dan antarabangsa berdasarkan keperluan dan kedudukan pasaran modal semasa. Selain itu DanaInfra Nasional Berhad juga bertanggungjawab merangka struktur bayaran balik yang paling efektif berdasarkan kedudukan fiskal kerajaan untuk terus menjamin kestabilan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

### 5.33 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini memang satu usul yang penting, saya khuatir juga kenapa Ahli-ahli tidak berminat ini dengan *Mass Rapid Transit* dan juga melibatkan pengeluaran bon. Soalan pertama, adakah bon yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan semata-mata dan tidak melibatkan syarikat swasta. Kedua, apakah sistem yang akan digunakan? Sama ada bon ini akan dikeluarkan menggunakan sistem Bank Islam, cara Islam dan sebagainya. Apakah kadar faedah ataupun di dalam Islam tidak disebut faedah, Yang Berhormat Padang Besar tahulah apa yang disebut, bukan faedah, *it's not interest* tetapi cara Islam. Saya berharap Yang Berhormat dapat memberitahu kepada Dewan ini apakah bon ini akan dikeluarkan melalui cara konvensional ataupun cara Islam.

Ini memang pertama kali RM10 juta itu dan adakah pihak kementerian akan mengadakan usul yang baru misalnya tahun depan untuk menambah wang selain daripada RM10 juta apakah

jumlah yang diunjurkan untuk MRT ini di dalam beberapa tahun. Memang MRT ini penting dan saya berharap dapat dijayakan seperti mana kita lihat misalnya di Hong Kong. MRT memang berkesan dan juga di bandar raya yang lain.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, dengan bon untuk MRT ini, bilakah bon ini akan dikeluarkan? Saya berharap dari masa ke semasa laporan itu dapat dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini bukan untuk meminta diluluskan sahaja. Walaupun Yang Berhormat Ledang dia kata dia memang berminat sebagai seorang jurutera, dia memang tahu MRT begitu penting tetapi hari ini saya tidak nampak ada dia berminat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Yang Berhormat Sri Gading tidak payahlah, di Johor mana ada MRT.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Ledang dah faham, Yang Berhormat Kepong keliru.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Cakap macam itu?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak apa, tidak payah komen Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tidak payah komen ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Lepas ini kita pergi Sarawak. *[Ketawa]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Walau bagaimanapun MRT memang penting dan di sini jumlah wang yang akan digunakan untuk MRT dan Kementerian Kewangan adakah satu jawatankuasa khas untuk MRT sebab saya tidak mahu melihat hal seperti berlaku di misalnya di Pelabuhan Kelang boleh berlaku lagi dengan MRT. Bukan sahaja, saya bangkitkan di sini kerana LRT. LRT pada mulanya memang hendak meningkatkan penggunaan pengangkutan awam oleh orang ramai dan sepuluh tahun yang lepas dibina satu LRT tetapi dalam tempoh sepuluh tahun ia berhenti begitu sahaja. Saya takut hal yang sama akan berlaku dengan MRT.

Kalau ini berlaku memang saya tidak boleh terima. *[Disampuk]* Yang Berhormat Sri Gading memang macam itu. Saya pun hendak kembali kepada rumah dan mungkin ke Sarawak tetapi kita mesti membincangkan perkara yang begitu penting.

Yang Berhormat, walaupun ini kena mengena kewangan ini daripada Bachok, daripada negeri Kelantan, saya pun tidak mahu mendesak sangat. Walau bagaimanapun dengan MRT ini, apakah unjuran kementerian? Penggunaan oleh orang ramai kerana kita boleh nampak LRT sekarang bilangan sudah bertambah dengan banyak, itu memang satu gejala yang baik tetapi dengan MRT, apakah unjuran penggunaan oleh orang ramai untuk memasuki bandar raya kita. Sekian, terima kasih.

**5.39 ptg.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**■ 1740**

Oleh kerana minggu lepas, minggu lalu ada soalan tambahan yang berkait dengan isu yang sama di mana kerajaan telah mengemukakan bon – keluaran bon bernilai RM90 bilion untuk tujuan pembiayaan deposit sebagaimana yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. DanaInfra Nasional Berhad dikatakan untuk tujuan permulaannya sepuluh juta unit. Bermakna RM10 juta untuk tujuan pembiayaan projek MRT yang dikatakan bernilai RM36.6 dan juga sekiranya mengambil kira kos pengambilan tanah dan sebagainya boleh mencecah RM51.7 bilion sebagai unjuran yang disebut dalam media dan juga banyak penjelasan ataupun ulasan yang diberi dalam projek sedemikian.

Saya hendak tanya, adakah ini juga bermaksud kerajaan terpaksa untuk menilai semula bagaimana pembiayaan deposit di masa akan datang oleh kerana pengeluaran bon ini, pengeluaran bon di pasaran yang akan ditentukan kemudian juga akan menentukan sebahagian daripada bebanan kewangan ini untuk diatur di masa akan datang terutama apabila berlaku *duration period*, dengan izin yang menentukan sama ada kedudukan pembiayaan deposit kita kukuh ataupun munasabah untuk masa akan datang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jasin. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawab.

**5.41 ptg.**

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kesungguhan kerajaan untuk meningkatkan lagi prasarana pengangkutan awam kerana pada ketika ini Kuala Lumpur hanya mencapai sebanyak 17.5% sahaja penggunaan *public transport*. Dengan adanya MRT ini kita akan meningkatkan lagi *public transport* dan kita harap supaya kesesakan dapat dikurangkan.

Soalan saya yang pertamanya kerana pelaburan ini adalah satu pelaburan yang besar dan memerlukan terbitan bon yang *back to back* kepada kerajaan. Jadi apakah sebenarnya jaminan pulangan yang akan didapati daripada pelaburan kita supaya kita dapat membayar kembali bon kepada pelabur-pelabur ini dan berapakah faedah yang akan kita berikan kepada pelabur dan keuntungan sebaliknya kepada pihak perbadanan.

Keduanya, berapa lamakah yang kita jangka keuntungan itu akan kita dapati kerana bon ini mungkin akan satu jangka masa, tetapi pulangan daripada MRT ini mungkin akan mengambil masa yang panjang untuk kita peroleh. Akan tetapi apabila bon ini nanti sampai kepada masa matang, terpaksa bayar. Daripada wang manakah akan kita bayar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**5.43 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini bermula dengan Ahli Yang Berhormat Kepong. Soalan-soalan yang dikemukakan siapakah yang akan mengeluarkan bon, syarikat yang hari ini kita bentangkan dalam usul iaitu Danalnfra. Dia akan mengeluarkan bon atas nama Danalnfra tetapi akan diguaranteekan oleh kerajaan. Ini yang akan dilakukan dan sama ada ia akan dikeluarkan melalui sukuk bon Islam ataupun konvensional, ini akan dikaji. Belum dibuat keputusan lagi. Barangkali akan merupakan satu campuran kerana kita mahu mengambil kesempatan daripada keadaan pasaran. Kita kena tengok keadaan pasaran dan *appetite*, dengan izin untuk bon-bon ini. Kalau *appetitenya* mencukupi melalui bon Islam barangkali lebih akan dikeluarkan bon Islam.

Pulangan, ia akan bergantung kepada keadaan pasaran. Apabila berlaku pengeluaran bon, ia akan ada satu *bidding process*. Jadi *bidding process* ini akan menentukan harga bon yang akan diminta oleh setiap pembeli dan ini akan diagihkan mengikut harga-harga yang diminta itu dan ini akan menentukan pulangan yang sebenarnya bergantung kepada keadaan pasaran.

Peruntukan yang dibuat melalui resolusi ini hanya RM10 juta kepada Danalnfra supaya dia boleh memulakan kerja-kerja awal dan sebahagian lainnya akan diperolehi melalui pengeluaran bon ataupun pinjaman dari pasaran. Mungkin dipinjam sebahagiannya juga daripada KWSP sekiranya KWSP mempunyai dana yang boleh dipinjamkan untuk tujuan ini dengan barangkali kadar yang juga boleh menguntungkan KWSP dalam keadaan pasaran hari ini.

Bila bon dikeluarkan? Dijangka dalam tahun 2012. Tahun ini barangkali dibuat persiapan, dibuat pengumuman, persediaan, *road show* kalau perlu kepada bakal pembeli. Dari segi pelaksanaan MRT, akan dibuat secara telus bukan sahaja dari segi perolehan modal melalui bon, tetapi juga dari segi jawatankuasa-jawatankuasa yang akan ditubuhkan. *Steering committee*nya akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Kemudian ada *exconya* yang akan dipengerusikan oleh KSN, saya difahamkan. Ada *exco* dan jawatankuasa teknikal yang akan dipengerusikan oleh SPAD.

Jadi bermakna ada lapisan jawatankuasa yang akan memantau. Dengan itu diharapkan pelaksanaannya akan berjalan dengan baik dan licin.

Yang Berhormat Indera Mahkota bertanya tentang bon yang dikeluarkan ini. Apakah ia akan melibatkan kedudukan defisit masa akan datang. Buat masa ini pengeluaran bon ini dilakukan oleh satu syarikat kerajaan, syarikat milik kerajaan dan dia tidak dikira secara langsung kepada defisit negara kita – defisit kerajaan. Ini lebih berbentuk swasta. Akan tetapi

*guaranteenya* masih ada. Kontinjen liabilitinya masih ada kerana *guarantee* kerajaan. Akan tetapi diharapkan bahawa *revenue* hasil daripada penggunaan MRT ini yang dijangka akan melibatkan 400,000 orang penumpang sehari apabila beroperasi dalam tahun 2016. Ini dijangka 400,000 orang penumpang sehari bermula tahun 2016 apabila siap semua laluan. Ini akan memberikan hasil untuk menampung pembiayaan bon-bon yang dikeluarkan.

Yang Berhormat Jasin ada bertanya tentang faedah kepada pelabur. Ini telah saya jawab iaitu dari segi pulangan ke atas bon ini akan ditentukan oleh keadaan pasaran berdasarkan *bidding process* yang akan dilakukan. Keuntungannya barangkali tidak semestinya diukur melalui jumlah hasil yang dikutip daripada MRT dan jumlah perbelanjaan tetapi perlu diukur dengan cara meluas. Umpamanya Yang Berhormat Jasin ada sebut akan berlakunya peningkatan dalam penggunaan *public transportation*. Akan mengurangkan kesuntukan di jalan raya. Ini semua akan meningkatkan produktiviti negara.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Ini kerana masa yang dihabiskan dalam perjalanan, ini tidak merupakan masa yang produktif. Jadi kalau sesetengah kita tahu kalau di negara-negara maju yang lain, apabila seseorang menaiki *mass transit* ini kita lihat, mereka boleh buat kerja pun atas itu. Boleh membaca buku. Membaca kerana perjalanannya agak selesa dengan keadaan *aircondnya*, dengan keadaan tempat duduk yang selesa. Jadi ini semua akan merupakan faedah-faedah yang boleh diambil kira untuk menilai dari segi faedah *cost benefit analysis* untuk projek ini. Saya rasa dalam jangka masa panjang, projek ini sudah tentu memberi hasil yang lebih baik kepada negara daripada keadaan sekarang.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar satu taklimat mengenai MRT. Tidak dijangkakan bahawa kita akan – pulangan daripada tambang MRT ini hanya cukup untuk mungkin menampung kos *maintenancenya* sahaja. Jadi bilakah agaknya kementerian mengagak kita dapat pulangan ataupun keuntungan.

■1750

Dalam pembacaan saya yang tidak berapa banyak ini, semua *public transport system* di kebanyakan negara tidak menguntungkan. Apakah ini benar dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menangani masalah ini?

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Betullah kalau dikira dari segi hasil yang dikutip daripada penjualan tiket dan perbelanjaan yang dibuat itu, barangkali ini akan kelihatan kerajaan perlu terus membantu projek ini. Begitu juga di negara-negara lain. Akan tetapi ianya boleh dikurangkan. Seperti yang saya katakan tadi, hasilnya tidaklah boleh diukur semata-mata berdasarkan kepada kos dan *revenue* tetapi diukur daripada hasil yang diperolehi oleh kerajaan sepenuhnya seperti dari segi produktiviti dan sebagainya. Namun, kita juga mesti ingat bahawa apabila laluan ini dibuat, banyak juga projek pembangunan yang akan

diiringi bersama dengan pembangunan MRT ini. Ini juga merupakan satu sumber hasil yang akan diperolehi.

Jadi keseluruhannya kita akan cari satu pendekatan yang paling ekonomik untuk negara kita dan ini akan dibuat oleh SPAD yang sedang merangka pelan induk pengangkutan awam yang akan merancang pembangunan MRT secara berfasa dan sudah tentu mengambil kira dari segi kedudukan kewangan. Jadi, saya rasa memanglah dari segi keperluan kita untuk memastikan bahawa projek seperti ini akan menghasilkan sesuatu yang kos efektif dan saya rasa semua pihak yang terlibat ini – pelbagai jawatankuasa yang saya sebut tadi *steering committee* nya, Exconya, teknikalnya akan memperhalusi semua ini. Pelan induk pengangkutan awam juga akan menghasilkan satu pembangunan yang tidak akan merugikan kerajaan dalam jangka masa panjang. Terima kasih. Terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 15 yang hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

### **AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 [AKTA 275]**

#### **5.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk membentangkan satu resolusi berkaitan ketetapan mengenai pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan daripada akaun pinjaman yang disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan mengikut keperluan seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 (Akta 275). Resolusi ini dibentangkan supaya kerajaan memindahkan sebanyak RM15,500 juta wang terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan bagi tahun 2010 yang pada masa ini berada dalam akaun Pinjaman Yang Disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan untuk menampung keperluan perbelanjaan pembangunan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Pembangunan ialah satu kumpulan wang amanah kerajaan yang ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 bagi tujuan membiayai projek-projek pembangunan. Salah satu sumber dana yang terdapat dalam akaun Kumpulan Wang Pembangunan ini adalah melalui pindahan dari akaun Pinjaman Yang Disatukan. Dana yang dipindahkan ini akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan.

Seksyen 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 memperuntukkan bahawa terimaan daripada Terbitan Pelaburan Kerajaan hanya boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan setelah mendapat kelulusan Dewan Rakyat dengan resolusi. Untuk makluman

Ahli Yang Berhormat, Terbitan Pelaburan Kerajaan adalah merupakan sekuriti pinjaman berasaskan syariah diterbitkan kerajaan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 yang merupakan instrumen pinjaman jangka panjang bertujuan untuk meningkatkan pembangunan pasaran kewangan Islam. Instrumen ini akan memberi peluang yang lebih luas kepada institusi-institusi Islam termasuk Institusi kewangan Islam melabur dana dalam instrumen berasaskan Syariah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan saya ingin memohon mencadangkan resolusi berkaitan ketetapan pemindahan wang Terbitan Pelaburan Kerajaan sebanyak RM15,500 juta daripada akaun Pinjaman Disatukan kepada akaun Kumpulan Wang Pembangunan diluluskan oleh Dewan Rakyat. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

#### 5.55 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini melibatkan RM15.5 bilion. *[Disampuk]* Hendak balik? Saya pun hendak balik juga. Tunggu hendak balik sahaja sekarang ini. Tetapi wang yang begitu besar jumlahnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ialah satu dana yang berbentuk Syariah. Kalau kita membandingkan dengan bentuk konvensional, apakah kelebihan dengan cara Syariah ini? Ini kerana RM15.5 bilion bukan jumlah yang sangat besar. Kalau diletak cara konvensional, macam mana berbanding dengan cara Syariah? Saya kurang arif di dalam hal Syariah ini dan saya berharap Yang Berhormat dapat menerangkan. Walaupun Yang Berhormat Sri Gading dia angguk sahaja... *[Disampuk]* Tidak tahu juga.

Kemudian kita di dalam RMKe-10, projek-projek yang akan dilaksanakan untuk RM15.5 bilion ini, berapa bilangan projek akan memerlukan wang begitu banyak? Adakah ini akan digunakan apabila RMKe-10 dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini? Dana ini disediakan sebelum kita membentangkan RMKe-10. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota dan selepas itu Menteri menjawab.

#### 5.57 ptg.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Prosedur pemindahan wang ini adalah satu perkara yang biasa. Saya rasa itu antara penerangan yang kita akan dapat daripada pihak kementerian walaupun Akta 275 adalah menjadi satu prosedur biasa. Cuma, saya mohon kepada Dewan untuk meneliti sekiranya ada implikasi perundangan sekali lagi atau implikasi Perlembagaan. Ini kerana pemindahan dari satu akaun ke satu akaun diberi

status kelulusan di hadapan Dewan kita tetapi masih lagi kita memerlukan satu *jurisdiction* yang kukuh. Saya boleh kata bersetuju, saya rasa semua yang hadir dalam Dewan ini boleh bersetuju.

Akan tetapi kita kena ingat peraturan mesyuarat di bawah Perkara 13 iaitu cukup bilangan. Kita tidak boleh mengusulkan kepada Dewan untuk mendapat kelulusan sedangkan kita tidak memenuhi Peraturan Mesyuarat 13 iaitu cukup bilangan. Kita tidak ada cukup bilangan untuk mengesahkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, peraturan mesyuarat itu jika dipanggil kuorum.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, tetapi Tuan Yang di-Pertua, dalam peraturan mesyuarat cukup bilangan ini meletakkan satu kondisi yang cukup mustahak dan cukup kuat untuk dibawa kepada satu Dewan tentang usul. Ini usul yang hendak dibangkitkan oleh Menteri Kewangan untuk memindahkan wang. Usul ini sudah tentu mesti dibawa kepada Dewan yang memenuhi syarat-syarat dan di antara syaratnya ialah kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, saya katakan kita tidak ada masalah kuorum, kecuali dipanggil kuorum. Maknanya mesyuarat boleh berjalan kecuali ada panggilan kuorum.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tetapi kita tidak ada kuorum yang mencukupi sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya berharap kebijaksanaan sahabat saya Yang Berhormat Indera Mahkota, kalau tidak dipanggil kuorum, dia tidak menjadi persoalan tiada kuorum.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, sebab itu saya kata...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Maknanya, kalau tidak dipanggil, ia tetap cukup kuorum. Saya rasa Yang Berhormat Indera Mahkota faham ini, budi bicara...

#### ■1800

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Rakan Yang Berhormat Sri Gading, rakan Yang Berhormat Sri Gading saya bersetuju. Sebenarnya saya pun hendak balik awal juga, saya pun hendak balik juga. Akan tetapi saya mengambil kira nasihat Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri, supaya tunggu teliti apa perkara yang boleh kita beri pandangan, sebab saya tahu niat ataupun tujuan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk meluluskan apa sahaja yang dihadapkan ke dalam Majlis dengan cara yang betul. Saya pasti sebab itu saya dapat peringatan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan supaya sama-sama meneliti.

Antara perkara yang saya rasa perlu kita teliti ialah Peraturan Mesyuarat 13. Ini boleh kita buat senang sahaja kita panggil mungkin ada yang dekat luar cukup bilangan kita dan kita boleh luluskan. Tidak ada masalah. Saya berpandangan kita bimbang sekiranya perkara ini timbul kemudian hari kita meluluskan pemindahan berjumlah RM15.5 bilion dengan tidak ada cukup bilangan. Iaitu kuorum kita tidak tercapai untuk memberi kuasa kepada Dewan meluluskan pemindahan wang ini. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya saya katakan lagi bahawa kita tidak ada masalah pada ketika ini kecuali dipanggil kuorum. Peraturan mesyuarat mengatakan mesyuarat tidak boleh berjalan kecuali kuorum dipanggil.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Adakah bermakna...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Indera Mahkota boleh sambung?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Adakah bermakna...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Sebenarnya dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai cukup kuorum. Sebenarnya apa yang kita buat resolusi ini adalah formaliti sahaja untuk mendapatkan kelulusan daripada Dewan Rakyat. Ini kerana tujuan untuk kita buat resolusi ini adalah untuk membiayai perbelanjaan pembangunan, itu sahaja. Satu formaliti sahaja. Terima kasih. Kuorum kita cukup sekarang ini kita boleh kiralah.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Jasin sepatutnya memberi nasihat kepada saya dan rakan-rakan yang lain. Ini secara jelas bentuknya adalah usul. Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, usul. Oleh kerana usul dia memerlukan satu kedudukan yang jelas iaitu perkara atau Peraturan Mesyuarat 13 berkenaan dengan kuorum. Akan tetapi terserahlah kalau rasa kita tidak mahu mengambil kira syarat ini tidak apa. Saya tidak ada masalah sebab yang terpaksa menjawab bukan saya iaitu pihak kerajaan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

## 6.02 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya Yang Berhormat Kepong menyatakan bahawa jumlah RM15.5 bilion ini adalah satu jumlah yang besar. Ini telah diperoleh melalui pengeluaran bon yang berlandaskan Syariah. Jadi soalnya apakah sekiranya dilaksanakan mengikut kaedah konvensional apa perbezaannya? Jadi itu soalan yang sukar kita hendak jawab kerana kita tidak lakukan mengikut konvensional. Ia sudah dilakukan mengikut syariah. Akan tetapi kalau Yang Berhormat Kepong berminat apabila dilakukan berdasarkan syariah apakah kadar pulangannya juga berlandaskan kepada keadaan pasaran? Itu memang ya. Ini kerana seperti yang saya sebutkan tadi konvensionalkah Islamik kah mesti mengikut keadaan pasaran, mengikut *bidding*, mengikut *demand* dan *supply*. Itu pertama.

Kedua yang dikeluarkan oleh kerajaan ini juga tidak semata-mata untuk membiayai perbelanjaan pembangunan kerajaan. Akan tetapi untuk memenuhi permintaan institusi kewangan Islam yang mempunyai dana yang begitu banyak dan yang perlu meletakkan dana-dana ini ke dalam *instrument* Islam, *Islamic instrument*. Jadi apa yang dilakukan oleh kerajaan ini merupakan bermatlamat dualah. Satunya untuk menampung perbelanjaan pembangunan

keduanya untuk membangunkan sistem kewangan Islam. Jadi kalau dilihat secara itu maka jelaslah apa yang dilakukan oleh kerajaan ini adalah yang baik.

Keduanya soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepong ialah mana dia kita sudah lulus ini perbelanjaan untuk apa? Untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh kah untuk apa? Sebenarnya ia akan digunakan oleh kerajaan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan 2011 yang telah pun diluluskan oleh Dewan yang mulia ini melalui belanjawan bajet yang kita luluskan. Jadi kita luluskan belanjawan pembangunan saya sudah tidak ingat RM45 bilionkah RM50 bilionkah. Jadi RM15.5 akan ditanggung melalui wang yang sudah ada ini. Sudah pun ada dalam Akaun Hasil yang kita hendak pindahkan untuk kita membiayai perbelanjaan kerajaan dalam tahun 2010/2011 ini.

Oleh sebab itulah pemindahan inilah wangnya sudah pun diperolehi melalui penerbitan *instrument* yang telah dibuat tetapi perbelanjaannya belum dibuat lagi. Jadi kita perlu pisahkan dalam minda kita dari segi perbelanjaan dan *financing* dengan izin. *Financing* nya boleh dibuat awal tetapi digunakan untuk pembiayaan dalam tahun 2011 sebahagiannya. Sebahagiannya boleh digunakan dalam tahun 2010. Jadi inilah yang dibuat.

Saya rasa soal kuorum ini tidak timbullah kerana saya yakin semuanya sudah ada sudah, sudah masuk sudah pun jadi tidak ada masalah. Cuma kita terima kasihlah atas peringatan supaya kawan-kawan kita yang berada di luar itu masuk. Jadi supaya kita ramai lebih ramai lebih mesra. *The more, the merrier.*

Minta maaf ya saya diperingatkan bahawa peruntukan RM15.5 telah diluluskan dalam Bajet 2010 bukannya Bajet 2011. Okey terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

## AKTA TATACARA KEWANGAN 1957 (SEMAKAN 1972)

### 6.07 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sekarang kita sudah ada *over* kuorum sudah. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah seksyen 10(4)(a)

Akta Tatacara Kewangan 1957 (Semakan 1972), membuat ketetapan bersetuju supaya Jadual Kedua akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru seperti berikut:-

‘Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni.’

Tuan Yang di-Pertua mengikut peruntukan seksyen 10(4)(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 Dewan Rakyat boleh dari semasa ke semasa dengan satu ketetapan meminda, memotong atau menambah kepada jadual kedua tersebut. Objektif penubuhan Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni adalah seperti berikut;

- (i) Untuk membiayai pelaksanaan aktiviti, program dan projek kebudayaan dan kesenian yang bercorak kebangsaan;
- (ii) Menyediakan kemudahan yang bersesuaian dengan tujuan mengembangkan;
- (iii) Meluaskan pengetahuan fahaman dan kemajuan serta menambah keupayaan memperoleh dan pemakaian kebudayaan dan kesenian oleh seluruh lapisan masyarakat yang meliputi seni tari, seni teater, seni visual, seni sastera, seni muzik, seni persembahan, seni perfileman, seni kraf tangan dan yang lain-lainnya;
- (iv) Menyediakan kemudahan yang bersesuaian dan memberi bantuan kewangan kepada badan-badan dan penggiat seni yang daif serta waris penggiat seni yang telah meninggal dunia;
- (v) Menghargai jasa dan sumbangan yang diberikan oleh penggiat seni dalam membangunkan industri seni, budaya dan warisan.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan bercadang supaya baki kewangan daripada tiga akaun di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan yang sedia ada iaitu Akaun Amanah Kebudayaan melalui seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957, Akaun Amanah Pembangunan Seni dan Muzik yang juga ditubuhkan di bawah seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Tabung Kebajikan Penggiat Seni yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009 diakaunkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini.

#### ■1810

Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni tersebut akan mengambil alih fungsi ketiga-tiga akaun yang sedia ada. Kerajaan amat mengalu-alukan sumbangan dari syarikat individu kepada Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini atas dasar tanggungjawab sosial. Penubuhan kumpulan wang amanah berkenaan merupakan pengiktirafan dan penghargaan kerajaan ke atas sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan oleh penggiat-penggiat seni dalam memartabatkan seni budaya dan warisan negara.

Usaha ini juga diharapkan akan dapat membantu artis dan karyawan untuk memupuk kreativiti dan menyuntik semangat untuk terus berkarya serta menyumbangkan khidmat bakti kepada negara. Dengan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni ini, takrif penggiat seni telah diperluaskan lagi, tidak hanya merangkumi penyanyi dan pelakon sahaja tetapi juga meliputi individu-individu yang bergiat aktif dalam lain-lain bidang

seni budaya dan warisan seperti seni persembahan, seni visual, audio visual, filem muzik, kesusasteraan, seni kraf dan lain-lain bidang seni.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah kepadanya butiran baru iaitu 'Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni'. Saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]:** Saya mohon menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Sri Gading.

#### 6.11 ptg.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Mudah-mudahan Kumpulan Wang Amanah dan Kebajikan Penggiat Seni akan dapat membantu seniman dan seniwati yang telah berkecimpung dalam filem-filem Melayu di Shaw Brothers, Cathay Keris, Merdeka Studio yang hari ini uzur, sakit, tidak ada mata pencarian sedangkan nama mereka satu ketika dahulu disanjung, dipuja oleh masyarakat. Maka, pada hari ini haruslah dengan wang kumpulan ini memberikan bantuan kepada mereka agar maruah mereka dapat dibela oleh kita supaya mereka dapat menyambung kehidupan dalam keadaan yang selesa. Saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 6.12 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memang kita mesti menggalakkan untuk kegiatan seni dan di dalam Dewan ini ada dua laporan. Salah satunya laporan mengenai Balai Seni Lukis Negara dan pelbagai. Itu adalah aktiviti yang dipamerkan dengan gambar-gambar yang menarik. Ada tengok di dalam? *[Menunjukkan laporan berkaitan]* Yang Berhormat Sri Gading pun tidak tengok langsung. Ada dua laporan. Tidak tengok langsung. Angguk sahaja. *[Ketawa]* Tidak tengok langsung. *[Disampuk]* Saya pun hendak balik juga. Akan tetapi itulah, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan kepada Dewan yang mulia ini jumlah wang di dalam kumpulan wang yang namanya ditukarkan.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Nama bagi saya tidak apalah, hendak tukar kepada Kebudayaan Kebijaksanaan Penggiat Seni ataupun Aktiviti Seni ataupun apa sahajalah tidak mengapalah. Cuma jumlah wang yang ada di dalam kumpulan wang ini, itu penting. Bagaimana wang ini akan digunakan. Bukan setakat untuk mengeluarkan laporan yang cantik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Balik Pulau.

**Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Kepong, sedikit? Balik Pulau, sedikit sahaja sebab Yang Berhormat Langkawi pun ada di sini. Kebetulan membicarakan pasal seni lukis. Kita punya tokoh Ibrahim Hussein, hebat namanya. Lukisannya hingga ke Davos, meratanya. Allahyarham telah meninggal. Akan tetapi hari ini apabila Yang Berhormat Menteri membicarakan kebajikan orang seni, cumanya isu yang selalu tertinggal ialah ketika mana mereka telah tidak ada. Jadi, hal ehwal kebajikan keluarga, apatah lagi aspek-aspek seni tersebut dan kita tahu kerajaan mungkin melalui Kerajaan Singapura ataupun usaha persendirian, banyak hasil-hasil seni Malaysia yang sudah ke sana. Saya khuatir kebajikan kita bukan sahaja kebajikan yang bersifat kemanusiaan begitu. Mesti kebajikan yang menyeluruh agar mereka juga dapat mengaut balik keuntungan terhadap hasil seni itu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri tolong beri perhatian kerana ia melibatkan satu agenda kerajaan di Langkawi. Jadi, perlu membantu keluarga Allahyarham yang sekarang ini terpaksa berusaha secara sendiri.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein :** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepong belum habis lagi. *[Ketawa]*

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Oh!!

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu dia bukan apa, dia itu asyik menjawab kerana kesenian itu penting. Saya bersetujulah dari segi menjaga kebajikan itu. Kebajikan semua jenis seni itu penting. Kita galakkan dan kita jaga orang-orang yang terlibat. Penggiat seni itu kita mesti jaga, keluarga dia kita jaga dan sebagainya supaya tahap kesenian di Malaysia ini akan meningkat lagi. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading serta Yang Berhormat Balik Pulau. Tentang berapa jumlah sekarang yang sedia ada ialah sebanyak RM3.4 juta. Sehingga kini yang telah dibelanjakan ialah RM1.5 juta. Saya ingin menyebut beberapa statistik supaya dapat kita renungi bersama iaitu pelbagai bantuan yang telah diberikan. Sehingga kini ialah seramai 350 orang yang telah pun mendapat sumbangan dari tabung-tabung ini terdiri dari penulis, karyawan filem, pemuzik, pelukis, teater tradisional, teater kontemporari, kraf tangan dan lain-lain. Semua, bukan sahaja untuk penggiat seni Melayu tetapi juga dari keturunan semualah.

Jadi, tabung-tabung ini 1Malaysiaiah. Melayu seramai 281 orang, Cina seramai 18 orang, India seramai 24 orang, lain-lain seramai 27 orang. Akan tetapi apabila adanya tabung dana yang kita peruntukkan melalui resolusi ini, yang pentingnya kalau dahulu ia berlandaskan kepada sumbangan yang dibuat daripada kutipan-kutipan dari pihak penggiat seni sendiri, dari pelbagai sumbangan swasta dan sebagainya. Sekarang apabila dibuat di bawah seksyen 10 ini, maka bukan sahaja sumbangan swasta tetapi sumbangan kerajaan juga dapat diberikan. Jadi sekian, terima kasihlah kepada semua.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Saya ada soalan sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Boleh sedikit sahaja? Saya cuma hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri, siapakah yang digelar penggiat seni? Ada definisi atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 17 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

## AKTA KASTAM 1967

### 6.19 ptg.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh seksyen 11 subseksyen 2 Akta Kastam 1967 supaya Perintah Duti Kastam berikut dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai kertas statut bil. ST14 dan ST.15 tahun 2011 disahkan”.

### ■1820

Perintah duti kastam barang-barang di bawah *Early Harvest Program* dengan izin dan Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara ASEAN dan China (Pindaan) 2010 P.U.(A) 434 bertarikh 30 Disember 2010, kertas statut bilangan ST.14. Perintah ini diwartakan bagi memperbaharui prosedur pensijilan operasi (*operational certification procedures*) untuk Peraturan Syarat Tempasal *Rules of Origin* serta pindaan ke atas borang E bagi kawasan perdagangan bebas ASEAN dan Republik Rakyat China.

Pembaharuan ini akan mempertingkatkan fasilitasi perdagangan dan menggalakkan penggunaan prosedur tersebut dalam perjanjian perdagangan barangan bagi Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara ASEAN dan Republik Rakyat China (ACFTA) di kalangan komuniti perniagaan. Pewartaan peringkat ini turut melibatkan pengemaskinian kadar dan duti import yang telah ditawarkan di bawah ACFTA supaya ia memenuhi komitmen negara terhadap konsesi duti import yang telah dipersetujui di bawah perjanjian tersebut. Perintah Duti Kastam barang-barang di bawah *Early Harvest Program* dan sepertinya Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara ASEAN dan China (Pindaan) 2011 P.U.(A) 64 bertarikh 1 Mac 2011, kertas statut bilangan ST.15.

Perintah ini diwartakan untuk melaksanakan *Product Specific Rules* ke atas 477 baris tarif yang berkuat kuasa pada 1 Mac 2011. Bagi memenuhi komitmen Malaysia di bawah protokol kedua meminda Perjanjian Perdagangan Barangan bagi Perjanjian Rangka Kerja Kerjasama Ekonomi Komprehensif di antara ASEAN dan Republik Rakyat China (ACFTA). PSR ini iaitu *Product Specific Rules* dilaksanakan serentak oleh semua negara anggota ASEAN dan negara China mulai tarikh kuat kuasa. Dengan pelaksanaan PSR para pengeksport dan pengilang di ASEAN dan China akan mempunyai fleksibiliti dalam memilih peraturan lebih mudah dan sesuai, yang dapat memenuhi syarat tempasal produk tanpa perlu memenuhi syarat minimum 40% kandungan tempatan bagi menikmati konsesi duti di bawah ACFTA.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

#### 6.22 ptg.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan cepatlah saya pun hendak baliklah tetapi mengenai ACFTA, saya ada membaca kertas Statut 14 dan 15. Di dalamnya saya nampak negara-negara ASEAN pun terlibat.

Yang Berhormat, dengan adanya ACFTA ini, adakah konsesi cukai kita itu, apakah kita anggap atau kita unjurkan konsesi cukai dan bilangan barang yang dikenakan cukai itu berapa peratus? Juga barang yang konsesi itu akan diadakan untuk perdagangan dengan China. Itu sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

#### 6.23 ptg.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Akta 235 yang dibentangkan baru sekejap tadi untuk menguatkuasakan perintah ini yang dikatakan bermula pada 1 Januari 2011. Saya hendak tanya, apakah yang terjadi pada status sebelum pada tarikh ini di mana rang undang-undang atau kertas Statut 14 dan 15 ini telah pun diluluskan terdahulu semasa pindaan 2010. Selepas daripada kita mengambil kira beberapa prosedur itu apabila deklarasi *Certificate of Origin* dengan izin, yang mungkin ada perubahan dari segi nilai bayaran atau nilai yang dikenakan sebelum daripada tarikh penguatkuasaan ini. Adakah juga akan diambil kira pemulangan caj ataupun apa-apa bayaran terdahulu dipulangkan semula?

Saya hendak tanya perkara yang sama yang diluluskan untuk kuat kuasa pada sertamerta itu, pada masa cadangan untuk menghapuskan duti import kepada 300 barangan yang telah diluluskan pada hari pembentangan belanjawan pada bulan Oktober tahun lalu dan

dikatakan tarikh kuat kuasa tersebut adalah secara serta-merta iaitu pada 15 September hari tersebut. Tidak ada kertas statut dibentangkan pada Dewan untuk urusan yang berkenaan sehingga pada hari ini. Juga ia menyentuh tentang aspek *Certification of Origin* terhadap barang-barang yang kita kecualikan duti import tersebut. Apakah bayaran-bayaran terdahulu diambil kira untuk *reimbursement*. Saya rasa soalan ini sudah dua kali saya bertanya atas perkara yang sama.

Saya juga sementara kita berpeluang untuk berbincang tentang isu hasil yang dipungut oleh pihak Kastam Diraja Malaysia, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mempunyai kedudukan yang terbaik untuk memberi penjelasan atas insiden yang berlaku semalam, yang menimpa salah seorang kaki tangan Jabatan Kastam Diraja Malaysia, yang meninggal dunia di bangunan SPRM. Pelbagai spekulasi telah timbul dan hari ini ada spekulasi terbaru yang mengatakan beliau menerima ugutan daripada pihak SPRM. Perkara ini telah mendatangi satu suasana yang tidak elok di kalangan penjawat-penjawat awam kita, apatah lagi apabila mereka merasakan tidak patut sama sekali apabila klasifikasi kematian tersebut diandaikan seolah-olah sebagai kematian yang mengejut yang dikatakan sebagai pilihan beliau sendiri.

Perkara ini amatlah tidak wajar kita biarkan berlarutan dan saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan mempunyai satu kedudukan yang terbaik pada masa ini untuk memberi penjelasan, yang sekali gus barangkali boleh menamatkan isu ini daripada berpanjangan. Terima kasih.

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** [*Bangun*]

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat. Saya melihat Yang Berhormat Jasin bangun. Yang Berhormat Jasin selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah dapat membentangkan isu ini, yang sebenarnya meliputi berhubung dengan duti import dan tarif, komitmen negara selaras dengan kerjasama ekonomi antara ASEAN dan juga China selain daripada untuk mengemas kini.

Soalan saya setakat manakah terjejasnya ataupun pengurangan selama ada keuntungan ataupun kehilangan berhubung dengan pengukuhan ringgit pada ketika ini kepada pengeksporth dan juga pengimport. Kalau pengimport, dia untung tetapi pengeksporth mungkin rugi kerana pengukuhan ringgit pada ketika ini.

Keduanya, saya ingin merakam kita rasa cukup dukacita, kesal dan dengan izin, *disappointed* tentang apa yang telah dijumpai oleh SPRM tentang salah laku daripada kastam. Selama ini kita cukup menyanjung satu-satunya jabatan yang telah berkeupayaan memungut hasil negara yang paling tertinggi selain daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, saya

hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, setakat manakah sebenarnya terjejas pungutan kita, hasil daripada apa yang telah dijumpai oleh SPRM. Terima kasih. Saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6.29 ptg.**

**Datuk Dr. Awang Adek Hussein:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin menjawab Yang Berhormat Kepong. Tadi bila konsesi dengan negara China ini berapa peratus duti. Ianya melibatkan penurunan cukai dari biasa, dari negara-negara lain tetapi oleh kerana kita ada perjanjian ASEAN-China ini banyak produk-produk kita, kadarnya adalah lima peratus. Jadi, cukup berkurangan.

Apa yang dibentangkan hari ini ialah bagaimana untuk membolehkan import dari China ini mendapat lima peratus ini bukan sahaja dari segi produk-produk yang dikenal pasti tetapi juga dari segi prosedurnya. Umpamanya, dari segi penggunaan *certificate* untuk mengesahkan produk ini dari China ataupun juga dalam aspek *invoicing* ini.

■1830

Kita membenarkan *third party invoicing*. Walaupun produk itu kita import dari China inoisnya boleh datang daripada negara-negara lain berdasarkan operasi syarikat itu yang berada di pelbagai tempat barangkali dari segi kewangannya, dari segi *invoicing*nya dibuat dari Hong Kong umpamanya ataupun Singapore ataupun dalam kes Nokia barangkali dari Finland tetapi produknya dibuat di China. Jadi ini semuanya untuk mempermudah supaya perdagangan antara ASEAN dan China ini meningkat dan hari ini kalau dikira jumlah perdagangan antara China dan ASEAN barangkali boleh dikatakan antara yang tertinggi. Bahkan Malaysia kita sendiri kalau dikira dari segi *total trade* dengan izin China hari ini merupakan rakan dagang kita yang paling besar di dunia. *So, is something* dengan izin kita akan bantu.

Soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Indera Mahkota soal semasa dan juga Yang Berhormat Jasin soal *investigation* dengan izin yang dilakukan oleh SPRM yang melibatkan sejumlah pegawai-pegawai yang sebahagiannya dari Jabatan Kastam barangkali ada juga dari lain. Perkara ini masih lagi pertamanya dalam peringkat *investigation*. Jadi saya pun tidak tahu maklumat terkini hendak komen. Cuma secara umum saya boleh katakan bahawa apa pun ia tidak seharusnya menjejaskan warga kastam keseluruhannya. Jadi kita kena ingat kalau pun ada sejumlah kecil yang terlibat ia tidak harus dilihat bahawa ini merupakan satu gejala yang telah menyebabkan seluruh anggota kastam kerana saya tahu ramai anggota kastam yang merupakan warga kastam dan warganegara yang begitu *honest* yang membuat kerja mencari makan dengan ikhlas.

Saya bimbang kadangkala dengan pandangan yang sensasi ini boleh meletakkan mereka di tahap mereka terasa berkecil hati. Jadi saya rasa kita tidak boleh. *What is right is*

*right, what is wrong is wrong* dengan izin. *Investigation must go on* tapi jangan kita keluarkan satu pandangan umum terutama sekali dari Dewan yang mulia ini bahawa oleh kerana satu dua kelompok yang terlibat maka umumnya telah dilihat sebagai telah terjebak dalam masalah ini. Itu pertama.

Keduanya dari segi kematian saya rasa kita tahu bahawa pihak Polis Diraja Malaysia pun sedang menyasiat. Jadi saya pun tidak tahulah saya sebenarnya pun hari ini sibuk di Dewan Parlimen ini hendak jawab dan bentang usul-usul ini. Jadi saya tidak tahu maklumat yang terkini tetapi biarlah penyasiatan itu dijalankan. Kita tidak perlulah hendak mendahului polis hendak menyatakan apa sebab kematiannya, hendak mempersoalkan pelbagai yang mungkin kita tidak mempunyai kepakaran dan juga jauh berada daripada tempat yang berlaku. Biarlah polis yang menyasiat dan saya yakin kebenaran akan terjelma nanti. *Insyallah*.

Jadi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sokongan kepada resolusi ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah ini kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah perkara 18 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

## AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

### 6.34 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan Usul yang terakhir pada hari ini, *insya-Allah* dan Tuan Yang di-Pertua usul ini pun satu muka surat sahaja. Jadi harap boleh tunggu dua minit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa yang diletakkan padanya oleh subseksyen 5(3) Akta Cukai Perkhidmatan 1975 supaya Perintah Cukai Perkhidmatan yang dibentangkan di hadapan Majlis sebagai Kertas Statut Bilangan ST.16 tahun 2011 disahkan.”

Perintah Cukai Perkhidmatan, kadar cukai pindaan 2010 PUA 411 bertarikh 3 Disember 2010 perintah ini bertujuan untuk menaikkan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% ke atas semua perkhidmatan bercukai kecuali kad kredit dan kad caj kerana ini sudah dikenakan RM50. Kenaikan kadar cukai perkhidmatan daripada 5% kepada 6% adalah bertujuan untuk menjana hasil cukai tambahan untuk pembangunan negara. Kenaikan kadar cukai perkhidmatan

di atas adalah mula berkuat kuasa 1 Januari 2011. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kepong.

#### **6.36 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, yang terakhirlah. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang. Dengan pertambahan daripada 5% kepada 6% untuk perkhidmatan cukai ini apakah yang diunjurkan akan didapati melalui cukai kerana biasanya saya mengambil bahagian di dalam perbahasannya seumpama ini kerana cukai dan eksais ini melibatkan RM30 bilion sebahagiannya dan bukan sahaja itu jumlah yang besar bahkan juga kita mesti sentiasa mengambil perhatian dan dengan ditambahkan daripada 5% kepada 6% pada cukai perkhidmatan-perkhidmatan ini apakah unjuran yang akan didapati oleh pihak kementerian. Akhir sekali saya berharap dengan kematian di SPRM kita dapat siasatan yang lengkap, yang pesat untuk mengetahui kebenarannya yang mungkin sudah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Padang Rengas semua pejabat SPRM mungkin lain kali di tingkat yang bawah sekalilah. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Indera Mahkota.

#### **6.37 ptg.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tahu apakah dengan menambah 1% cukai perkhidmatan ini daripada 5% kepada 6% iaitu kenaikan 1% sebenarnya membawa kesan kenaikan 20%. Saya hendak kepastian betul atau tidak. Sebagai contoh, katakan 5% daripada jumlah yang dibelanjakan RM1,000 maka 5% daripada cukai itu dahulu kena bayar RM50. sekarang dinaikkan 1% kepada 6%. 6% daripada RM1,000 bermakna RM60. Kenaikan RM50 kepada RM60 ialah RM10. RM10 daripada RM50 adalah kenaikan 20%. Bukan 1% dari segi yang kita sebut itu memang kenaikan 1% daripada 5% ke 6% tapi kesan kenaikan itu sebenarnya mendatangkan 20% kenaikan kepada jumlah yang dipungut.

Saya rasa bolehkan RM10 dalam RM50 itu maknanya naik 20%. Itu kesan akhir yang kita hendak tonjolkan dalam kenaikan. Berapa agaknya kerajaan rasa boleh pungut? Kalau dahulu kenaikan 20% dalam cukai perkhidmatan kesan dia berapa dan saya hendak tahu kita dok sibuk sekarang ini kata sampai bawa kepada kes yang berlaku dua tiga hari lepas kerana kerajaan gagal mengutip cukai perkhidmatan yang tertangguh. Berapa agaknya cukai yang tertangguh ini yang menjadi masalah besar sehingga berlaku kematian agaknya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**6.39 ptg.**

**Datuk Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebenarnya bertanyakan perkara yang serupa walaupun tidak sama. Mengikut anggaran awal apabila ditambah satu mata peratusan bukannya 1%, satu mata peratusan daripada lima hingga enam, *one percentage point* bukannya *one percent*.

■1840

Anggaran hasil peningkatannya ialah RM600 juta, ini anggaran, sedikit sahaja. Kalau melihat kepada jumlah kutipan cukai perkhidmatan pada tahun 2010 sebelum dinaikkan ialah RM3.9 bilion. Jadi kalau mengikut jangkaan awal RM600 juta ini maka ia akan meningkat kepada RM4.5 bilion kalau dilihat sedemikian ataupun kalau kita ambil RM600 juta seperti mana Yang Berhormat Indera Mahkota tadi, RM600 juta peningkatan berbanding dengan kutipan sedia ada sekarang ini RM4 bilion, maka dia berada dalam tangga 12% ke 13%lah. Jadi bukannya 1%, betullah Yang Berhormat Indera Mahkota kata tadi tapi 20% itu mungkin tidak betullah tapi dalam lingkungan 12% ke 13% peningkatan.

Jadi ini satu peningkatan yang banyak dan bahkan kalau berdasarkan fakta yang sudah sedia ada, Januari hingga 31 Mac, kutipannya ialah RM1.24 bilion, tiga bulan sebanyak RM1.24 bilion. Kalau kita darab dengan secara mudah kali dengan empat, barangkali dia sudah RM5 bilion ke RM6 bilion, tapi itu angka-angka dialah. Makna kalau secara kira jangkaan awal RM600 juta, tapi itu berdasarkan kepada barangkali perkhidmatan yang sedia ada tapi kita tahu bahawa 2011 ini jumlah perkhidmatan dia meningkat, jumlah perkhidmatan sahaja kerana ekonomi kita sudah berkembang berbanding dengan tahap perkhidmatan pada tahun 2010.

Jadi bukan sahaja daripada segi peratusan sudah meningkat tetapi jumlah perkhidmatan, *the volume* dengan izin juga meningkat. Maka sebab itulah hasil RM5 bilion ke RM6 bilion ini barangkali tidak ada sesuatu yang luar biasa. Jadi itulah anggarannya barangkali bolehlah kita katakan antara RM600 juta hingga RM1 bilion itu dan ini kita akan lihatlah di akhir-akhir tahun berapa kutipan sebenar. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana telah menyokong dan meluluskan lima usul yang telah dibentangkan oleh kementerian dalam jangka masa yang paling efisien, *very efficient* dengan izin. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul Yang Berhormat Menteri Kewangan seperti yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini di bawah Perkara 19 yang telah dibentangkan sebagai Kertas Statut Bil. ST.16 tahun 2011 hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Parlimen ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang belum diberitahu, saya bagi pihak rakan-rakan Ahli-ahli Parlimen BNBBB mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker, Timbalan-timbalan Speaker, pegawai-pegawai Parlimen dan pegawai-pegawai kerajaan yang lain, Menteri-menteri, yang utamanya Menteri Parlimen yang menjayakan Persidangan Penggal Keempat Parlimen yang ke-12 bermula pada 7 Mac yang lalu hinggalah ke petang ini. Mudah-mudahan kita berjumpa lagi pada persidangan yang akan datang. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya bagi pihak Yang di-Pertua Dewan pun ingin merakamkan ucapan terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Ke-12 telah berlangsung selama 20 hari mulai daripada 7 Mac 2011 hingga 7 April 2011. Saya bagi pihak Yang di-Pertua Dewan Rakyat ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama [*Tepuk*] bagi membolehkan perjalanan Majlis Mesyuarat disempurnakan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai kerajaan, pegawai Parlimen Malaysia serta semua pihak yang turut terlibat dalam pengendalian urusan Majlis Mesyuarat pada sidang kali ini. Akhir kata saya ucapkan selamat pulang dan selamat sampai ke destinasi masing-masing. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga ke satu tarikh yang tidak ditetapkan. [*Tepuk*]

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.44 petang.***